USTAZ ASHAARI MUHAMMAD
عقيدة مؤمن
Siri 2
AQIDAH MUKMIN

USTAZ
ASHAARI
MUHAMMAD

AQIDAH MUKMIN

Siri 2

AQIDAH MUKMIN (II)

Cetakan Pertama Disember 1991

Diterbitkan oleh
PUSTAKA JASA
161-A, Jln. Aminuddin Baki,
Taman Tun Dr. Ismail,
60000 Kuala Lumpur.
Malaysia

Aturhuruf dan Rekabentuk oleh
Unit Rekabentuk Shoutul Arqam

Muka Taip Teks: New Baskerville
Saiz Taip Teks: 11/13

Kulit Oleh
Unit Rekabentuk Shoutul Arqam

Dicetak di Malaysia oleh Vivar Printing Sdn. Bhd.

KANDUNGAN

SEKAPUR SIRIH

SEJAK Islam mula berkembang hinggalah ke hari ini, umat Islam tidak pernah rehat daripada menghadapi cabaran berbentuk aqidah. Muncul satu demi satu fahaman atau aqidah yang menyeleweng dari aqidah yang sebenar, sama ada yang timbul akibat kejahilan umat Islam sendiri atau yang diasak oleh musuh-musuh Islam secara halus.

Dalam situasi seperti ini, Ustaz Ashaari Muhammad muncul dengan membawa aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang jelas dan mampu diimplementasikan dalam segenap bidang kehidupan termasuk dalam ekonomi, politik, pendidikan, dan sebagainya. Dengan kata lain, beliau membawa fikrah Islamiah yang jelas bersandarkan aqidah yang tepat.

Kehadiran beliau kena pada masanya untuk menyelamatkan aqidah umat Islam seluruhnya agar terbina benteng aqidah yang kukuh dalam diri masing-masing, dan supaya setiap orang dapat inembetulkan aqidah yang salah yang menjadi pegangan mereka selama ini. Tanpa kekuatan aqidah, umat Islam sudah pasti akan terjebak dengan aqidah-aqidah yang sesat sama ada secara disedari atau tidak. Mereka boleh terjebak kepada aqidah qadariah, jabariah, bahai, qadiani, wahabi, syiah dan sebagainya. Aqidah mereka juga boleh rosak kerana menganut fahaman atau isme yang tidak dikaitkan dengan agama seperti komunisme, nasionalisme dan se-

bagainya, yang sudah berkembang luas di seluruh dunia Islam termasuk di Malaysia.

Ustaz Ashaari telah menyalurkan fikrah beliau dalam kuliah-kuliah fardhu ain, ceramah-ceramah umum dan tarbiah, serta menerusi buku-bukunya yang berjumlah 48 buah setakat ini. Setiap buku yang dikarangnya tidak terlepas dari menyentuh persoalan iman dan aqidah. Dan khusus untuk menyerang golongan syiah dan wahabi, beliau telah mengarang buku BAHAYA SYIAH dan BERHATI-HAT1 MEMBUAT TUDUHAN.

Buku AQIDAH MUKMIN ini merupakan siri kedua daripada tiga siri, yang khusus membicarakan persoalan aqidah yang merangkumi keyakinan kepada Rukun Iman yang enam.

Ustaz Ashaari telah bertemu dan berbincang dengan ulama-ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah di merata dunia termasuk di Mesir, Turki, Pakistan, Jordan, Tunisia, Maghribi, Indonesia, dan sebagainya. Beliau juga bertemu dengan ulama-ulama syiah dan wahabi di Iran, Kuwait dan Arab Saudi. Dan beliau telah menjelajah ke banyak negara Barat tempat berkembangnya berbagai-bagai aliran fikiran dan isme yang sesat, termasuk ke Amerika Syarikat, Britain, Perancis, Itali, Yugoslavia dan lain-lain. Dari situlah beliau memperolehi gambaran yang sejelas-jelasnya mengenai segala macam fahaman dan aliran aqidah yang ada di dunia hari ini.

Oleh itu melalui buku ini, beliau menghurai kembali isi kitab tua dengan gaya pengolahan yang segar dan bahasa yang mudah berserta contoh-contoh yang dekat dengan kehidupan masyarakat hari ini.

Apa yang menarik, dalam membicarakan persoalan aqidah ini, Ustaz Ashaari tidak langsung memisahkannya dari persoalan tasawuf dan syariat. Beliau mahu menekankan bahawa ilmu usuluddin (aqidah), tasawuf (akhlak)

dan feqah (syariat) merupakan tiga serangkai dalam ajaran Islam yang tidak boleh dipisah-pisahkan dari kehidupan seorang mukmin. Oleh itu huraian beliau tentang aqidah seringkali dikaitkan dengan aspek-aspek lain dalam Islam khususnya akhlak dan syariat.

Membaca buku ini, anda bukan saja mendalami persoalan aqidah tetapi juga menerima ilmu dan didikan berhubung perkara-perkara asas yang lain dalam ajaran Islam, sehingga timbul satu dorongan yang kuat untuk beramal dan membentuk diri menjadi orang yang bertaqwa.

Penerbit

PRAKATA

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله نحمده ونستعينه ونستغفره ونعوذ بالله من شرور أنفسنا ومن سيئات أعمالنا من يهدى الله فلا مضل له ومن يضلله فلا هادى له والصلاة والسلام على رسول الله وعلى آله وصحبه ومن تبعه ووالاه .

BUKU yang bertajuk AQIDAH MUKMIN ini merupakan hasil kuliah usuluddin yang telah pun saya sampaikan. Kuliah fardhu ain ini kembali bertemu saudara dalam bentuk buku, yang moga-moga dapat memberi manfaat yang lebih besar lagi. Kalaulah selama ini ianya hanya dikuliahkan dalam jemaah Darul Arqam atau jemaah Aurad Muhammadiah sahaja, sejak 20 tahun yang lalu, kini biarlah ianya dapat menjadi khazanah yang dapat saudara-saudari abadikan, dan biarlah ia bertebar ke seluruh pelusuk dunia. Kuliah-kuliah yang saya anggap penting ini, saya bukukan atas permintaan banyak pihak, supaya ilmu yang dikuliahkan itu tidak hilang percuma begitu saja.

Walhasil usuluddin mengikut kaedah (metod) Abul Hassan Al Asyaari ini telah jadi pegangan semua pejabat agama seluruh Malaysia kecuali Perlis dan beberapa individu terutamanya segelintir ulama di akhir-akhir ini yang telah terpengaruh dengan fahaman wahabiah yang datang dari negara Saudi.

Sejak tertegaknya Kerajaan Ibnu Saud sejak SO tahun yang lampau barulah datangnya perubahan di mana mereka menolak ajaran usuluddin mengikut metod Abul Hassan Al Asyaari ini. Bahkan tanpa malu dan segan-silu serta dengan penuh angkuh menganggap kaedah atau metod usuluddin yang dibawa oleh Abul Hassan Al 'Asyaari ini bid'ah. Ertinya mereka telah menuduh seluruh ulama dan pengikut-pengikut Ahli Sunnah Wal Jamaah pembawa bid'ah.

Bahkan di akhir-akhir ini telah kedengaran di Kelantan, ada ulama-ulama yang turut bersuara sumbang menyatakan metod yang menjadi pegangan Abul Hassan Al Asyaari ini bid'ah. Ini juga merupakan tali barut atau pengikut fahaman wahabi sama ada sedar atau tidak. Sejak itu timbullah kontroversi yang hebat di kalangan ulama-ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah terutamanya di kalangan guru-guru pondok di sana.

Buku ini selain daripada menjadi panduan kepada mereka yang menganut fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah, ianya sekaligus menjadi scud yang dapat menolak dan membendung fahaman wahabi. Kalau tidak, mereka dengan sewenang-wenangnya berani 'menembak' dengan tuduhan-tuduhan bid'ah, sesat dan sebagainya. Terutamanya pada Abul Hassan Al Asyaari dan pengikut-pengikutnya, yakni mereka yang berpegang dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah, yang tinggal di merata pelusuk dunia ini.

Perlu diingatkan kepada para pembaca budiman bahawa isi buku ini mengekalkan bahasa percakapan

sewaktu memberi kuliah tersebut, dengan tujuan memudahkan anda para pembaca memahaminya.

Buku ini kalau ada manfaatnya kuhadiahkan pahalanya kepada kedua ibu bapaku, guru-guruku dan semua yang pernah berjasa padaku. Serta juga kepada mereka yang aku berdosa padanya. Dan juga khusus untuk guruku pengasas Aurad Muhammadiah, Sayidi Syeikh Muhammad bin Abdullah As Suhaimi. Ampunkan dosaku, ya ALLAH, sekiranya apa yang tercatat dalam buku ini ada perkara-perkara yang tidak Engkau redhai. Selamatkan kami dari azab-Mu dunia dan Akhirat.

Sekian, wassalam.

Al hakir wal fakir,

Ashaari Muhammad

MUQDDIMAH

DI DALAM ajaran Islam, secara umum ilmu-ilmu yang penting itu boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:

1. Usuluddin (aqidah)
2. Feqah (syariat)
3. Tasawuf (akhlak)

Dalam pengamalannya, setiap orang Islam mestilah melaksanakan secara serentak ketiga-tiga ilmu tadi. Sama ada dari segi teori mahupun praktikal, atau dari segi ilmiah dan amaliahnya.

Tiga ilmu ini merupakan tiga serangkai yang tidak boleh dipisah-pisahkan. Kalau dipisah-pisahkan salah satu daripada tiga serangkai itu, maka akibatnya rosaklah yang lainnya. Ertinya amalan Islam itu menjadi sah apabila ketiga-tiga ilmu tersebut dilaksanakan sekaligus dan serentak. Ia tidak boleh diamalkan satu-satu sahaja tanpa yang lain. Ber'feqah' saja atau ber'usuluddin' saja atau berakhlak saja, tentu akan merosakkan ke-Islaman seseorang. Jadi tiga serangkai ilmu ini tidak boleh dipisah-pisahkan dalam seluruh tindakan hidup. Kalau dipisahkan dalam pengamalan seharian, paling tidak seseorang itu akan jadi orang fasiq, Bahkan berkemungkinan ia akan jatuh kepada kafir tanpa ia sedar.

Dari ketiga-tiga ilmu ini, tapak atau asasnya adalah ilmu usuluddin. Di atas tapak ilmu yang menjadi pega-

ngan dan keyakinan setiap orang Islam itu, maka ditegakkan **syariat (feqah)** dan **akhlak (tasawuf).** Kalau diibaratkan kepada sebuah bangunan, usuluddin itu adalah foundationnya. Bangunan rumah serta peralatan-peralatannya itulah syariat dan akhlak. Kalau begitu rumah dan peralatan rumah itu tidak dapat ditegakkan sekiranya foundation rumah tersebut tidak ada. Atau ia tidak kukuh dan tidak kuat. Justeru itu, dalam ajaran Islam:

1. Usuluddin itu adalah asas Islam atau tapak Islam.
2. Syariat dan tasawuf ialah furu' dan cabang-cabangnya.

Kalau begitu, ilmu usuluddin dalam ajaran Islam amat penting dan utama. Kerana ia **mengesahkan syariat dan akhlak.** Syariat dan akhlak tidak ada nilai di sisi ALLAII, kalau aqidah atau usuluddinnya telah rosak.

Perkara-perkara yang berkaitan dengan ilmu usuluddin ialah:

1. Keyakinan kita dengan ALLAH dan sifat-sifat-Nya sama ada sifat-sifat yang wajib, sifat-sifat yang mustahil atau sifat-sifat yang harus.
2. Keyakinan kita dengan para rasul dan sifat-sifatnya.
3. Keyakinan dengan kitab-kitab yang pernah diturunkan oleh ALLAH seperti Al Quran, Zabur, Injil dan Taurat.
4. Keyakinan kepada para malaikat.
5. Keyakinan pada Qadha dan Qadar ALLAH.
6. Yakin kepada Syurga dan Neraka serta perkara-perkara lain yang merangkumi perkara di Alam Ghaib.

Maka ilmu usuluddin yang menjadi asas kepada ajaran Islam merupakan ilmu yang paling penting. Ia menjadi perkara utama dan pertama untuk setiap individu Islam

yang mukallaf mempelajarinya. Belajar ilmu usuluddin ini hukumnya fardhu ain yakni wajib bagi setiap individu yang mukallaf. Bahkan jatuh berdosa besar bagi orang yang tidak mempelajarinya. Hatta boleh jatuh kufur secara tidak sedar kalau jahil tentang ilmu ini.

Ilmu usuluddin yang berkait dengan ALLAH dan sifat-sifat-Nya, kalau tidak dipelajari, paling mudah untuk menyebabkan .terjatuh kepada kufur. Sebab itu dihukumkan wajib bagi setiap mukallaf mempelajarinya terlebih dahulu mendahului ilmu-ilmu yang lain. Dalam Hadis, Rasulullah SAW ada menyebut:

اَوَّلُ الدِّيْنِ مَعْرِفَةُ اللهِ

Terjemahannya: *Awal-awal agama ialah mengenal ALLAH.*

Oleh itu ilmu usuluddin itu tidak boleh dicuaikan dari mempelajarinya. Supaya ia dapat dijadikan pegang-an dan keyakinan yang mantap (teguh) di hati. Tanpa dicelahi dengan unsur-unsur jahil, syak, zan dan waham. Sekiranya dicelahi oleh jahil, syak, zan dan waham, atau salah satu darinya, maka seluruh amal ibadah itu tidak sah atau tertolak. Ertinya tidak dapat apa-apa di sisi ALLAH. Amalan itu hanya sia-sia sahaja. Walau bagaimana baik dan kemas sekalipun ibadah yang dipersembahkan pada ALLAH, sekiranya dicelahi oleh salah satu daripadanya, maka ibadah itu akan dicampak semula ke muka pengamalnya.

Mengikut kebiasaan, walaupun cantik amalan syariat atau akhlak, ia masih tetap bergantung kepada aqidah. Sekiranya aqidahnya baik, maka baiklah syariat dan akhlaknya. Tetapi kalau aqidahnya rosak, maka rosaklah syariat dan akhlaknya.

MUQADDIMH

Tamsilannya seperti sebatang pokok. Kalau pokoknya subur, itu adalah kesan daripada akar tunjang yang kuat tadi. Yang menjadikan ianya berdaun, menghijau, menghasilkan bunga cantik dan harum mewangi serta buah yang banyak (lebat) lagi sedap rasanya. Sehingga menjadikan kepingin semua makhluk terutama manusia untuk mendekati dan bernaung di bawahnya serta mengambil manfaat darinya.

Begitulah juga bagi mereka yang aqidahnya baik, tentunya syariatnya jadi sempurna dan akhlaknya cantik. Semua hukum-hakam yang lima yakni yang **wajib** dan **sunat** dapat ditegakkan, yang **haram** dan **makruh** dapat dijauhi, dan yang **harus** (mubah) terpulang hingga ia mencorak hidup individu dan masyarakat.

Di sinilah pentingnya pelajaran aqidah atau usulud-din ini kerana ia boleh mencorakkan hati seseorang. Sehingga yang lahir dalam tindakan adalah gambaran hatinya itu.

Alhasil, kalau sudah ramai yang aqidahnya tepat dan kuat, maka akan lahirlah negara yang aman makmur yang mendapat keampunan ALLAH. Kerana aqidah yang tepat dan kuat itu mendorong hamba-hamba-Nya bersyariat dan berakhlak atau menjadi orang yang bertaqwa.

BAB 9:

Sifat Ketujuh Yang Wajib Bagi ALLAH

AL QUDRAH

MATAN:

AL QUDRAH. Ertinya kuasa Qudrah Tuhan memberi bekas pada mengadakan dan mentiadakan tiap-tiap sesuatu maka hakikatnya ialah satu sifat yang qadim lagi azali yang sabit berdiri pada zat Allah Taala. Dengan Dia mengadakan tiaptiap yang ada dan mentiadakan tiap-tiap yang tiada bersetuju dengan Iradah.

Adapun menyandarkan taksir (memberi bekas) kepada Qudrah itu majazi aqli (sindirin cakap yang difahamkan oleh akal) jua kerana yang memberi bekas pada hakikatnya itu zat yang Maha Suci, maka tidak ada perbuatan melainkan bagi-Nya. Demikian yang telah disebutkan oleh ulama muhaqqiqin, tetapi pada orang yang awam berkata Qudrah yang memperbuat atau katanya pandang olehmu perbuatan Qudrah ALLAH maka yang demikian itu haram, dan kata setengah ulama, makruh selama ia tidak beriktiqad Qudrah yang memberi bekas dengan sendirinya. Adapun jika ia mengiktiqadkan Qudrah yang memberi bekas dengan sendiri nescaya jadi kafir.

Maka yang sebenarnya ialah Tuhan yang bersifat Qudrah mempunyai kebesaran dan perintahan yang meliputi, dan sekalian makhluk di dalam genggaman-Nya, yang bersendiri mengadakan apa-apa kehendak-Nya yang tiada dapat dikirakan.

Tuhan sahaja yang mempunyai kuasa menjadikan dan mentiadakan, dan Ia sahaja yang berkuasa mengubah-ubah segala perjalanan alam dan hal yang berlaku di dalam masyarakat manusia kerana perintahan-Nya meliputi dan sekalian makhluk di dalam genggaman-Nya sekalipun pada pandangan zahirnya manusia yang melakukan, memperbuat dan mengerjakan tetapi hakikatnya ialah Tuhan.

Hanya yang ada pada manusia itu usaha dan ikhtiar, itu pun tidak boleh memberi bekas pada mengadakan atau mentiadakan, hanya usaha dan ikhtiar itu pihak madkhal

jua (jalan pada menjayakan sesuatu) misalnya seperti putus sesuatu benda maka jalan hendak putus benda itu mesti dengan dipotong. Maka bukan perbuatan potong itu memberi bekas pada memutuskan, bahkan sebenarnya yang memutuskan itu ialah Tuhan. Atau dengan ibarat lain diumpamakan manusia itu seperti qalam. Maka berjalanlah qalam itu pada menulis sesuatu huruf, sesuatu kalimah dengan mengikut kehendak si penulis. Yang demikian jadilah pada zahirnya qalam yang menulis. Adapun hakikat-nya ialah mengikut kehendak tangan si penulis, ertinya penulis hakiki ialah Allah Taala.

Pengertian Al Qudrah

AL QUDRAH adalah perkataan Arab yang maknanya dalam bahasa kita ialah ‘kuasa” atau “daya upaya” atau "mampu" atau boleh juga kita maknakan sebagai “boleh”. Misalnya, kita berdaya upaya berpuasa atau mampu berpuasa dan sebagainya.

Manakala maksud sifat Qudrah bagi ALLAH SWT ialah bahawa ALLAH berkuasa ataupun berupaya mengadakan sesuatu yang sepatutnya ada, dan berupaya atau berkuasa mentiadakan sesuatu yang sepatutnya tiada.

Dengan pengertian yang lain, ALLAH berkuasa menghidupkan dan mematikan. ALLAH juga berkuasa memiskinkan dan mengkayakan. ALLAH berkuasa. memuliakan dan menghinakan, serta berkuasa juga menyakitkan dan menyihatkan atau menyembuhkan. Dan ALLAH juga berkuasa untuk membuat seseorang itu pandai dan membuatkan seseorang itu menjadi bodoh.

Ertinya, ALLAH berkuasa berbuat apa saja. Apa saja yang ALLAH kehendaki, berupaya Dia lakukan. Inilah yang menjadi keyakinan kita atau pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kita tidak boleh menyimpan walau sedikit pun keraguan.

Andaikata ada sedikit sahaja waham atau dicelah oleh zan, maka seseorang itu jatuh syirik atau kafir atau pergi kepada murtad. Jadi, hendaklah kita kuatkan sungguh-

sungguh keyakinan kita terhadap Qudrah Allah ini. Di dalam Al Quran, ALLAH berfirman:

إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Terjemahannya: ***Sesungguhnya ALLAH berkuasa ke atas setiap sesuatu.***

(Al Baqarah: 20)

Ertinya, bagi apa saja di atas sesuatu itu iaitu siapa saja sama ada manusia atau haiwan atau kayu-kayan atau malaikat, dan apa saja sama ada di atas langit atau di bumi, di dunia ‘atau di Akhirat, ALLAH berkuasa di atas semuanya; sama ada mengadakan atau mentiadakan.

Kemudian di dalam Al Quran disebut:

لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ يُحْيِۦ وَيُمِيتُ

Terjemahannya: ***Tiada Tuhan yang disembah melain-kan Dia. Dialah yang menghidupkan dun Dialah yang mematikan.***

(Al AraJ 158)

Jadi, ALLAH SWT berkuasa menghidupkan sesuatu itu dan berkuasa pula mematikan sesuatu itu.

Di dalam Al Quran juga ALLAH menceritakan ten-tang rintihan Nabi Ibrahim a.s.:

وَٱلَّذِي هُوَ يُطْعِمُنِي وَيَسْقِينِ ﴿٧٩﴾ وَإِذَا مَرِضْتُ فَهُوَ يَشْفِينِ ﴿٨٠﴾

Terjemahannya: ***Dan ALLAH-lab yang member-i aku makan dan minum. Dan apabila aku sakit, Dialah yang menyembuhkan.***

(As Syuara’: 79-80)

Inilah pengakuan Nabi Ibrahim yang ALLAH catatkan di dalam Al Quran. Yang mana Nabi Ibrahim membuat pengakuan bahawa ALLAH-lah yang berkuasa menyembuhkan, dan ALLAH-lah yang berkuasa memberinya makan dan minum. Kemudian di dalam Al Quran Allah berfirman lagi:

تُؤْتِي ٱلْمُلْكَ مَن تَشَآءُ وَتَنزِعُ ٱلْمُلْكَ
مِمَّن تَشَآءُ وَتُعِزُّ مَن تَشَآءُ وَتُذِلُّ مَن تَشَآءُ بِيَدِكَ ٱلْخَيْرُ

Terjemahannya: ***Engkaulah (wahai ALLAH) yang memberi kekuasaan kepada siapa yang Engkau kehendaki dan menarik balik kekuasaan daripada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkau juga yang memuliakan sesiapa sahaja yang Engkau kehendak dan Engkau jugalah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Di tangan-Mu-lah kebaikan itu.***

(Ali Imran: 26)

Ertinya di sini, di atas kehendak ALLAH sahajalah sesuatu itu; yakni, ALLAH berkuasa di atas apa saja. Dan ini ALLAH ceritakan di dalam Al Quran.

ALLAH Berkuasa Di Atas Seluruh Makhluk

Allah berkuasa kepada siapa saja. Siapa sahaja yang ALLAH kehendaki, ALLAH boleh beri kekuasaan sama ada dia Islam atau bukan Islam, sama ada dia orang baik ataupun orang jahat. Cuma yang berbeza ialah, jika orang baik diberi kuasa, maka ia adalah dalam keredhaan ALLAH SWT. Tetapi jika orang jahat yang diberi kuasa, ia bukan di dalam keredhaan ALLAH SWT.

Dan ALLAH berkuasa pula memuliakan sesiapa serta

berkuasa juga menghina sesiapa sahaja, sama ada satu-satu kumpulan atau pertubuhan ataupun satu-satu kaum, mengikut apa yang, ALLAH kehendaki. Begitulah yang dikatakan kuasa ALLAH SWT. Pada ALLAH ada berbagai-bagai bentuk kebaikan yang tidak dapat kita kira. Hanya ALLAH saja yang mengetahuinya. Dan ALLAH berkuasa di atas seluruh makhluk.

Di dalam doa Qunut ada perkataan yang berbunyi:

فَإِنَّهُ لَا يَذِلُّ مَنْ وَالَيْتَ وَلَا يَعِزُّ مَنْ عَادَيْتَ

Terjemahannya: Dan *sesungguhnya tidak akan hina orang yang telah Engkau kasihi dan tidak akan mulia orang yang telah Engkau* musuhi.

Maksudnya di sini ialah bahawa tidak akan hina seseorang itu jika ALLAH telah memimpinnya, dan tidak juga akan mulia siapa-siapa yang ALLAH telah musuhi. Jelas kepada kita akan kekuasaan ALLAH yang mana kalau ALLAH sudah memimpin seseorang itu atau satu-satu kaum atau kumpulan itu, maka berkuasalah ALLAH memuliakannya dan tidak ada siapa yang boleh menghinanya.

Dan tidak akan mulia seseorang itu atau satu-satu kumpulan itu atau satu-satu kaum atau bangsa itu, kalau ALLAH telah musuhi. Tidak ada lain kuasa yang boleh memuliakannya. Ini memberi maksud bahawa tidak ada sebarang makhluk yang boleh berkuasa. Kekuasaan itu terletak pada ALLAH SWT sepenuhnya.

Jadi fahamlah kita bahawa selain daripada ALLAH SWT, yang lain-lain di alam ini tidak ada kuasa. Kalaupun ada kuasa yang kita nampak pada sesuatu itu, kuasa itu adalah kuasa yang ALLAH beri. Dan dengan kuasa yang ALLAH berikan itu, maka berkuasalah ia sebagaimana yang ALLAH kehendaki. Jadi, dengan itu juga,

manusia ini tidak ada kekuasaan. Begitu juga malaikat-malaikat ataupun haiwan-haiwan, serta juga kayu-kayan, langit dan bumi, dan seluruh makhluk; semuanya tidak mempunyai kekuasaan. Yang berkuasa hanyalah ALLAH SWT, dan tidak ada makhluk yang boleh mengatasi kekuasaan ALLAH SWT.

Hakikat Sifat Qudrah ALLAH

Kerana itu, hakikat sebenarnya sifat Qudrah ALLAH SWT ini ialah bahawa ia merupakan suatu sifat yang qadim lagi azali yang berdiri pada zat ALLAH Taala dengan Dia mengadakan tiap-tiap yang ada dan mentiadakan tiap-tiap yang tiada. Ini bersetuju dengan Iradah ALLAH SWT. Sebagaimana yang kita telah maklum, qadim dan azali itu ialah sesuatu yang tidak ada permulaannya; iaitu sesuatu yang tidak didahului oleh tiada. Dan sebagaimana kita juga telah ketahui, zat ALLAH Taala itu qadim lagi azali yang ertinya tidak ada bermula. Dengan itu juga, sifat ALLAH Taala juga adalah qadim lagi azali. Dan di antara sifat ALLAH yang qadim lagi azali ini ialah Qudrah ALLAH Taala.

Jelaslah pada kita di sini bahawa sifat ALLAH Taala itu tidak ada permulaannya atau tidak didahului oleh tiada. Oleh kerana ALLAH Taala tiada siapa yang mencipta-Nya, maka zat-Nya juga tiada siapa yang menciptanya. Dan dengan itu sifat-Nya juga tiada siapa yang menciptanya.

Qudrah dan Iradah

Sifat Qudrah ALLAH Taala ini adalah bersetuju dengan Iradah ALLAH SWT. Dengan kata lain, bolehlah kita katakan yang Qudrah ALLAH dalam mentiadakan yang

tiada dan mengadakan yang ada ini adalah bersetuju dengan kehendak-Nya. Untuk menerangkan maksud ini secara zahir sahaja, bolehlah kita contohkan seorang tukang buat rumah.

Sebelum tukang itu membuat rumah, mula-mula sekali dia menyediakan pelannya. Kemudian dia akan membuat rumah itu mengikut pelannya. Ini dikatakan bahawa tukang rumah itu berkuasa mengadakan rumah itu mengikut kehendak pelannya atau mengikut kehendak yang dirancang. Jadi kalau diibaratkan kepada kuasa ALLAH bersetuju dengan kehendak-Nya, maka Qudrah ALLAH yang mengadakan yang ada atau mentiadakan yang tiada itu bersetuju dengan kehendak ALLAH SWT yang qadim lagi azali itu.

Cuma yang mesti kita bezakan ialah bahawa kehendak ALLAH yang kita ibaratkan dengan pelan yang dirancang oleh tukang rumah itu, adalah kehendak ALLAH pada azali lagi; iaitu ia tidak ada permulaannya. Misalnya, Qudrah ALLAH menjadikan manusia ini adalah bersetuju dengan kehendak ALLAH SWT. Cuma Qudrah ALLAH menjadikan manusia ini bukan dirancang oleh ALLAH sepertimana kita merancang membuat rumah.

Kemudian Qudrah ALLAH Taala yang bersetuju dengan kehendak ALLAH Taala pada azali lagi itu adalah tepat sebagaimana yang ALLAH kehendaki. Sepertilah juga dengan tukang rumah.yang membuat rumah itu mengikut kehendak pelannya tetapi apabila rumah itu dibuat, ia tidak tepat mengikut pelan. Nanti akan berlaku juga terkurang sedikit daripada pelannya ataupun boleh jadi terlebih sedikit daripada pelannya. Ertinya, tukang rumah itu membuat rumah tidak tepat mengikut kehendak pelannya. Tetapi Qudrah ALLAH mengadakan yang ada dan mentiadakan yang tiada, adalah tepat dengan kehendak-Nya pada azali lagi.

Selanjutnya, kita juga akan membahaskan, apakah sifat Qudrah ALLAH Taala itu yang memberi bekas kepada perbuatan. Yakni, apakah sifat Qudrah ALLAH itu yang mengadakan yang ada dan mentiadakan yang tiada, atau apakah sifat Qudrah ALLAH itu yang meng-kayakan atau yang memiskinkan atau yang memuliakan atau yang menyakitkan atau yang menyembuhkan, dan seterusnya. Kalau kita mengatakan bahawa sifat Qudrah ALLAH itulah yang memberi bekas iaitu sifat Qudrah ALLAH itulah yang mentiadakan yang tiada atau meng-adakan yang ada atau yang menghidupkan dan memati-kan atau mengkayakdn dan memiskinkan dan seterusnya, maka kita telah tersilap dan tersalah. Hukumnya bagi orang yang berpandangan seperti ini ialah syirik atau kafir atau murtad.

Hakikat yang sebenarnya ialah: zat ALLAH-lah yang **berqudrah bagi memberi bekas kepada perbuatan,** dan bukannya sifat Qudrah ALLAH itu yang memberi bekas. Sifat Qudrah ALLAH itu bukannya tersendiri. Dalam ertikata lain bukannya sifat Qudrah ALLAH itu yang berkuasa mengadakan yang ada atau mentiadakan yang tiada, atau yang menghidupkan dan mematikan dan seterusnya, tetapi zat ALLAH-lah yang sebenarnya yang berkuasa. Ertinya, zat ALLAH sahaja yang memberi bekas, bukannya sifat ALLAH. Dan kerana itu, tidak boleh kita katakan bahawa sifat (Qudrah ALLAH itu yang memberi bekas.

Sekarang cuba kita kembali kepada fahaman orang awam atau orang biasa. Mereka selalu berkata, “Lihatlah, Qudrah ALLAH SWT menjadikan bumi dan langit!” atau, “Perhatikanlah, Qudrah ALLAH Taala yang berkuasa ke atas makhluk ini!” Kata-kata yang semacam ini, mengikut pandangan setengah-setengah qaul, adalah haram dan mengikut setengah-setengah qaul pula, makruh. Bilakah hal ini boleh berlaku? Iaitu selagi

seseorang yang berkata itu tidak mengiktiqadkan Qudrah ALLAH itu memberi bekas dengan sendiri.

Hanya Zat Allah Yang Memberi Bekas

Ertinya, dia cuma menyebut saja seolah-olah sifat Qudrah itu yang berkuasa memberi bekas kepada perbuatan, tetapi hakikatnya dia tahu bahawa yang sebenarnya memberi bekas ialah zat ALLAH Taala. Jadi dalam sebutannya, orang akan berkata, "Sudah kehendak Qudrah ALLAH Taala yang menjadikan..." dan sebutan-sebutan yang seumpamanya. Tetapi dari segi keyakinannya, dia tahu bahawa bukan sifat Qudrah ALLAH itu yang memberi bekas tetapi zat ALLAH itulah sebenarnya yang memberi bekas. Perbuatan itu haram mengikut setengah qaul, atau jatuh makruh mengikut qaul yang lain.

Tetapi kalau seseorang itu sampai mengiktiqadkan bahawa sifat Qudrah ALLAH Taala itu sebenarnya yang memberi bekas kepada perbuatan dan bukannya zat ALLAH Taala itu yang bersifat Qudrah, maka dia jatuh murtad.

Sifat Allah Tak Memberi Bekas

Jadi, supaya kita tidak sampai jatuh kepada murtad, hendaklah kita iktiqadkan benar-benar bahawa sesungguhnya zat ALLAH itulah yang bersifat Qudrah. Dan begitu jugalah seterusnya bagi sifat-sifat ALLAH yang lain seperti yang Maha Mendengar, yang Maha Mengetahui, dan lain-lainnya. Bukan sifat-sifat ini yang memberi bekas iaitu bukan sifat Maha Mendengar yang mendengar atau sifat Maha Mengetahui yang mengetahui, tetapi yang mendengar dan yang mengetahui itu adalah zat ALLAH

itu sendiri. Sifat-sifat ALLAH bukannya bersendiri. Kerana itu, yang sebenarnya bertindak dan berkuasa pada hakikatnya ialah zat ALLAH SWT.

Kesimpulannya di sini ialah: yang bersifat Qudrah atau yang berkuasa di atas segala sesuatu hanyalah ALLAH SWT. Sebarang makhluk lain tidak mempunyai kuasa. Ertinya, sebarang makhluk tidak boleh memberi bekas. Kerana itu, bolehlah kita katakan yang usaha-usaha kita tidak boleh memberi bekas; belajar kita tidak boleh memberi bekas, bekerja kita tidak boleh member-i bekas, berjuang berjihad kita tidak boleh memberi bekas, dan seterusnya apa saja yang kita lakukan tidak boleh memberi bekas. Sebabnya, yang memberi bekas hanyalah zat ALLAH SWT yang bersifat Qudrah.

Jadi, kalaulah demikian keadaannya, apa gunanya pula kita berusaha. Dan tentu jugalah tidak ada gunanya kita belajar atau bekerja atau berjuang berjihad, dan sebagainya. Kerana, setiap apa yang kita lakukan itu tidak akan memberi bekas; yang memberi bekas hanyalah ALLAH SWT.Tetapi mengapa pula kita lihat manusia ini terus berikhtiar sedangkan kita tahu usaha ikhtiar kita itu tidak boleh memberi bekas? Mengapa tidak manusia ini menunggu saja atau menyerah sahaja?

Sebenarnya, berusaha dan berikhtiar itu adalah sebagai menurut perintah ALLAH. ALLAH memerintahkan kita supaya berusaha dan berikhtiar iaitu ALLAH memerintahkan kita supaya belajar, ALLAH memerintah kita supaya berusaha mencari rezeki, ALLAH memerintah kita supaya berusaha mencari kesihatan badan, berusaha untuk maju, berusaha mendapatkan sesuatu, dan seterusnya. Jadi apabila kita hendakkan sesuatu itu, kita mesti berusaha. Dan berusaha kita itu adalah kerana mengikut perintah ALLAH yang mengatakan bahawa jika kita mahukan sesuatu, hendaklah kita berusaha dan

berikhtiar. Tetapi usaha dan ikhtiar kita itu tidak boleh memberi bekas.

Seperti ALLAH perintahkan kita supaya mencari ilmu kalau hendak menjadi pandai, atau supaya kita bekerja keras kalau hendak menjadi kaya, atau kita kahwin kalau hendakkan anak, atau kita disuruh makan kalau lapar, atau kita disuruh jaga makan kalau hendak badan sihat, dan seterusnya bagi perintah-perintah yang lain. Semuanya itu mesti kita lakukan kerana ALLAH sudah memerintahkan demikian. Cuma usaha dan ikhtiar kita itu tidak boleh memberi bekas kerana yang boleh memberi bekas hanya zat ALLAH Taala yang bersifat Qudrah. Namun kita mesti berusaha ikhtiar bagi mendapatkan sesuatu.

Mengapakah kita diperintah supaya melahirkan usaha dan ikhtiar sedangkan usaha dan ikhtiar itu tidak boleh memberi bekas? Sebabnya, ALLAH hendak jadikan sesuatu itu dengan bersebab. Misalnya, jadi pandai sebab nya rajin belajar, jadi kaya sebabnya rajin berusaha, dapat anak sebabnya berkahwin, badan sihat sebabnya menjaga makanan dan riadah. Dan begitulah seterusnya bag-i tiap-tiap suatu itu; masing-masing ada bersebab.

Setiap Kejadian Mesti Bersebab?

Mengapakah keadaannya demikian; iaitu mengapakah tiap-tiap suatu itu terjadi dengan bersebab? Ini adalah kerana sudah menjadi peraturan yang ALLAH tetapkan. Memang sudah ALLAH tetapkan peraturan demikian, dan tidak ada siapa pun yang boleh menghalang ALLAH untuk menetapkan apa corak peraturan sekalipun. Macamlah juga dengan kita yang mana dalam rumahtangga kita pun tentunya ada peraturan, dan peraturan ini tidak boleh dihalang oleh orang lain. Begitu jugalah

dengan peringkat negara; ia juga ada peraturan-peraturan tertentu.

Jadi, dalam soal ini, ALLAH sudah menetapkan sebab yang membawa akibat ini sebagai peraturan ALLAH atau dinamakan Sunnatullah. Dan apa yang ALLAH sunnahkan, tidak akan berubah. Firman ALLAH:

Terjemahannya: *Sesungguhnya kamu tidak akan mendapati apa yang disunnahkan ALLAH itu berubah. Sekali-kali kamu tidak akan mendapati apa yang telah disunnahkan oleh ALLAH itu ber-tukar* ganti.

(Fathir: 43)

Jelaslah kepada kita bahawa sebab bersebab di dalam usaha ikhtiar itu memang sudah disunnahkan oleh ALLAH SWT. Ertinya, tiap suatu yang hendak kita capai itu mesti kita lahirkan sebabsebabnya kerana itu sudah menjadi perintah ALLAH. Firman ALLAH:

وَءَاتَيْنَٰهُ مِن كُلِّ شَيْءٍ سَبَبًا

Terjemahannya: *Kami datangkan setiap sesuatu itu ada sebabnya.*

(Al Kahfi: 84)

Dengan yang demikian, adalah salah bagi kita kalau kita tidak mahu melahirkan usaha ikhtiar bagi mendapatkan sesuatu kerana memikirkan yang usaha ikhtiar kita tidak boleh memberi bekas. Walaupun memang usaha ikhtiar kita tidak boleh memberi bekas, tetapi ALLAH sudah memerintahkan kita supaya melahirkan sebab-sebab. Dan ini adalah Sunnatullah.

Namun demikian, ALLAH begitu mengasihi umat ini.

ALLAH mengetahui bahawa sekiranya sebab membawa akibat ini dibiarkan demikian berterusan, nanti akan ada umat ini jatuh kepada syirik. Ertinya, kalau setiap usaha ikhtiar yang manusia lakukan menghasilkan sesuatu yang hendak dicapai itu, sungguhpun pada hakikatnya bukan usaha ikhtiar manusia itu yang memberi bekas, nanti umat akan jatuh syirik kerana dia merasakan usahanya memberi bekas, kuasanya memberi bekas, kahwin boleh beri bekas, darjat serta pangkat boleh memberi bekas, wang ringgit boleh memberi bekas, dan seterusnya.

Ada Kejadian Tidak Bersebab

Kerana itu, ALLAH bantu umat ini bag-i menyelamatkan aqidah mereka agar mereka tidak syirik dengan usaha, tidak syirik dengan pangkat dan darjat, tidak syirik dengan harta dan kekayaan, dan sebagainya, iaitu dengan ALLAH melakukan sesuatu itu tanpa sebab. Ini akan dapat menyedarkan umat bahawa kuasa ALLAH itu mutlak kerana tanpa sebab pun sesuatu itu boleh ALLAH lakukan. Cuma sudah memang Sunnatullah yang tiap sesuatu itu terjadi dengan bersebab, maka itu perlulah dilahirkan usaha ikhtiar. Namun untuk menunjukkan yang kuasa ALLAH itu mutlak, maka sekaliaekala ALLAH jadikan sesuatu itu tanpa sebab.

Contohnya ialah mengenai kejadian Nabi Isa a.s. yang tanpa bapa, cuma ada ibu. Sedangkan bagi kebanyakan orang, lahirnya ke dunia ini disebabkan adanya bapa. Kalaulah sekali-sekala ALLAH tidak lakukan demikian, nanti orang-orang yang jahil atau orang awam akan mengatakan yang kalau tidak ada sebab, ALLAH tidak boleh lakukan. Nanti mereka akan merasakan yang hanya dengan ada sebab sahajalah baru ALLAH boleh jadikan sesuatu. Orang ini jatuh syirik. Kerana itu, sekali-sekala

ALLAH jadikan sesuatu tanpa sebab kerana kasih sayang-Nya kepada makhluk agar makhluk tidak terjebak kepada syirik.

Jadi nyatalah kepada kita bahawa sebabsebab bagi menjadikan sesuatu itu tidak boleh memberi bekas dengan sendirinya. Kita mesti lahirkan sebabsebab itu kerana ia Sunnatullah yang kita mesti ikut. Siapa boleh membangkangnya kalau Allah sudah buat peraturan demikian! Sedangkan kita yang membuat peraturan sendiri di dalam rumahtangga kita pun orang lain tidak boleh bangkang. Misalnya, siapa boleh bangkang kalau kita sudah buat peraturan meletakkan meja di depan pintu!

Kerana itu, penting sekali bagi kita memahami benar-benar akan sifat Qudrah ALLAH Taala ini kerana zat ALLAH yang bersifat Qudrah ini berkuasa mengadakan dan berkuasa mentiadakan, berkuasa menghidupkan dan mematikan, berkuasa memuliakan dan menghinakan. Dan kalau kita faham demikian, maka terelaklah kita daripada syirik yang mana kita nanti akan mengatakan bahawa usaha kitalah yang menjayakan kita, ilmu kitalah yang memuliakan kita, berjuang dan berjihad kitalah yang menyebabkan Islam ini maju, dan sebagainya. Kata-kata yang semacam inilah yang boleh mensyirikkan diri kita kerana terlalu menyangka yang sebab-sebab yang kita lakukan itulah yang memberi bekas.

Kalau sekadar mulut saja yang berkata-kata demikian sedangkan hati kita tetap mengiktiqadkan bahawa sesuatu itu ALLAH-lah yang berkuasa, maka tidaklah murtad.

Terhindar Dari Sombong

Dengan memahami sifat Qudrah ALLAH Taala ini, kita tidak akan bersikap sombong. Kita tidak akan sombong

kalau kita memperolehi ilmu, kita tidak akan sombong kalau kita mendapat kesihatan badan, dan kita tidak akan sombong bila kita mendapat kekayaan atau kekuasaan, atau apa saja.

Ertinya apa saja kejayaan yang kita perolehi hasil daripada usaha ikhtiar kita, tidak boleh membuat kita bersikap sombong kerana kita tahu kuasa ALLAH itu mutlak. Yang menjayakan semua usaha ikhtiar kita adalah ALLAH SWT. Kerana ALLAH saja yang boleh mengadakan dan mentiadakan, mengkayakan dan memiskinkan, memulia dan menghinakan, memandaikan dan membodohkan, dan sebagainya.

Jadi kalau kita ada ilmu, kita tidak boleh sombong dengan ilmu kita kerana ALLAH boleh beri serta ALLAH boleh tarik ia bila-bila masa sahaja. Kalau ALLAH hendak tarik ilmu kita, mudah sekali; ALLAH putuskan serambut urat di dalam otak kita, maka tamatlah ilmu kita! Jadi, apa yang hendak kita sombongkan dengan ilmu yang ALLAH berikan itu.

Kita juga tidak boleh sombong dengan kekuatan atau kesihatan badan kita yang membolehkan kita pandai bermain itu dan ini, serta pandai berpencak dan bcrsilat. Itu semua pemberian ALLAH SWT dan bukannya kerana kepandaian kita. Kalau ALLAH hendak tarik semuanya, mudah sekali ALLAH lakukan iaitu dengan memberikan kita sakit. Dan ketika itu, pencak silat kita tidak bererti lagi. Mungkin bangun dari katil pun tidak mampu lagi.

Jadi, kita sedarlah yang ALLAH boleh tarik balik apa saja yang ada pada kita: ALLAH boleh tarik kekuatan badan kita, Allah boleh tarik kekuasaan yang ada pada kita, ALLAH boleh tarik kekayaan yang ada pada kita, ALLAH boleh tarik kepandaian yang ada pada kita. Kalau begitu, apalah yang hendak kita sombong dan banggakan tentang diri kita.

Manusia Lupa Kuasa ALLAH

Cuma yang malangnya, manusia di dunia hari ini telah terlupa dengan kuasa ALLAH. Apabila dia dapat sesuatu sama ada kekayaan, darjat, pangkat, atau kekuasaan, dia mulai menindas dan menzalimi orang. Dia begitu megah dengan kekuasaan yang ada padanya hinggakan siapa saja yang bersalah disumbatnya ke penjara tanpa periksa, dan seterusnya. Sedangkan, kalau kita perhatikan, mereka seperti ini jatuh juga akhirnya. Ada yang jatuh hingga tidak berupaya hendak bangun semula.

Ertinya dalam masa seketika saja ALLAH boleh hapuskan apa yang ada pada kita itu. Jadi tidak bolehlah kita sombong dengan apa yang ALLAH telah beri. ALLAH beri kita kuasa, dan ALLAH juga boleh tarik balik kuasa itu bila-bila masa saja. ALLAH beri kita rumah besar; ALLAH juga boleh tarik balik rumah dan harta kita itu rumah kita boleh terbakar atau semua harta kita boleh dihanyutkan oleh banjir, dan sebagainya.

ALLAH beri kita wang ringgit yang banyak, pun ALLAH boleh tarik dari tangan kita bila-bila masa saja iaitu ALLAH datangkan sebab untuk menghilangkannya seperti kena curi dan sebagainya. Walau kita jaga macam mana pun harta kita itu, tetapi kalau memang ALLAH hendak tarik kembali, ia tetap akan pergi juga.

Contohnya ialah ketika kita hendak pergi mengerjakan ibadah haji di Makkah. Sekurang-kurangnya kita membawa $1000 atau $2000 bersama kita. Untuk menjaganya, kita ikat di pinggang kuat-kuat. Kita sangka di Tanah Suci sana tentu tidak ada pencuri, kerana semua orang hendak buat ibadah saja. Tetapi dalam kita berjaga-jaga takut harta kita itu hilang, tiba-tiba ia dirampas orang. Begitu ramai sekali bakal haji yang kecurian dan dirampas wang ringgitnya. Mengikut laporan, beratus-ratus ribu ringgit wang jemaah haji kecurian dalam satu-

satu musim haji, sama ada di Madinah, Mina ataupun di Makkah sendiri.

Begitu sekali kuasa ALLAH. Amat mudah ALLAH menariknya semula, tidak kira masa dan tidak kira tempat. Jadi, kita tidak boleh bersikap sombong dengan kekayaan kita ataupun kekuatan badan kita. Kuasa ALLAH saja yang mutlak. Di Tanah Suci Makkah sana, kita dapat melihat sendiri bagaimana kuasa ALLAH itu jelas pada diri kita. Misalnya, kita dapati seseorang itu begitu sihat ketika berada di tanahair tetapi bila sampai saja di sana, dia jatuh sakit. Kadang-kadang pula kita dapati seseorang itu sakit dan tidak berdaya mengerjakan haji tetapi sampai saja di sana dia sihat dan pulih seperti biasa. Demikian kuasa ALLAH.

Insan Yang Berani

Selain kita tidak jadi sombong dan angkuh dengan diri kita kerana kita tahu bahawa kuasa ALLAH itu sahajalah yang mutlak, kita juga boleh bersikap berani. Disebabkan kita tahu bahawa kuasa ALLAH sahaja yang mutlak manakala makhluk ini, walau bagaimana besarnya atau bagaimana gagahnya sekalipun, tidak berkuasa apa-apa, maka timbul rasa berani kita kepada makhluk. Kita hanya takut kepada ALLAH sahaja. Kita tidak bimbang kepada makhluk ini kerana dia tidak berkuasa.

Oleh sebab itu, salah satu sifat orang mukmin yang sebenarnya ialah berani. Orang yang penakut itu adalah orang Islam biasa saja. Orang mukmin sebenar bersifat berani kerana aqidah dan tauhidnya kuat sekali.

Orang Mukmin Hidupkan Al Quran Dan Sunnah

Dia tahu bahawa yang berkuasa sebenarnya hanyalah ALLAH. Makhluk tidak berkuasa. Sebab itu dia berani berjuang, dia berani berjihad, dia berani berkata benar; tidak takut dan gentar. Orang mukmin berani melahirkan penghidupan secara Al Quran dan secara Sunnah kerana dia tidak peduli dengan ejekan orang. Baginya semua penghinaan yang orang lemparkan itu tidak boleh memberi bekas kerana yang boleh memberi bekas hanyalah kuasa ALLAH. Walau hina yang orang berikan, namun kalau ALLAH hendak memuliakannya, siapa pun tidak boleh menghalang.

Yang malang bag-i umat Islam di dunia hari ini ialah kerana aqidah dan tauhid mereka sudah longgar. Iman umat Islam hari ini sudah lemah. Sebab itu umat Islam menjadi umat yang paling penakut di dunia hari ini. Kita menjadi begitu takut, hinggakan dengan bayang-bayang kita sendiri pun kita takut.

Jadi untuk mendapatkan sikap berani, hendaklah kita tanamkan benar-benar dalam hati bahawa ALLAH saja yang mempunyai kuasa yang mutlak manakala selain daripada ALLAH tidak mempunyai kuasa. Kalau kita sudah mempunyai keyakinan bahawa seluruh makhluk di dunia ini tidak dapat menjahanamkan kita kalau ALLAH tidak berserta, maka apakah yang hendak kita takutkan.

Tauhid Akal, Tauhid Hati

Yang menyebabkan kita menjadi penakut pada hari ini ialah, tauhid kita kepada ALLAH SWT hanya pada peringkat akal. Bukan pada peringkat jiwa. Ertinya, kita hanya berfikiran tauhid tetapi tidak berjiwa tauhid. Orang yang berjiwa tauhid, tauhidnya kepada ALLAH

sudah sampai ke peringkat hati. Orang ini tidak lagi takut atau gentar, dan tidak bimbang walau sedikit pun. Tetapi orang yang tauhidnya baharu pada peringkat fikiran saja iaitu orang yang baharu belajar tauhid saja, ia akan takut sepanjang masa.

Dan yang paling menyedihkan, disebabkan takutnya sepanjang masa, perkara yang belum ditempuhnya pun boleh membuatkan dia takut. Orang yang seperti ini dapat memikirkan ketakutannya hingga pada perkara yang 20 tahun akan datang. "Apalah nak jadi pada diriku ini mass depan! Miskinkah aku ini?" Begitu sekali akalnya berkisar memikirkan masa depannya sedangkan belum lagi ALLAH timpakan kemiskinan. Ertinya, ALLAH belum beri dia miskin dia sudah takut dengan kemiskinan. Dia sudah dirasakan dengaq kemiskinan oleh ALLAH SWT sebelum kemiskinan yang sebenar menimpanya. Jadi, orang yang semacam ini merasa takut sebelum datang takut yang sebenarnya. Ini kerana, tauhidnya amat lemah.

Bagaimana Mahu Bejiwa Tauhid?

Namun demikian, untuk mendapatkan jiwa tauhid, kita perlu bermula dengan fikiran tauhid iaitu peringkat belajar ilmu tauhid. Untuk menerapkan rasa tauhid sampai ke hati agar memperolehi jiwa tauhid, kita hendaklah memperkuatkan ibadah serta selalu bermujahadah. Kita hendaklah juga selalu bertafakur memikirkan kebesaran ALLAH SWT dan sentiasa membuat kerja-kerja ALLAH SWT. Dengan membuat amalan-amalan semacam ini, tauhid kita semakin lama semakin kuat hingga kita memiliki jiwa tauhid. Ketika itu kita tidak lagi merasa takut dan bimbang kepada apa sahaja, lebih-lebih lagi kepada makhluk.

Ketika itu kita akan tahu bahawa tidak akan berlaku apa-apa pada diri kita kalau Allah tidak menentukannya pada azali lagi. Kalau kita bukan ditentukan untuk mati dibunuh orang, walau apa pun orang lakukan, kita tetap tidak akan mati. Contohnya ialah bagaimana Panglima Khalid ibnu Walid yang terlalu inginkan mati syahid tetapi kerana ALLAH tidak rancangkan pada azali yang dia mati syahid, maka akhirnya dia mati di atas katil. Ertinya, kalau .ALLAH tidak rancangkan pada azali sesuatu ketentuan pada diri kita, maka tidak perlu kita bimbang dan takut.

Kita Dan Rancangan ALLAH

Kerana itu, kalau kita tidak dirancang oleh ALLAH mati dimakan harimau, tentunya kita tidak akan mati dimakan harimau. Mungkin bila kita berdepan dengan harimau, ia pun lari kerana takut kepada kita. Tapi kalau kita telah dirancang oleh ALLAH mati disebabkan harimau, walau bagaimana kita mengelaknya, kita akan mati disebabkan harimau juga. Sepertimana kisah seorang raja yang mendapat ramalan daripada ahli nujumnya bahawa dia akan mati dimakan harimau; dan kerana dia terlalu takut, lantas dia mengarahkan semua pengawal istana berjaga siang dan malam. Tetapi akhirnya dia mati ditimpa oleh gambar harimau yang tergantung sebagai hiasan di dalam istananya. Mati juga dia disebabkan oleh harimau.

Jadi, kesimpulannya ialah, kita hendaklah memperkuatkan jiwa tauhid kita kerana dengan jiwa tauhid ini kita tidak takut kepada siapa pun, dan kita juga tidak bimbang kepada apa saja. Firman ALLAH:

فَلَا تَخْشَوْهُمْ وَٱخْشَوْنِي

Terjemahannya: ***Janganlah kamu takut kepada mereka sebaliknya takutlah kepada Aku.***
(Al Baqarah: 150)

Dan orang mukmin tidak takut kepada orang yang mencerca kerana manusia tidak boleh memberi bekas. Orang yang mempunyai sikap ini ialah orang mukmin yang kuat dan yang gagah kerana dia tidak takut kepada manusia. Orang mukmin begini ialah orang mukmin yang bertaqwa kepada ALLAH SWT. Dia mempunyai jiwa tauhid yang kuat yang boleh mendorong dirinya kuat beribadah kepada ALLAH serta kuat jiwanya untuk meninggalkan maksiat.

Kerana itu, hendaklah kita ansur-ansurkan bagi menanam jiwa tauhid di dalam diri kita. Janganlah kita menjadi orang yang belajar tauhid bertahun-tahun tetapi hanya mencapai fikiran tauhid sahaja. Akhirnya tidak sampai ke manalah kita ini.

Dengan memiliki jiwa tauhid, walaupun kita tidak alim, kita akan selamat di dunia dan di Akhirat. Untuk mendapatkannya, kenalah kita banyak memikirkan kebesaran ALLAH SWT, memikirkan tentang diri kita serta tentang kejadian alam ini. Kenalah kita membuat ibadah yang boleh memberi bekas walaupun sedikit. Biarlah sembahyang sunat kita sedikit sahaja tetapi dikerjakan dengan penuh khusyuk. Sabda Rasulullah SAW kepada Abu Zarin yang bermaksud:

Wahai Abu Zar dua rakaat sembahyang yang sederhana yang dikerjakan dengan khusyuk adalah lebih baik daripada sembahyang semalam-malaman yang dikerjakan dengan hati yang ***lalai.***

Inilah cara-cara bagi kita untuk mendapatkan jiwa tauhid yang boleh membawa kita kepada keselamatan di dunia dan keselamatan di Akhirat.

BAB 10:

IKTIQAD QADARIAH

MATAN:

PERKATAAN **qadariah** itu nisbah kepada qudrah. Maksudnya barang siapa beriktiqad segala perbuatan yang dilakukan manusia itu sama ada baik atau jahat semuanya terbit daripada usaha dan ikhtiat manusia itu sendiri, sedikit pun tidak bersangkut pau dengan kuasa Tuhan lagi. Maka iktiqadnya itu dinamakar iktiqad qadariah. Yang demikian nyatalah fahaman iktiqac qadariah itu iaitu manusia sendiri memberi bekas padi segala perbuatan tetapi dengan qudrat yang dijadikar ALLAH Taala pada manusia.

Iktiqad ini didapati menyalahi dengan ha1 kejadian manu sia pada tiap-tiap masa kerana terlalu banyak kehendak manusia tidak tercapai dan selalu terbantut. kiranya manusia ada berkuasa yang bersendirian nescaya tidak adz siapa manusia yang mahu hidup di dalam sengsara. Hidup miskin, sakit tiada maju, bahkan semuanya hendak hidup senang-lenang, kaya-raya.

Maka nyatalah fikiran dan fahaman mazhab qadariah ini melampaui sempadan, seolah-olah tidak kenalkan Qudrah Tuhan. Maka mazhab ini hukumnya fasiq. Ada juga ulama mengatakan kafir. Tetapi yang muktamad tiada kafir kerana fahamannya itu mengadakan yang tiada (berkata mereka itu ada memberi bekas qudrah hamba, padahal qudrah hamba tiada boleh memberi bekas sama sekali).

IKTIQAD **qadariah** merupakan salah satu mazhab yang timbul di dalam masyarakat Islam selepas kewafatan Rasulullah SAW. Sebelum kita memperkatakannya, sayugia kita ingat di sini bahawa perpecahan ataupun perselisihan iktiqad tidak berlaku pada zaman ketika Rasulullah masih hidup. Ketika itu Rasulullah SAW merupakan tempat rujuk para Sahabat jika timbul sebarang perselisihan.

Lazimnya, bagi setiap permasalahan yang timbul, ALLAH akan turunkan wahyu kepada Rasulullah SAW. Tetapi dalam beberapa hal, ALLAH hanya memberikan ilham kepada Rasulullah SAW, dan keluarlah Hadis-hadis daripada Rasulullah SAW bagi menyelesaikan perselisihan yang timbul. Jadi, Hadis-hadis yang keluar daripada kata-kata Rasulullah SAW sendiri itu juga merupakan wahyu daripada ALLAH yang tidak berbentuk ayat Al Quran. Ia berbentuk kata-kata daripada Rasulullah tetapi adalah ilham daripada ALLAH .SWT. Maka, hakikatnya, Hadis juga merupakan wahyu daripada ALLAH SWT,. Firman ALLAH SWT:

Terjemahan: ***Tidaklah dia (Rasulullah) bercakap mengikut hawa nafsunya tetapi adalah sesuatu yang diwahyukan oleh ALLAH SWT.***

(An Najm: 3-4)

Kerana yang demikian, pada zaman Rasulullah SAW tidak timbul apa-apa perselisihan walau di sudut apa sekalipun. Apabila ada sahaja perselisihan, lantas Rasulullah menyelesaikannya. Tetapi Rasulullah SAW ada berkata, akan timbul dua bentuk perselisihan selepas beliau wafat, sebagaimana sabdanya:

اِخْتِلاَفُ أُمَّتِيْ رَحْمَةٌ

Terjemahannya: *Berselisihan fahamnya umat aku itu adalah menjadi rahmat.*

(Riwayat: Al Baihaqi)

Kemudian sabda Rasulullah SAW lagi:

سَتَفْتَرِقُ أُمَّتِيْ عَلَى ثَلاَثٍ وَسَبْعِيْنَ فِرْقَةً كُلُّهُمْ فِي النَّارِ إِلاَّ فِرْقَةً وَاحِدَةً

Terjemahannya: *Akan berpecah belah umatku menjadi 73 puak. Kesemuanya dimasukkan ke* dalam *Neraka kecuali satu puak saja.*

Inilah yang telah diceritakan oleh Rasulullah SAW tentang umat pada akhir zaman ini iaitu zaman kita ini yang mana akan wujud dua bentuk khilafiah atau, perselisihan faham di kalangan masyarakat Islam. Yang pertama, perselisihan yang menjadi rahmat; dan yang kedua, perpecahan umat Islam kepada 73 puak yang mana hanya satu puak sahaja yang terselamat manakala 72 puak yang lain terjun ke Neraka.

Perselisihan faham yang pertama dibenarkan oleh syariat. Tetapi bentuk perselisihan yang kedua itu hendaklah kita jauhi kerana kalau kita termasuk di dalam 72 puak itu, kita akan ikut terjun ke Neraka. Kita hendaklah berhati-hati dalam perselisihan ini kerana ia tidak di-

bolehkan. Dan ia telah pun berlaku dan sedang berlaku pada hari ini.

Perselisihan Faham Menjadi Rahmat

Perselisihan faham yang pertama seperti yang disebutkan oleh Rasulullah SAW sebagai menjadi rahmat kepada umat ialah perselisihan faham dalam perkara-perkara furuk atau perkara-perkara cabang atau perkara-perkara ranting yang ada di dalam ajaran Islam. Perselisihan ini tidak menyentuh soal-soal aqidah atau soal-soal yang asas di dalam ajaran'Islam.

Tentang mengapa berlakunya perselisihan faham dalam perkara-perkara ranting ini, banyak sebabnya dan ia memerlukan huraian yang panjang. Tetapi untuk pengetahuan kita, di sini cukuplah saya huraikan secara kasar sahaja. Di antara sebab-sebabnya ialah kerana tidak ada nas yang sahih, sama ada daripada Al Quran ataupun daripada Sunnah Rasulullah SAW, mengenai satu-satu masalah ranting.

Dan, apabila hal ini berlaku, ulama-ulama yang mampu berijtihad iaitu yang kita katakan ulama mujtahidin, menggunakan daya berfikir mereka untuk menyelesaikan masalah ranting itu. Mereka berijtihad mengeluarkan hukum kerana nas yang sahih dan yang jelas mengenainya tidak ada.

Sebab lain mengapa boleh terjadi khilafiah ialah kerana, sungguhpun ada keterangan atau nas yang sahih sama ada daripada Hadis atau Al-Quran, tetapi maknanya boleh ditakwilkan dengan berbagai-bagai pengertian. Dan apabila hal ini berlaku, maka ulama-ulama mujtahidin yang mampu berijtihad mengambil satu makna daripada beberapa pengertian itu yang diyakini

benar. Dalam hal ini, kalau ada tiga ulama, maka terdapatlah tiga makna atau pendapat.

Cuba kita perhatikan satu contoh. Di dalam Al Quran, ada sepotong ayat yang menceritakan tentang hal yang membatalkan wudhuk. Ayat itu berbunyi:

أَوْ لَـٰمَسْتُمُ ٱلنِّسَآءَ

Terjemahannya: ***Atau kamu menyentuh perempuan (maka batal air sembahyang).***

(Al Maidah:. 6)

Kalimah yang membawa maksud "menyentuh perempuan" di sini boleh ditakwil dengan berbagai-bagai makna. Ada makna yang majazi dan ada makna yang hakiki. Imam Shafie rahimahullahu taala mengambil terus daripada makna yang hakiki atau makna yang zahir. Dia tidak mahu mentakwil makna yang sebaliknya. Baginya, apabila bersentuh sahaja dengan perempuan yang bukan muhrim, maka batallah air sembahyang.

Tetapi sesetengah imam mujtahidin yang lain pula mentakwilkan maksud "menyentuh perempuan" itu dengan mengambil makna yang majazi. Mereka berpendapat bahawa perkataan yang membawa maksud "menyentuh" di sini ialah perkataan Allah, dan Allah pula sangat pemalu. Kerana itu Allah menggunakan perkataan yang halus. Mereka mentakwilkan "menyentuh" di sini sebagai bahasa Allah yang memberi pengertian persetubuhan. Jadi bagi ulama-ulama ini, sampai kepada peringkat persetubuhan, baharulah batal air sembahyang.

Ada sesetengah ulama lain pula mentakwilkan "sentuhan" sebagai sentuhan yang bernafsu. Ertinya, kalau bersentuh itu boleh menimbulkan nafsu, maka baharulah batal air sembahyang. Oleh itu, timbullah beberapa

pendapat dalam soal “menyentuh perempuan” yang membatalkan air sembahyang.

Satu sebab lagi mengapa berlaku khilafiah ialah disebabkan oleh cara Hadis itu diterima oleh imam-imam mujtahidin itu. Pada setengah-setengah imam itu, Hadis-hadis tidak sampai kepada mereka. Maka mereka tidak berhukum kepada Hadis. Bagi setengah-setengah imam itu pula, Hadis-hadis sampai kepada mereka tetapi tidak mengikut syarat mereka. Bagi sesetengah imam, syarat-syarat penerimaan Hadis agak ketat, dan kerana itu imam yang menerima Hadis dengan cukup syaratnya akan berhukum kepada Hadis manakala yang menerima Hadis tetapi tidak memenuhi syaratnya, mereka tidak akan berhukum kepada Hadis.

Hal ini tidak akan terjadi kalau imam-imam bertemu dengan Sahabat. Mungkin mereka hanya dapat bertemu dengan orang yang telah bertemu dengan Sahabat.

Ada Ulama Tidak Dapat Menerima Hadii

Sebab-sebab mengapa setengah-setengah ulama tidak dapat menerima Hadis ialah kerana mereka hidup pada zaman Hadis-hadis belum dibukukan lagi. Hadis-hadis hanya tersemat di dalam kepala Sahabat-Sahabat sahaja, dan kerana itu mana-mana ulama yang bertemu dengan Sahabat maka Hadis sampai kepadanya sedangkan ulama yang tidak dapat bertemu dengan Sahabat, maka Hadis tidak sampai kepadanya.

Manakala Sahabat pula setelah wafat Rasulullah SAW, tidak lagi diam di Makkah dan di Madinah. Mereka semuanya keluar ke seluruh pelusuk dunia untuk berdakwah. Berbeza dengan kita ini yang mana kalau boleh hendak duduk di Madinah dan Makkah sahaja. Sahabat-Sahabat bukan tidak mengetahui tentang utamanya ber-

ibadah di Makkah dan Madinah tetapi oleh kerana pentingnya risalah yang disampaikan oleh Rasulullah itu disampaikan juga kepada semua manusia, maka mereka keluar meninggalkan kampung halaman. Sebab itu lebih tiga suku Sahabat mati di luar bumi Makkah dan Madinah. Sebab itulah ajaran Islam cepat berkembang ketika itu.

Kerana itu amat sukar untuk menemui Sahabat-Sahabat sedangkan' Hadis-hadis hanya terhafal di dalam kepala Sahabat. Maka sesetengah imam mujtahidin dapat bertemu dengan mereka manakala setengah-setengah yang lain tidak dapat. Inilah juga satu sebab mengapa terjadi khilafiah.

Khilafiah Hanya Pa& Perkara Ranting

Tetapi perlu juga kita ingat bahawa perkara-perkara yang menimbulkan khilafiah ini hanyalah perkara-perkara yang yang ranting, dan kerana itu Hadis-hadis yang menyuluh perkara yang ranting ini sahaja yang mungkin ada sesetengah imam mujtahidin menerimanya dan ada setengah-setengah mereka tidak menerimanya.

Umpamanya seperti yang kita contohkan sebelum ini iaitu perkara sentuhan yang membatalkan air sembahyang atau dalam perkara-perkara lain yang satu masa dahulu hangat diperbualkan iaitu soal talqin jenazah atau soal melafaz niat dalam sembahyang dan lain-lainnya.

Sebenarnya ini adalah masalah ranting yang tidak perlu kita pertikaikan hingga menyebabkan timbulnya puak-puak, dan satu puak membidas puak yang lain seperti puak yang mengharuskan talqin membidas puak yang tidak mengharuskan talqin, dan sebagainya. Apabila sesama Islam ini bertikai di atas perkara-perkara furuk

seperti ini, orang-orang kafir mengambil kesempatan untuk menindas orang Islam.

Oleh yang demikian, perkara yang boleh diperselisihkan mesti kita terima dengan sikap toleransi dan lapang dada. Jangan kita hiraukan sangat persoalan seperti ini. Siapa yang hendak berpegang kepada satu-satu khilafiah, biarlah dia berpegang dengan khilafiah itu kerana ini dibolehkan sepertimana yang telah disabdakan oleh Rasulullah bahawa berselisih fahamnya umat adalah suatu rahmat.

Dalam pada itu, berselisih faham yang tidak dibolehkan berlaku juga. Siapa yang terjebak di dalam perselisihan itu, maka dia terjun ke Neraka. Itulah yang dikatakan oleh Rasulullah SAW bahawa umat pada akhir zaman nanti akan berpecah kepada 73 puak; 72 daripadanya terjun ke Neraka, dan puak-puak inilah yang harus kita jauhi agar kita tidak terjebak di dalamnya. Di antara puak yang 72 ini ialah mazhab fahaman qadariah, jabariah, muktazilah, qadiani, rafdhi, syiah, dan banyak lag-i fahaman yang lain. Yang akan kita perkatakan di dalam buku ini ialah tentang fahaman atau iktiqad qadariah dan jabariah.

Fahaman-fahaman atau mazhab-mazhab yang menimbulkan khilafiah yang tidak dibolehkan oleh syariat ini telah menyentuh soal-soal pokok. Misalnya, fahaman muktazilah membawa pegangan, bahawa alam ini qadim sepertimana juga zat ALLAH itu qadim. Inilah iktiqad mereka. Nyata iktiqad mereka sudah salah. Perselisihan ini telah menyentuh masalah pokok.

Kemudian mereka berpendapat bahawa nikmat Syurga itu bukan nikmat rohani dan jasmani tetapi nikmat rohani sahaja. Seolah-olah bagi mereka itu, Syurga itu tidak ada; barang siapa yang tenang jiwanya dan dapat menyembah ALLAH, maka tenanglah jiwanya

di Akhirat kelak. Sedangkan di dalam Al Quran jelas ALLAH sebut tentang nikmat Syurga yang dilihat dengan mata kepala siapa yang masuk ke dalamnya dan akan makan makanan yang betul.

Lain-lain fahaman muktazilah ini adalah seperti orang yang membuat dosa besar, mereka ini berada di tengah antara mukmin dan kafir; iaitu mukmin pun tidak, kafir pun tidak. Di Akhirat nanti mereka akan duduk di antara dua tempat iaitu Syurga pun tidak, Neraka pun tidak. Sedangkan di dalam Al Quran disebut hanya ada dua tempat di Akhirat iaitu Neraka atau Syurga. Tidak pernah kita dengar ada tempat di antara Syurga dengan Neraka.

Kita telah memberikan beberapa contoh bagi iktiqad muktazilah. Kemudian antara iktiqad fahaman syiah yang terlalu jauh menyelewengnya, ada yang mengatakan Sayidina Ali itu nabi. Kononnya, menurut mereka, Jibril tersalah hantar wahyu. Sebenarnya Allah menyuruh dihantarkan wahyu kepada Sayidina Ali tetapi Jibril tersilap hantar kepada Muhammad, kata mereka. (Untuk mendapat penjelasan lanjut mengenai penyelewengan dalam mazhab syiah, sila rujuk buku BAHAYA SYIAH karangan Ustaz Ashaari Muhammad. - penerbit)

Perselisihan Yang Tidak Dibenarkan Oleh Syariat

Jadi kita dapati di sini bahawa mereka telah menyentuh soal-soal pokok dalam ajaran Islam. Kerana itu perselisihan seperti ini tidak dibolehkan di dalam syariat. Ia mesti kita tolak sama sekali, kerana ia boleh membawa kita terjun ke Neraka. Ada di antaranya hingga jatuh kepada kafir. Namun semua mereka itu mengaku berpegang kepada Al Quran dan Sunnah. Mereka menganggap mereka betul.

10. IKTIQAD QADARL4H

Dan di antara mazhab-mazhab yang tertolak ialah mazhab qadariah. Perkataan qadariah ini timbul daripada kalimah “qudrah” yang bererti kekuasaan. Mazhab qadariah adalah berfahaman qadariah. Takrif qadariah pula adalah, beriktiqad bahawa segala perbuatan yang dilakukan oleh manusia itu sama ada baik mahupun buruk semuanya terbit daripada usaha dan ikhtiar manusia itu sendiri; sedikit pun tidak berpaut dengan kuasa Tuhan lagi.

Mereka ini menganggap usaha perbuatan mereka yang memberi bekas. Ia tidak bersangkut paut langsung dengan qudrah .ALLAH SWT. Ertinya, apa sahaja yang manusia usahakan atau kerjakan, ia tidak ada bersangkut dengan ALLAH SWT. Jadi yang memberi bekas kepada usaha ikhtiar serta perbuatan manusia itu bukannya daripada kekuasaan ALLAH SWT. Qudrah yang ada pada manusia itulah yang memberi bekas tetapi qudrah yang ada pada manusia itu adalah qudrah yang ALLAH beri. Cuma apabila telah ALLAH berikan qudrah itu kepada manusia, maka qudrah itulah yang bertindak sendiri. Maka manusia bertindak dengan qudrah yang ALLAH berikan itu tanpa bersandar apa-apa lagi kepada ALLAH SWT. Inilah fahaman orang yang beriktiqad qadariah.

Kesimpulannya ialah bahawa mereka yang berfahaman qadariah ini mengakui qudrah yang ada pada manusia itu adalah qudrah yang ALLAH beri. Tetapi selepas ALLAH berikan qudrah itu kepada manusia, maka terserahlah kepada manusia itu sendiri untuk bertindak hingga ia memberi bekas. Seolah-olah selepas ALLAH berikan qudrah kepada manusia, ALLAH tidak lagi berkuasa kepada manusia. Terputus hubungan manusia dengan ALLAH selepas itu. Jadi qudrah yang ALLAH berikan kepada manusia itu boleh bertindak dan boleh memberi bekas dalam kerja-kerjanya; tidak ada sangkut

paut lagi dengan ALLAH SWT. Inilah fahaman qadariah. Iktiqad yang seumpama ini adalah salah.

Usaha Manusia Tidak Memberi Bekas

Bukan sahaja dari segi iktiqadnya sudah bersalahan, malah akal kita pun menolaknya. Bagaimana kita tidak menolaknya. Cuba kita perhatikan pengalaman-pengalaman hidup manusia di dunia ini. Betapa ramai sekali manusia di dunia yang tidak mencapai kehendak-kehendak mereka padahal mereka sudah berazam sungguh-sungguh, sudah usaha habis-habisan dan sebagainya. Dalam usaha mereka untuk mencapai kehendak-kehendak mereka itu, mereka atur betul-betul serta mereka perjuangkan mati-matian. Tetapi begitu banyak juga kehendak manusia ini yang gagal.

Jadi, tidaklah usaha ikhtiar manusia ini boleh memberi bekas. Dan tidaklah usaha perbuatan manusia yang memberi kejayaan. Padahal kalau kita perhatikan tindakan-tindakan yang dilakukan amat mengkagumkan. Bermula dari cita-cita yang tinggi, mereka lahirkan dalam bentuk perbuatan. Mereka jemput pakar-pakar antarabangsa yang ahli dalam bidang-bidang terkhusus, namun mereka gagal juga.

Dalam bidang ilmu sahaja, berapa ramai orang yang bercita-cita hendak pandai. Mereka bertelaah sungguh-sungguh hingga tidak ada masa untuk sembahyang. Begitu keras mereka bekerja dengan membuat rujukan-rujukan serta bertanya sana sini. Kadang-kadang sampai tertidur di kutubkhanah. Begitu ingin sekali mereka hendak berjaya di bidang ilmu pengetahuan, namun ramai juga yang gagal.

Tetapi sebaliknya, ada setengah-setengah orang itu tidak pun belajar sungguh-sungguh dan tidak pula dia

sibuk bertanya sana sini. Usahanya macam lebih kurang sahaja. Tetapi pelik, dia pula yang berjaya serta dapat pula kepujian dan sebagainya. Jadi kita dapati di sini bahawa bukanlah usaha ikhtiar manusia itu yang memberi bekas kerana kalaulah usaha ikhtiar manusia itu yang memberi bekas tentulah tidak ada yang gagal. Lebih-lebih lagi bagi mereka yang berazam sungguh-sungguh itu.

Kemudian cuba kita perhatikan pula usaha ikhtiar manusia untuk menjaga kesihatan badannya agar jangan dihinggap penyakit dan agar jangan mati cepat. Mereka jaga makan minum dan ikut betul-betul nasihat doktor yang mana kalau doktor kata makan satu pinggan, maka satu pinggan sajalah dia makan. Dan yang mana doktor kata tidak boleh dimakan, dia ikut dengan patuh. Kemudian dia makan pil-pi1 kesihatan serta dia jaga betul-betul tidurnya. Bukan itu sahaja, Subuh-subuh lagi dia buat jogging hingga tertinggal sembahyang Subuh.

Tetapi malangnya, orang-orang ini sakit juga. Ada yang sakit jantung, darah tinggi, sakit buah pinggang, kencing manis, dan sebagainya.

Manakala bagi setengah-setengah orang itu, dia selamba sahaja menjaga kesihatannya. Dia tidak kira makan minum; asal halal sahaja dia makan. Ubat tidak pernah dia makan walaupun dia sakit.' Selagi badannya boleh menanggung, dia tidak kira sangat. Tetapi pelik, orang ini pula yang sihat segar badannya. Penyakit pun jarang-jarang hinggap pada dirinya.

Pengalaman Mengajar Kita

Begitu jugalah usaha-usaha mereka yang ingin kekayaan hingga tidur malam pun mimpi kekayaan. Dia bekerja sungguh-sungguh hingga tidak kira masa lagi, dan sembahyang pun tidak dihiraunya. Dia juga terlalu sibuk

sampai tidak ada masa untuk mengaji, sembahyang berjemaah dan sebagainya. Pagi petang, siang malam, dia kira hendak mencari wang ringgit sahaja.

Dalam pada itu dia gagal juga. Padahal kalau hendak diukur daripada usaha, tidak ada satu yang tertinggal sehinggakan seminar-seminar ekonomi pun diikuti, dan kertas-kertas kerja sudah pun dilaksanakan. Kalaulah usaha manusia ini yang memberi bekas, sudah tentulah semua kerja akan menjadi.

Jadi kita dapati di sini bahawa pengalaman manusia sendiri telah membunuh pendapat orang-orang yang berfahaman qadariah. Gagalnya ikhtiar manusia dalam berbagai-bagai bidang hidup ini, walaupun sudah diusahakan sungguh-sungguh, hanya menunjukkan kepada kita bahawa usaha ikhtiar manusia serta qudrah manusia tidak boleh memberi bekas. Ini dengan sendirinya membatalkan iktiqad fahaman qadariah.

Pelampau Aqidah

Orang yang berfahaman dengan mazhab qadariah ini sudah melampaui sempadan. Mereka mengiktiqadkan bahawa usaha ikhtiar manusia itu memberi bekas sedangkan Allah berkata bahawa usaha ikhtiar manusia itu tidak boleh member-i bekas. Setelah mereka sangkal kata-kata ALLAH itu, mereka keluarkan pendapat mereka bahawa qudrah manusialah yang memberi bekas kepada usaha dan ikhtiar mereka, dan langsung tidak ada sangkut paut dengan ALLAH. Inilah puak pelampau yang sebenarnya.

Mereka ini bolehlah kita ibaratkan puak yang telah melampau ke kanan. Di dalam ajaran Islam, melampau ke arah mana pun tidak diterima; sama ada melampau ke kiri atau ke kanan.

Pelampau atau ekstrimis yang kita sebutkan di sini boleh berlaku di dalam bermacam-macam bidang ajaran Islam. Di sini golongan qadariah adalah pelampau di bidang aqidah. Termasuk juga pelampau aqidah adalah mereka yang berfahaman jabariah yang akan kita perkatakan nanti.

Puak Pelampau Ke Kanan

Qadariah ini dikatakan puak pelampau ke kanan kerana ia mengadakan benda yang tiada; iaitu manakala ALLAH kata manusia tidak memberi bekas, mereka pula kata usaha manusialah yang memberi bekas. Jadi, ini adalah ekstrim di bidang aqidah.

Puak Ekstrim

Ekstrim juga boleh berlaku dalam bidang-bidang lain seperti dalam bidang berfikir. Umpamanya seseorang itu memikirkan perkara-perkara yang tidak bersangkut paut seperti memikirkan tentang kebesaran ALLAH, kebesaran Al Quran, kebesaran Sunnah hingga diasak sekuat-kuatnya ke dalam akal. Akhirnya dia menjadi mereng dan gila. Ini melampau. Yang tidak melampau itu ialah mereka yang memikirkan kebesaran ALLAH, Al Quran dan Sunnah, kemudian dia mendapat ketenangan jiwa.

Manakala ekstrim di bidang pakaian boleh juga berlaku. ALLAH kata wanita-wanita mesti tutup aurat manakala mereka pula dedahkan aurat. Mereka inilah golongan ekstrim sepertimana yang disebut-sebut orang hari ini. Dan ekstrim di bidang membangunkan rumah pula ialah apabila seseorang itu membangunkan rumah lebih daripada yang perlu hingga jatuh kepada membazir. Ini juga satu bentuk ekstrim.

Kemudian ada pula ekstrim dalam bidang membeli kereta misalnya. Kalau dia membeli kereta yang berharga $15,000 atau $20,000 sudah memadai serta mencukupi keperluan, maka dia beli kereta dengan harga $80,000 atau $100,000; ini sudah jatuh ekstrim. Dia sudah melampau. Tentu lebih baik dia gunakan wang yang lebih itu untuk membangunkan perkara-perkara lain yang lebih bermanfaat. Pendek kata, ekstrim boleh berlaku dalam mana-mana bidang pun.

Dalam hal yang demikian, kita hendaklah berhati-hati serta beringat-ingat kerana kalau tidak, kadang-kadang apa yang kita pelajari dengan apa yang kita perbuat boleh bercanggah. Umpamanya kita sudah belajar tentang iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah dan kita telah tahu segala-galanya, tetapi dalam pengalaman kita hari-hari, dalam tindak-tanduk serta perbuatan kita, dalam perjuangan dan jihad kita, didapati semua ini telah tidak selari dengan ilmu yang kita pelajari.

Kadang-kadang apa yang kita lakukan itu sendiri kita tidak sedar. Umpamanya cakap-cakap kita, tingkah laku kita dan sebagainya, semuanya terjadi dengan tidak kita sedari. Rupa-rupanya kita sudah termasuk kepada qadariah walaupun kita belajar tauhid Ahli Sunnah Wal Jamaah. Inilah akibatnya kalau kita tidak berhati-hati dalam mana akan berlakulah perbuatan kita bercanggah dengan ilmu yang kita pelajari.

Qadariah Dalam Kehidupan

Cuba kita perhatikan beberapa contoh yang berlaku di dalam masyarakat kita hari-hari. Umpamanya seseorang itu begitu yakin bahawa dengan kelulusan dan kelayakan ilmu pengetahuan yang ada padanya, dia akan kaya serta mewah dan mendapat kesenangan hidup. Juga dia yakin

dengan kelulusan itu dia boleh menjadi orang baik. Di sini dia telah tercangkuk kepada qadariah padahal dia sudah belajar iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah. Tetapi perbuatannya, sikap dan tindak-tanduknya menunjukkan dia telah terjebak kepada qadariah.

Dan begitu jugalah seseorang yang begitu yakin dengan pangkatnya hingga mengatakan bahawa pangkat lah yang membawa kekayaan dan kemewahan hidup kepadanya. Dengan tidak disedari, dia sudah terjebak kepada qadariah. Setengah-setengahnya pula berkata, "Kalaulah aku tidak menolong bantu dia dan kalaulah aku tidak campurtangan, sudah tentu dia tidak akan berjaya!" Orang ini sudah jatuh kepada qadariah.

Ada sesetengah orang pula berkata, "Kalaulah bukan aku yang mentadbirnya, sudah tentu dia tidak akan berjaya. Kerana campurtangan akulah, maka projek itu berjaya!" Dia sudah terjebak kepada qadariah yang mana dia tidak pun mempelajarinya. Dia telah terjebak secara' tidak disedarinya.

Manakala setengah-setengah orang itu pula sentiasa memperakui dirinya sendiri dalam setiap percakapannya seperti, "Akulah yang menjayakannya...! Akulah yang membangunkan masyarakat ini...! Akulah yang membawa kesenangan kepada orang ramai...! Akulah itu... dan akulah ini . ..!" dan sebagainya.

Orang-orang ini menunjukkan sikap qadariah. Dia sudah lupa kuasa ALLAH yang telah memberi bekas kepada segala suatu. Dia hanya ingat yang kuasa dia yang telah memberi bekas.

Jangan pula kita salah faham, oleh kerana kita mengatakan bahawa ilmu kita tidak boleh memberi bekas, kelulusan kita tidak boleh memberi bekas, pangkat kita tidak boleh memberi bekas dan sebagainya, maka

kita pun tidak mahu belajar, tidak mahu mentadbir, tidak mahu berusaha, dan seterusnya. Ini salah.

Tiada Alasan Menolak Ikhtiar

Usaha dan ikhtiar mesti kita lakukan kerana itu adalah perkara yang disuruh. Semua usaha dan ikhtiar adalah yang diperintahkan oieh ALLAH kepada kita cuma jangan kita iktiqadkan yang perbuatan kita, usaha kita, ilmu kita, perjuangan dan jihad kita dan sebagainya, yang memberi bekas. Jadi, jangan kita terkeliru di sini hingga kita tidak mahu berbuat apa-apa dengan alasan semua itu tidak akan memberi bekas.

Ini sudah salah kerana semua ikhtiar adalah diperintahkan kepada kita. Mencari ilmu adalah diperintahkan ALLAH kepada kita; berusaha adalah perintah ALLAH; membangunkan masyarakat adalah perintah ALLAH; berjuang berjihad adalah perintah ALLAH, dan seterusnya. Semua ini mesti kita lakukan, tetapi hendaklah kita beriktiqad bahawa yang memberi bekas kepada semua perbuatan ialah ALLAH SWT.Jadi, usaha dan ikhtiar itu tidak salah tetapi yang salah ialah ketika kita yakinkan kebolehan kita atau ilmu kita itulah yang membawa kejayaan dan sebagainya.

Sebagaimana yang telah kita pelajari dalam bab-bab sebelum ini, ALLAH jadikan sesuatu itu ada dengan sebab-sebabnya. Umpamanya, hendak pandai mesti belajar, hendak berjaya mesti berusaha kuat, hendak kesenangan mesti bekerja keras, dan sebagainya. Semua itu adalah sebab-sebab yang mesti kita lahirkan. Inilah yang dikatakan Sunnatullah. Dan semua sebab yang kita lahirkan itu tidak boleh memberi bekas. Yang memberi bekas ialah Allah SWT.

Jadi perkara-perkara yang boleh membawa kita terjebak kepada iktiqad yang salah seperti inilah yang mesti kita jauhi. Hendaklah kita faham benar-benar serta hendaklah kita berhati-hati kerana k:alau salah iktiqad disebabkan perbuatan kita, cakap-cakap kita dan sebagainya walaupun ilmu yang kita pelajarl itu tepat kepada iktiqad yang sebenar, kita boleh terjebak kepada iktiqad qadariah sepertimana yang telah kita huraikan tadi, atau kita juga boleh terjebak kepada iktiqad jabariah.

Bagaimanakah seseorang itu boleh terjebak kepada jabariah? Hal ini berlaku apabila seseorang itu tidak mahu berusaha berikhtiar tetapi hanya berserah kepada ALLAH semata-mata. Umpamanya, kalau ditanya, "Mengapa tidak naik haji?" dia nanti akan menjawab, "Belum ada seru!"

Cakap-cakap seperti ini adalah jabariah yang mana seolah-olah dia menunggu wahyu daripada ALLAH SWT sedangkan wahyu memerintahkan orang menunaikan fardhu haji sudah lama turun. Padahal orang yang bercakap seperti ini ada kemampuan, ada harta dan wang ringgit. Firman ALLAH:

وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ

Terjemahannya: *Sempurnakan haji* dan *umrah kerana ALLAH.*

(Al Baqarah: 196)

Jelas di sini bahawa seru sudah pun disampaikan. Tidak perlu kita tunggu-tunggu datang seru lagi untuk menunaikan haji. Kalau kita sudah cukup daya upaya serta mampu, kalau kita menunggu-nunggu seru, maka berertilah bahawa sikap kita membawa kita kepada iktiqad jabariah.

Orang Yang MenyaIahkan ALLAH

Antara cakap-cakap lain yang membawa seseorang itu terjebak kepada jabariah adalah seperti apabila ditanya, "Mengapa awak tidak pandai?" dia akan menjawab, "Sudah taqdir." Atau kepada setengah-setengah orang bila ditanya, "Mengapa awak bercerai?" dia akan menjawab, "Sudah kehendak ALLAH!" Inilah sikap orang-orang yang beriktiqad jabariah. Dia menyerah bulat-bulat kepada ALLAH.

Orang seperti ini seolah-olah menyalahkan ALLAH apabila sesuatu itu menimpa dirinya. Sungguhpun mulut-nya tidak berkata, "ALLAH yang bersalah!" tetapi pada perbuatan lahirnya, dia menuju ke arah itu.

Tetapi yang peliknya, orang yang bersikap jabariah ini tidak pula menyerah bulat-bulat kepada ALLAH dalam semua bidang. Hanya dalam bidang-bidang tertentu saja dia menyerah kepada ALLAH seperti dalam bidang mendidik anak. Bila kita tanya mengapa anak dia jahat, maka dia akan menjawab, "Sudah taqdir!" Seolah-olah dia menyalahkan ALLAH SWT yang menyebabkan anaknya jahat sedangkan dia tidak pernah mengikut perintah Rasulullah supaya menyuruh anak bersembahyang ketika berumur 7 tahun dan memukulnya apabila tidak mahu bersembahyang setelah berumur 10 tahun.

Dia berkata demikian kerana dia tidak suka bidang itu. Tetapi dalam bidang-bidang lain seperti hendak mencari kekayaan, dia banting tulang pagi dan petang kerana hendak melahirkan usaha ikhtiar. Dia berusaha sungguh-sungguh sampai lupa sembahyang, puasa, mengaji, dan sebagainya.

10. IKTIQAD QADARIAH

Pendapat Ulama

Ada dua pendapat ulama tentang hukum orang yang beriktiqad qadariah. Sesetengah ulama mengatakan fasiq bagi mereka yang beriktiqad demikian manakala sesetengah-setengahnya meletakkan hukumnya kafir. Kemudian ada sesetengah ulama pula menghalusi kedua-dua pendapat itu serta mencari hukum yang lebih tepat. Mereka berpendapat, hukum fasiq lebih tepat. Walau bagaimanapun, hukum fasiq juga tidak disukai ALLAH. Ertinya, kalau seseorang itu mati dalam kefasiqan, maka dia akan terjun .ke Neraka juga.

Bagaimanakah iktiqad mereka yang berfahaman qadariah yang dihalusi oleh setengah-setengah ulama sebagai terhukum fasiq sahaja itu? Orang yang menganggap qudrahnya boleh memberi bekas atau membawa kejayaan dengan tidak ada hubungan dengan ALLAH SWT tetapi qudrahnya itu ALLAH juga yang beri, maka orang ini fasiq. Tetapi kalau ada yang menganggap bahawa qudrah itu bukan ALLAH yang beri tetapi manusia itu yang menciptanya sendiri, maka orang itu kafir secara terus.

Sebab itulah kita perlu berhati-hati benar dalam soal tauhid ini kerana sikap dan perbuatan kita boleh membawa kita terjebak kepada iktiqad yang salah. Oleh yang demikian, kita hendaklah selalu mengaji kerana iktiqad adalah amalan hati yang mana amat sukar hendak diselaraskan dengan amal atau perbuatan lahir.

Berusahalah serta berikhtiarlah kerana itu memang sudah diperintahkan oleh ALLAH kepada kita. Tetapi jaga-jagalah, jangan sampai hati kita mengiktiqadkan bahawa usaha ikhtiar kita itulah yang memberi bekas. Carilah ilmu, sampaikanlah tarbiah, berniagalah serta berekonomilah, tetapi jangan sampai kita iktiqadkan

bahawa usaha kita yang membawa kejayaan hingga kita lupa kepada kuasa ALLAH.

Tetapi untuk memisahkan usaha ikhtiar kita sebagai usaha ikhtiar yang membawa kejayaan itulah yang amat berat. Kita terasa-rasa saja yang usaha ikhtiar kita itulah yang sebenarnya membawa kejayaan hingga melompat kata-kata dari mulut kita serta kita tunjukkan ia dalam sikap dan tingkah laku kita. Beratnya soal ini adalah kerana aqidah merupakan soal hati. Sebab itulah kita perlu berhati-hati jangan sampai terjebak.

BAB 11

IKTIQAD JABARIAH

MATAN:

PERKATAAN jabariah itu nisbah kepada جبر (tergagah). Maksudnya barang siapa beriktiqad bahawasanya manusia dan makhluk bergantung kepada Qada dan Qadar semata-mata, tidak ada baginya ikhtiar atau boleh memilih sama sekali maka iktiqadnya itu dinamakan iktiqad jabariah. Ertinya perbuatan baik dan jahat yang dilakukan di dalam dunia ini bukan kehendak sendiri, bahkan terpaksa menjalankan dengan kehendak dan kuasa Tuhan semata-mata.

Sesungguhnya iktiqad ini mengiktiqadkan hamba itu digagahi ALLAH Taala semata-mata pada segala perbuatan sama ada yang disengajakan atau tidak. Jadilah manusia itu sama seperti pucuk ru ditiup oleh angin. Tiada baginya kekuasaan dan ikhtiar dan usaha sama sekali.

Maka iktiqad ini membawa kepada tidak berguna Syurga, Neraka, Rasul, Al Quran, kitab-kitab ALLAH Taala yang lalu, agama dan segala undang-undang, semuanya tidak ada faedah. Yang demikian itu salah dan sesat; tiada bersetuju dengan akal, adat dan agama. Hukumnya fasiq tetapi tidak ada ulama yang mengatakan kafir kerana fahaman itu menidakkan barang yang ada (berkata mereka itu tidak ada usaha pada hamba padahal yang sebenarnya hamba itu ada usaha).

IKTIQAD jabariah adalah suatu pegangan atau mazhab atau iktiqad yang agak sudah lama muncul di tengah-tengah masyarakat Islam. Ia menyalahi iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah. Mazhab ini berlawanan dengan Al Quran dan Sunnah, dan terkeluar daripada ajaran Islam.

Iktiqad ini sudah muncul lebih kurang 1000 tahun yang lalu. Ia muncul pada kurun yang kedua atau ketiga Hijrah, iaitu lebih kurang pada masa yang sama dengan kemunculan iktiqad qadariah yang juga bertentangan dengan Al Quran dan Sunnah, dan menyalahi ajaran Islam.

Perlu kita ingat di sini bahawa iktiqad ataupun keyakinan merupakan suatu perkara yang asas di dalam ajaran Islam. Di dalam keseluruhan ajaran Islam, iktiqad atau keyakinan atau persoalan iman dan aqidah diletakkan di tempat yang paling utama dan ia merupakan satu persoalan yang penting sekali. Dan di atas iktiqad atau aqidah inilah ditegakkan syariat atau peraturan Islam sama ada yang berbentuk fardhu ain ataupun fardhu kifayah, yang berbentuk sunat muakkad atau ghairi muakkad, ataupun yang berbentuk harus yang mana boleh dijadikan ibadah jika mengikut lima syarat yang telah kita perkatakan.

Amalan Tak Bemilai Bila Aqidah Rosak

Kalau iktiqad atau aqidah atau iman telah rosak, semua syariat lahir yang kita dirikan sudah tidak ada harga lagi di sisi ALLAH SWT. Segala apa yang dibuat sia-sia belaka. ALLAH tidak menilai satu apa pun. Dan kalau seseorang itu mati dalam keadaan aqidah yang rosak, maka dia mati dalam kekafiran yang mana akan kekal abadi di dalam Neraka selama-lamanya.

Kerana itu, persoalan aqidah ini mesti dijaga betul-betul serta dipelajari dan difahami sungguh-sungguh. Manakala hati kita pula hendaklah disuluh betul-betul supaya aqidah kita adalah aqidah yang tepat dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah, iaitu iktiqad yang berpegang kepada' Al Quran, Hadis, ijmak ulama, dan qias.

Dalam soal ini jugalah, kita perlu berhati-hati agar kita tidak berpegang kepada iktiqad-iktiqad yang rosak sepertimana iktiqad yang hendak kita perkatakan ini. Cuma perlu diperingat-ingatkan, untuk memperkatakan iktiqad yang benar iaitu iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah mudah sekali. Ertinya, mudah kita belajar iktiqad ini dan guru yang mengajarnya juga berpegang kepada iktiqad ini. Tetapi untuk menyelaraskan perbuatan kita, tindakan kita, usaha dan ikhtiar kita dengan iktiqad sebenar itu adalah susah sekali.

Apa yang selalunya berlaku ialah ketika kita berbuat, berusaha dan beriktiar, kita tercangkuk dengan mazhab mazhab yang lain. Inilah yang bahaya. Sebab itu kita disuruh selalu oleh ALLAH SWT supaya menyuluh hidup kita lahir dan batin agar kita dapat mengesan apa yang ada di dalam hati kita, fikiran kita serta apa yang dibuat oleh tangan dan kaki kita, mata kita, mulut kita, telinga kita, dan sebagainya. Kita disuruh menyuluh usaha-usaha

kita serta perjuangan dan jihad kita. Jadi tidaklah cukup dengan hanya mempelajari ilmunya sahaja.

Kawal Aqidah

Jadi asas atau tapak di dalam ajaran Islam ini hendaklah kita jaga betul-betul. Kalau tidak, umpama kita mendirikan rumah tetapi tapaknya tidak kuat, maka semakin , besar rumah itu, semakin cepat ia tumbang. Atau kalau ibarat sebatang pokok yang rimbun, yang akar tunjangnya tidak kuat berpaut di bumi semakin rimbun pokok itu semakin cepat ia tumbang.

Lebih-lebih lagi perlunya kita mengawal aqidah ini kerana kita adalah umat pada akhir zaman. Rasulullah mengingatkan bahawa akhir zaman adalah zaman fitnah kerana, pada akhir zaman ini akan muncul banyak mazhab yang masing-masing mengaku berpegang kepada Al Quran dan Hadis. Dan bagi orang yang jahil, dia tidak tahu mana satu iktiqad yang betul sehingga amat mudahlah baginya terjebak di dalam mana satu iktiqad yang salah itu.

Rasulullah mengatakan bahawa pada akhir zaman nanti umat Islam akan berpecah kepada 73 puak; satu puak sahaja yang masuk Syurga sedangkan yang lain-lainnya masuk Neraka. Yang 72 puak itu pula akan berpecah-pecah lagi yang mana ada ulama-ulama telah mendapati hingga sampai 700 firqah. Yang mula-mula sekali timbul ialah khawarij, kemudian syiah dan selepas itu muktazilah yang selanjutnya berpecah-pecah lagi kepada firqah-firqah yang lebih luas yang termasuk mazhab jabariah yang hendak kita perkatakan ini.

Pengertian Jabariah

Jabariah adalah daripada perkataan bahasa Arab jaba yang bermaksud tergagah. Apakah yang dimaksudkan dengan fahaman tergagah ini? Fahaman ini membawa iktiqad bahawasanya manusia ini dan jug-a segala makhluk bergantung kepada qadha dan qadar semata-mata hingga tidak ada baginya ikhtiar dan pilihan. Inilah pegangan iktiqad jabariah.

Keyakinan Jabariah

Orang yang berpegang kepada iktiqad ini meyakini bahawa manusia dan seluruh makhluk ini tidak ada usaha ikhtiar tetapi terpaksa tunduk sepenuhnya kepada apa yang telah ditentukan oleh ALLAH SWT pada azali lagi. Manusia tidak boleh membuat pilihan sama sekali.

Ertinya, apa sahaja yang dilakukan oleh manusia di dunia ini sama ada yang baik mahupun yang buruk atau yang jahat, ia bukanlah usaha daripada manusia itu. Tetapi semua yang dilakukan oleh manusia itu adalah mengikut kehendak ALLAH SWT. Jadi, manusia tidak boleh memilih langsung malah terpaksa tunduk kepada apa yang ALLAH telah tetapkan.

Inilah yang dikatakan manusia atau makhluk itu tergagah. Dia tidak ada usaha dan ikhtiar tetapi terpaksa atau tergagah semata-mata. Apa saja yang dia buat sama ada yang disengaja ataupun yang tidak disengajakan, semuanya mengikut kuasa ALLAH; semuanya mengikut ketentuan qadha dan qadar semata-mata sama ada bagi perbuatan yang berhubung dengan kemasyarakatan, akhlak, pendidikan dan pelajaran, siasah dan politik serta pentadbiran, atau lain-lainnya.

11. IKTIQAD JABARIAH

Kalau demikianlah keyakinan orang yang beriktiqad jabariah ini, maka tidak ada gunanya ALLAH mencipta-kan Syurga dan Neraka. Dan tidak ada faedahnya ALLAH utuskan para rasul bagi membawa peraturan hidup untuk manusia ini. Malah peraturan hidup itu sendiri tidak berguna. Dan tidak ada gunanya ALLAH menyampaikan Islam kepada Rasulullah SAW untuk disampaikan kepada kita.

Jabariah, Syurga dan Neraka

Mengapakah kita berkata demikian? Katakanlah tentang Syurga dan Neraka yang ALLAH cipta itu. Kalaulah manusia ini tidak boleh membuat pilihan, walaupun dia berusaha sungguh-sungguh untuk ke Syurga tetapi oleh kerana Allah sudah tentukan dia masuk ke Neraka, maka di Nerakalah tempatnya. Maka di sini, tidak ada ertinya Syurga yang ALLAH ciptakan itu kerana walaupun seseorang itu berusaha dan berikhtiar untuk mendapat Syurga, dia tetap tidak akan memperolehinya kerana ALLAH sudah tetapkan dia masuk ke Neraka. Dia terpaksa tunduk di bawah kuasa ALLAH SWT. Apalah ertinya Syurga kalau manusia tidak dapat memilih untuk masuk ke sana.

Dan begitu jugalah dengan Neraka yang ALLAH cipta itu. Kalaulah ALLAH sudah tentukan seseorang itu masuk ke Syurga, maka walaupun usaha dan perbuatannya membawa dia ke Neraka, dia tetap tidak masuk ke Neraka tetapi akan ke Syurga juga. Jadi tidak ada erti pula Neraka itu kerana walaupun perbuatan seseorang itu nyata boleh membawa dia ke Neraka, tetapi dia tetap tidak akan masuk Neraka kerana dia sudah ditentukan oleh ALLAH untuk ke Syurga.

Jabariah dan Rasul

Juga, tidak ada ertinya ALLAH utuskan para rasul bermula daripada Nabi Adam a.s. hingga kepada Rasulullah SAW. Kedatangan rasul-rasul itu adalah untuk mengajak manusia menyembah ALLAH, membesarkan ALLAH serta mengajak manusia berbuat baik, mengikut syariat ALLAH, dan berakhlak. Rasul-rasul juga mengingatkan manusia supaya jangan membuat maksiat, jangan ingkar dan mungkar kepada ALLAH, dan jangan membuat perkara yang tidak disukai oleh ALLAH seperti berzina, berlaku zalim, berbohong, mencuri, membunuh, dan sebagainya.

Dan kalau manusia ini tidak ada pilihan tetapi terpaksa tunduk kepada ketentuan qadha dan qadar semata-mata, maka apa ada erti rasul-rasul diutuskan. Katalah rasul-rasul mengingatkan manusia supaya menyembah ALLAH tetapi kalau ALLAH sudah tentukan yang manusia itu tidak mahu menyembah ALLAH, maka tentulah manusia itu tidak akan menyembah ALLAH walaupun dia diingatkan. Atau kalaulah manusia itu sudah ditentukan oleh ALLAH membuat jahat, apa ertinya Rasulullah didatangkan untuk mengajak manusia berbuat baik.

Jadi walau bagaimana diajak supaya berbuat baik pun, manusia tidak akan berbuat baik kerana ALLAH sudah tentukan manusia itu tidak mahu berbuat baik. Dan bagi manusia sudah tidak ada pilihan dan tidak ada usaha tetapi terpaksa tunduk di bawah kuasa ALLAH semata-mata. Jadi tidak ada ertinya rasul didatangkan.

Sedangkan rasul-rasul didatangkan untuk menunjukkan kepada manusia yang baik dan yang jahat, yang baik dan yang buruk, dan untuk memberitahu manusia supaya berbuat ini dan tinggalkan yang itu, dan sebagainya. Ini

menunjukkan manusia itu ada pilihan iaitu boleh memilih yang baik, dan yang buruk serta boleh berusaha dan berikhtiar. Terpulanglah kepada manusia itu sendiri, jalan mana dia hendak ikut.

Kedatangan rasul-rasul adalah untuk menceritakan yang mana kehendak ALLAH dan yang mana larangan ALLAH. Dan kalaulah setelah itu manusia masih juga menempuh jalan yang jahat, maka itu adalah usaha ikhtiar manusia itu sendiri. Maka munasabahlah kalau dia dibalas dengan kejahatan iaitu Neraka. Barulah ada erti rasul didatangkan untuk menunjukkan kepada manusia yang dia boleh memilih. Kalau manusia memilih jalan yang baik sepertimana yang ditunjukkan oleh rasul, maka ALLAH akan membalasnya dengan kebaikan di Akhirat kelak. Tetapi kalaulah manusia ini tidak boleh memilih yang baik dan yang buruk, maka tidak ada ertinya kedatangan rasul itu.

Jabariah dan Kitab-Kitab

Di samping itu, kalau kita berkeyakinan dengan mazhab jabariah ini, maka tidak ada erti pula kitabkitab yang pernah ALLAH sampaikan kepada rasul-rasul terutamanya Al Quran kitab yang akhir, yang paling besar, sempurna dan lengkap yang telah ALLAH sampaikan kepada Rasulullah SAW, nabi yang akhir sekali. Dan kitab ini pula paling sesuai dengan semua manusia, semua bangsa dan semua zaman.

Di dalam Al Quran diceritakan tentang yang baik dan yang buruk, yang hak dan yang batil, serta yang mana disuruh dan yang mana dilarang. Tetapi kalau manusia itu sudah ditentukan oleh qadha dan qadar semata-mata hingga dia tidak boleh memilih, maka setiap cerita di dalam Al Quran itu tidak memberi apa-apa erti. Misal-

nya, kalau manusia itu sudah ditentukan menjadi jahat, cerita-cerita kebaikan di dalam Al Quran itu tidak boleh mengubahnya kerana manusia itu sudah tidak boleh berikhtiar lag-i. Jadi sesia sahajalah ALLAH datangkan Al Quran itu.

Sedangkan ALLAH datangkan Al Quran itu sebagai menunjukkan manusia ini boleh memilih. Umpamanya, Al Quran menunjukkan kepada manusia jalan yang baik dan jalan yang buruk, maka terpulanglah kepada manusia itu untuk memilih. Katalah manusia sudah tahu jalan yang baik dan jalan yang jahat itu tetapi manusia masih mahu memilih jalan yang jahat, maka ALLAH hanya dorongkan diri manusia itu sahaja. Dan ke Nerakalah dia. Tetapi kalau manusia itu sudah tahu yang baik dan juga yang jahat serta tahu bahawa orang yang baik masuk ke Syurga dan yang jahat masuk ke Neraka manakala dia pula memilih berbuat yang baik, maka ALLAH hanya mendorong sahaja. Kerana ALLAH yang menjayakannya, maka ke Syurgalah dia.

Inilah ertinya kedatangan Al Quran kerana manusia itu boleh memilih apa yang diceritakan oleh Al Quran.

Tetapi mereka yang berpegang kepada iktiqad jabariah membuatkan Syurga dan Neraka itu tidak ada ertinya; tidak ada ertinya juga kedatangan rasul-rasul dan Al Quran serta kitabkitab yang pernah ALLAH sampaikan kepada rasul-rasul sebelum Rasulullah SAW. Sebab itulah pegangan ini merbahaya, dan hendaklah kita jauhi ia sungguh-sungguh. Walaupun tidak ada ulama yang mengatakan bahawa berpegang kepada iktiqad ini jatuh kepada kafir, namun ia boleh membawa kepada fasiq. Sedangan fasiq itu membawa ke Neraka juga, dan setiap yang membawa ke Neraka kenalah kita elakkan.

Nisbah Neraka dan Dunia

Neraka bukan macam Pudu Jail tetapi keadaannya ngeri, gerun dan dahsyat sekali. Kalau dilemparkan batu ke dalamnya, '70 tahun baharu sampai ke dasar. Kekuatan apinya pula 70 kali kekuatan api dunia. Dan kalau sebesar habuk apinya itu jatuh ke dunia ini, mati seluruh makhluk di bumi. Agaknya, kalau sebesar penumbuk, hilang terus makhluk bersama-sama dunianya sekali. Sebab itu janganlah kita meringan-ringankan dosa walaupun dosa-dosa kecil yang membawa kepada fasiq.

Ada sesetengah orang tidak begitu mengindahkan dosa-dosa kecil kerana baginya asal jangan jatuh kafir, jadilah. Kerana, katanya, orang fasiq tidak kekal di dalam Neraka. Walaupun tidak kekal, satu hari di Neraka menyamai 1000 tahun di dunia! Ertinya, kalau tidak kekal pun, ia seakan-akan kekal juga oleh kerana lamanya.

Tiga Golongan Yang Ingkar

Jadi ulama-ulama mengatakan bahawa barang siapa yang berpegang kepada iktiqad jabariah, dia terhukum kepada fasiq sahaja, dan tidak kafir. Tidak seperti mereka yang berpegang kepada qadariah yang mana ada ulama yang menghukumkan kafir. Di dalam hukum Islam hanya ada tiga sahaja iaitu kafir, zalim atau fasiq. Firman ALLAH:

وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْكَٰفِرُونَ

Terjemahannya: *Barang siapa tidak berhukum dengan apa* yang *ALLAH turunkan, mereka adalah kafir-.*

(Al Maidah: 44)

وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ

Terjemahannya: *Bamng siapa yang tidak berhukum dengan apa yang ALLAH turunkan, mereka adaluh zalim.*

(Al Maidah: 45)

وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ

Terjemahannya: *Barang siapa tidak berhukum dengan apa yang ALLAH turunkan, mereka adaluh fasiq.*

(Al Maidah: 47)

Ertinya, bidang apa saja yang kita kerjakan, kalau tidak sesuai sahaja dengan Al Quran dan Sunnah, maka kalau kita tidak jatuh kafir, kita jatuh kepada zalim, dan kalau tidak jatuh kepada zalim, kita akan jatuh kepada fasiq. Ini termasuklah di bidang pakaian, mengatur rumahtangga, mengatur masyarakat, akhlak, di bidang pelajaran, pendidikan, ekonomi dan perniagaan, kenegaraan, dan dalam bidang apa saja. Mana-mana satu yang terhukum pada diri kita, semuanya akan membawa ke Neraka. Cuma, kalau kafir kita kekal di dalamnya manakala kalau zalim dan fasiq, tidak kekal. Kerana itu, ketiga-tiga hukum itu perlu kita elakkan.

Keburukan Iktiqad Jabariah

Apakah buruknya orang yang berpegang kepada iktiqad jabariah ini? Dia telah menuduh ALLAH dengan tidak secara langsung. Dengan tidak disedarinya, dia telah menuduh ALLAH seolah-olah ALLAH itu jahat dan zalim kepada mereka. Umpamanya, kalau seseorang itu miskin dan kemudian dia mengiktiqadkan bahawa manusia ini tidak ada usaha dan ikhtiar kerana miskin itu sudah ditentukan kepada dirinya oleh qadha dan qadar, dan manusia ini terpaksa tunduk saja kepada kuasa ALLAH

SWT, maka seolah-olah dia telah menuduh bahawa ALLAH-lah yang telah memiskinkan dia, atau ALLAH-lah yang telah menyusahkan dia. Dia tidak ada usaha dan ikhtiar untuk mencari kesenangan.

Kemudian kalau orang itu sakit dan dia pula mengiktiqadkan bahawa manusia ini tidak ada usaha dan ikhtiar untuk menjaga kesihatan badan, maka dia pun mengiktiqadkan bahawa sakit itu memang sudah ditentukan oleh qadha dan qadar; dia terpaksa tunduk di bawah kuasa ALLAY semata-mata. Dia pun tidak mahu berusaha langsung untuk mencari kesihatan badan. Dan kalau dia beriktiqad demikian ketika dia sakit itu, maka seolah-olah dia menuduh bahawa ALLAH-lah yang menyusahkan dirinya dengan sakit itu, walaupun mulutnya tidak berkata demikian.

Kemudian kalau orang itu jahil sedangkan dia telah mengiktiqadkan bahawa manusia ini tidak ada usaha ikhtiar untuk menjadikan dirinya berilmu pengetahuan dan ,menjadikan dirinya orang alim, maka kerana itu langsung dia tidak mahu berusaha dan berikhtiar untuk menjadi orang alim kerana jahilnya itu sudah ditentukan oleh qadha dan qadar; dia terpaksa tunduk di bawah kuasa ALLAH semata-mata. Ketika itu dia seolah-olah telah menuduh ALLAH bahawa ALLAH-lah yang menjadikan dia jahil, tidak berilmu dan tidak berpengetahuan.

Dan kalau orang itu mundur sedangkan dia pula telah mengiktiqadkan bahawa manusia ini tidak ada usaha ikhtiar untuk memajukan dirinya kerana mundurnya itu sudah ditentukan oleh qadha dan qadar yang mana dia terpaksa tunduk di bawah kuasa ALLAH semata-mata, maka dia tidak mahu berusaha langsung. Dengan secara tidak disedarinya, dia telah menuduh bahawa ALLAH-lah yang menyebabkan dia mundur dan ALLAH-lah yang telah menyusahkannya.

Jahat Sangka Dengan ALLAH

Semua ini menunjukkan jahat sangka dengan ALLAH SWT. Sedangkan di dalam Al Quran, ALLAH telah mengingatkan kepada kita agar jangan jahat sangka kerana, sebagaimana fir-man-Nya:

إِنَّ بَعْضَ ٱلظَّنِّ إِثْمٌ

Terjemahannya: ***Sesungguhnya sebahagian daripada bersangka-sangka itu adalah dosa.***

(Al Hujarat: 12)

Ayat ini menunjukkan bahawa kita tidak boleh buruk sangka atau jahat sangka dengan makhluk ALLAH sekalipun. Betapa lagi dengan ALLAH SWT sendiri. Semua jahat sangka itu berdosa. Kalau jahat sangka dengan makhluk ALLAH berdosa, maka jahat sangka dengan ALLAH lebih besar dosanya. Jadi kalaulah kita meng-iktiqadkan ALLAH yang memiskinkan kita, ALLAH yang menjadikan kita sakit, ALLAH yang menyusahkan kita hingga kita mundur, maka kita telah jahat sangka kepada ALLAH SWT. Sedangkan salah satu daripada sifat-sifat ALLAH itu ialah ALLAH tidak menganiaya, dan ALLAH tidak berlaku zalim. ALLAH berfirman:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَظْلِمُ ٱلنَّاسَ شَيْـًٔا وَلَـٰكِنَّ ٱلنَّاسَ أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ

Terjemahannya: ***ALLAH tidak menzalimi*** manusia ***sedikit pun tetapi manusia itulah yang menralimi dirinya (melalui usaha ikhtiarnya).***

(Yunus: 44)

Jadi ALLAH itu Maha Adil. Dia tidak menzalimi makhlukNya walau sebesar habuk sekalipun. Tetapi kalau berlaku juga penzaliman, maka manusia itulah yang

menzalimi dirinya sendiri kerana usaha ikhtiarnya sendiri. Ertinya, kalau kita berpegang dengan iktiqad jabariah yang mana dengan secara tidak langsung kita telah menuduh ALLAH itu zalim, maka kita telah jahat sangka kepada ALLAH.

Kita Dan Iktiqad Jabariah

Dalam pengalaman hidup kita sehari-hari, kebanyakan manusia ini berpegang kepada iktiqad jabariah, termasuklah diri kita sendiri. Walaupun dalam hal ini dia tidak mahu dan tidak mengaku berpegang kepada iktiqad jabariah dan walaupun pengajiannya iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah, tetapi dalam sikapnya, perbuatannya dan kata-katanya, dia banyak melencong kepada iktiqad jabariah. Ini disebabkan manusia ini termasuk diri kita, kurang berhati-hati. Apakah bukti bahawa kebanyakan manusia ini berpegang kepada iktiqad jabariah dari segi sikap, perbuatan dan tutur katanya walaupun pengajiannya dan kitabnya adalah kitab dan pelajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah?

Untuk membuktikannya, cuba kita tanya seseorang yang ditimpa kemiskinan tentang mengapa dia miskin. Nanti dia akan menjawab, "Apa boleh buat, sudah taqdir ALLAH!" Ertinya, dia sudah menuduh ALLAH memiskinkan dirinya.

Atau kalau kita tanya kepada orang yang bercerai, mengapa dia bercerai. Nanti dia akan menjawab, "Apa nak buat! Sudah taqdir ALLAH." Dia telah menuduh ALLAH yang telah meruntuhkan rumahtangganya.

Ini yang berlaku dalam pengalaman hidup kita sehari-hari. Semua manusia telah tercangkuk kepada jabariah. Padahal dia belajar iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah, dan tuk gurunya juga Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Tetapi dari kata-katanya, dia telah menunjukkan seolah-olah tidak ada pilihan untuk dirinya. Ertinya, apa saja yang telah menimpa dirinya, itulah yang telah ditentukan oleh ALLAH SWT. Dia terpaksa tunduk saja di bawah kekuasaan ALLAH. Dia tidak ada usaha ikhtiar untuk mengatasinya. Dia dengan ini telah mengiktiqadkan bahawa ALLAH-lah yang menyusahkan dirinya, dan sebagainya.

Menyandarkan Keburukan Kepada ALLAH?

Cuma yang pelik kepada kita ialah, mereka ini hanya menyandarkan kepada ALLAH perkara yang buruk-buruk sahaja. Iaitu kalau kejahatan dan keburukan menimpa dirinya, kejahatan dan keburukan itulah yang disandarkannya kepada ALLAH. Bahawa kejahatan dan keburukan yang menimpa itu kerana sudah ditentukan oleh ALLAH SWT; tidak ada kuasa manusia untuk berbuat sesuatu. Jadi, hanya yang jahat dan buruk itu saja yang disandarkannya kepada ALLAH. Manakala yang baik-baiknya dia tidak nampak. Kebaikan yang diterimanya tidak disandarkannya kepada ALLAH.,

Ertinya, apabila dia menerima kebaikan, ia terlindung daripada ALLAH. Dia tidak langsung menyebut ALLAH dan tidak langsung terasa di dalam hatinya bahawa ALLAH-lah yang memberikannya kebaikan itu. Umpamanya, kalau dia berjaya, dia tidak langsung mengatakan bahawa ALLAH-lah yang telah menjayakannya. Kalau kita katakan kepadanya, "Awak ni beruntung betul, tinggi pelajaran awak hingga mendapat ijazah BA dan MA," dia akan menjawab, "Inilah usaha saya. Saya rajin belajar dan bersungguh-sungguh. Tidak macam orang lain, suka ponteng belajar."

Ketika itu dia telah lupa kepada ALLAH SWT. Jadi

setiap yang baik itu dia yakin daripada usahanya sendiri. Dan dia yakin bahawa usahanya memberi bekas, kerja-kerjanya memberi bekas, jihad dan perjuangannya memberi bekas. Ketika itu dia telah beriktiqad qadariah pula. Ertinya, bila terjadi perkara yang baik, dia beriktiqad qadariah, tetapi bila terjadi yang buruk atau jahat, dia beriktiqad jabariah.

Inilah sikap-sikap manusia yang kita lihat dalam pengalaman hidup kita sehari-hari. Bila berlaku perkara yang baik-baik, dia mengaku dirinyalah yang membuatnya, dialah yang memajukannya, dialah yang membangunkannya, dialah yang menjayakannya, dan sebagainya. Tidak langsung dia menyandarkannya kepada ALLAH. Tetapi bila terjadi yang buruk, tidak mahu pula dia mengaku, "Akulah yang bersalah. Aku yang menyebabkan jadi begitu. Cuai betul aku ni."

Kita dapati, tidak pernah dia menyesal akan dirinya tetapi dia telah menyalahkan ALLAH. "Apa boleh buat. Memang sudah kehendak ALLAH jadi begitu." Ertinya, ketika itu dia tidak mahu menyalahkan dirinya tetapi dia telah menyalahkan ALLAH SWT, seolah-olah ALLAH-lah yang menyebabkan dia jadi begitu. Kalau anaknya jahat, terlibat dengan dadah, merompak, mencuri dan sebagainya, maka dia akan berkata, "Apa nak buat. Sudah kehendak ALLAH." Tetapi kalau anaknya berjaya hingga dapat BA dan MA, dia akan berkata, "Akulah yang mendidik dia hingga dia berjaya. Bukan macam orang lain. Mereka membiarkan saja anak-anak. Aku tidak...!"

Berhati-hati Dengan Sikip Kita

Mengapakah hal ini boleh berlaku, sedangkan dia belajar kitab Ahli Sunnah Wal Jamaah, dan guru yang mengajarnya juga Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ini kerana seseorang

itu kurang berhati-hati. Kerana itu, hendaklah kita jaga betul-betul akan sikap kita, kata-kata kita serta perbuatan kita. Semuanya mestilah selaras dengan pelajaran kita, iaitu pelajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berpegang kepada Al Quran dan Hadis serta ijmak ulama dan qias.

Jadi, mesti selaras ilmu kita dengan amal kita. Jangan pula, ilmu kita di satu pihak, dan amal kita di pihak yang lain. Umpamanya, ilmu yang kita pelajari tidak seimbang dengan kerja kita, atau ilmu yang kita pelajari tidak selaras dengan akhlak kita, dan sebagainya. Kerana itu, jangan sampai sikap, perbuatan dan kata-kata kita berlawanan dengan ilmu yang kita pelajari. Kerana itu juga kita disuruh oleh ALLAH supaya selalu mengkaji diri kita ini, sepertimana sabda Rasulullah SWT:

حَاسِبُوْا اَنْفُسَكُمْ قَبْلَ أَنْ تُحَاسِبُوْا

Terjemahannya: ***Hitunglah diri kamu sebelum*** kamu ***dihitung esoknya.***

Oleh yang demikian, setiap apa yang hendak kita lakukan, mestilah kita fikir betul-betul supaya ia selaras dengan ilmu yang kita pelajari. Kita mesti berhati-hati agar kita tidak terjebak kepada iktiqad yang terkeluar daripada iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah, seperti jabariah dan qadariah. Kalau kita tidak jatuh kafir pun, sekurang-kurangnya fasiq. Namun ia tetap menyebabkan kita terjun ke Neraka.

Jadi hendaklah kita fahamkan benar-benar perkara-perkara yang boleh membawa kita terjebak kepada iktiqad jabariah ini iaitu suatu iktiqad yang meyakinkan bahawa manusia ini tidak ada usaha ikhtiar langsung tetapi terpaksa tunduk 100 peratus kepada qadha dan qadar ALLAH semata-mata. Mudah-mudahan daripada pemahaman kita itu, kita mendapat pimpinan serta taufiq

dan hidayah daripada ALLAH SWT agar setiap perbuatan, sikap dan kata-kata kita selaras dengan ilmu yang kita pelajari. Dan mudah-mudahan juga kita menjadi orang yang selalu berada di atas garis yang benar dari permulaan hidup kita hinggalah ke hujung.

Orang Berilmu Mesti Memohon Taufiq Dan Hidayah Daripada ALLAH

Kalau ALLAH tidak memberi hidayah kepada kita, ada ilmu pun, ilmu tidak boleh diselaraskan dengan perbuatan kita, dan ilmu itu tidak dapat memberi manfaat kepada kita. Sebab itu di samping ilmu untuk menyuluh kehidupan kita, untuk menjadi sebab kita tahu mana yang hak dan mana yang batil, dan untuk menjadi sebab kita kenal mana yang mesti dibuat dan mana yang mesti ditinggalkan, kita juga mestilah memohon taufiq dan hidayah daripada ALLAH SWT.

Tetapi kalau ALLAH tidak memberi kita taufiq dan hidayah serta memimpin hidup kita, sebanyak mana pun ilmu yang ada pada kita, ilmu itu tidak dapat memberi manfaat. Dan sebanyak mana pun ilmu yang kita pelajari ia tidak akan kita jadikan amalan. Dan manakala kita berbuat sesuatu, perbuatan kita bersalahan juga dengan ilmu kita walaupun ilmu yang kita pelajari itu sudah betul dan tepat. Ini kerana kita tidak mendapat taufiq dan hidayah daripada ALLAH SWT disebabkan ada sesuatu sebab yang kita tidak ketahui; mungkin ada sesuatu dosa yang kita lakukan secara tidak kita sedari.

Orang Yang DiSelamatkan Oleh ALLAH

Sebab itulah kita perlu berhati-hati sentiasa kerana taufiq dan hidayah yang ALLAH hendak berikan kepada seseorang itu adalah disebabkan ada suatu perkara yang kita

lakukan yang mendapat nilaian dan penghargaan besar daripada ALLAH SWT Kerana ada sesuatu perkara yang dipandang besar oleh ALLAH SWT itulah maka ketika seseorang itu hampir-hampir jatuh kepada kesalahan, dia diselamatkan oleh ALLAH.

Sebaliknya pula, seseorang itu boleh jatuh kepada kesalahan walaupun pada mulanya dia baik dan berada di atas garis yang betul. Ini kerana ALLAH tidak boleh menyelamatkan dirinya disebabkan dia ada membuat suatu kesalahan yang dipandangnya ringan tetapi dipandang besar oleh ALLAH SWT. Kerana itu ALLAH murka kepadanya. Oleh yang demikian, janganlah sampai kita melakukan dosa yang dipandang besar oleh ALLAH SWT hingga mendinding kita daripada mendapat taufiq dan hidayah daripada ALLAH SWT.

Banyak kita terbaca di dalam kitab, kisah-kisah zaman dahulu bagaimana seseorang itu pada mulanya terlalu jahat tetapi oleh kerana dia membuat suatu perkara yang dipandang besar oleh ALLAH, dia mendapat petunjuk. Umpamanya, kita perhatikan seseorang itu berkelakuan jahat dan banyak melakukan maksiat, tetapi terhadap ibu dan ayahnya dia amat taat sekali. Kerana itu, di penghujung hidupnya dia mendapat petunjuk daripada ALLAH. ALLAH memandang besar perbuatannya hingga menjadikan ALLAH sayang kepadanya.

Sebaliknya, ada juga kita dapati seseorang yang banyak amalnya sembahyangnya kuat serta banyak berpuasa dan berpegang kuat pula dengan Sunnah Rasulullah tetapi di penghujung hidupnya dia tersesat hingga menyebabkan dia melakukan perbuatan yang boleh membawa dia ke Neraka. Dan apabila kita selidikisebabsebab terjadinya demikian, kita dapati orang itu telah cuai dengan ibu dan ayahnya, yang merupakan dosa yang dipandang berat oleh ALLAH SWT.

Derhaka kepada ibu bapa adalah dosa yang besar di sisi ALLAH SWT. Itulah yang menjadi hijab atau dinding pada dirinya daripada mendapat hidayah ALLAH sampai ke penghujung hidupnya. Kerana itu walaupun pada awal hidupnya dia baik tetapi pada penghujung hidupnya dia terseleweng dan terjun ke Neraka.

Kita ambil satu contoh kisah seorang Sahabat yang bernama Alqamah. Apabila kita memperkatakan Sahabat, perlu kita ingat bahawa semua Sahabat itu adalah orang soleh belaka, sepertimana sabda Rasulullah SAW:

صَحَابَتِيْ كَالنُّجُوْمِ بِأَيِّهِمِ اقْتَدَيْتُمْ اِهْتَدَيْتُمْ

Terjemahannya: *Sahabat-sahabatku ibarat bintang di langit, mana satu yang kamu ikut kamu akan mendapat petunjuk.*

Jadi, Rasulullah berkata bahawa kita boleh ikut mana-mana satu Sahabat walaupun yang tidak terkenal, dan kita akan mendapat petunjuk dan pimpinan daripada ALLAH. Sebab itu Sahabat-sahabat adalah orang-orang soleh semuanya. Dan Alqamah ini juga tentu sekali seorang yang soleh. Tetapi manakala dia hampir meninggal dunia dan ketika dia hendak diajar dengan kalimah syahadat, didapati Alqamah tidak dapat menyebutnya.

Sahabat-sahabat yang lain berasa cemas kerana pada saat-saat Alqamah hendak meninggal dunia, dia tidak boleh mengucap. Mereka tertanya-tanya, apakah dosa yang telah dilakukan oleh Alqamah sedangkan pada lahirnya dia tidak berbuat dosa. Kemudian Rasulullah bertanya kepada Sahabat-sahabat sama ada Alqamah masih ada ayah atau tidak. Sahabat mengatakan bahawa dia sudah tidak ada ayah tetapi ada ibu. Rasulullah menyuruh Sahabat-sahabat memanggil ibunya itu.

Apabila ibu Alqamah datang menemui Rasulullah, maka Rasulullah pun bertanya kepadanya tentang pergaulan anaknya itu. Mula-mula ibu itu mengatakan bahawa anaknya itu seorang yang baik dan tidak pernah mencacatkan hatinya. Tetapi apabila ditanya lagi oleh Rasulullah, maka dia berkata bahawa kalaupun Alqamah ada bersalah kepadanya, kesalahan itu adalah dalam satu perkara yang amat kecil. Ibu itu mengatakan bahawa hal itu tidak mencadatkan hatinya, iaitu waktu Alqamah belum beristeri, dia selalu memberi bantuan wang ringgit kepada ibunya tetapi setelah dia beristeri dia jarang-jarang memberi bantuan serupa itu, dan kalau ada pun bantuan itu tidak sepertimana sebelum dia berkahwin dahulu.

Kemudian Rasulullah berkata bahawa itulah dosa yang menjadi hijab bagi Alqamah hingga dia tidak boleh mengucap. Kemudian Rasulullah berkata kepada ibu itu sama ada dia mahu memaafkan kesalahan itu, kerana kalau tidak, Rasulullah berkata mayat Alqamah akan dibakar. Mendengar perkataan Rasulullah itu, ibu Alqamah menjadi cemas lantas dia memaafkan kesalahan anaknya itu. Setelah dimaafkan saja oleh ibu itu, maka Sahabat-sahabat mengajar Alqamah mengucap, dan dia fasih mengucapkannya dan akhirnya memejamkan matanya.

Jadi daripada cerita ini kita dapat fahamkan bahawa dosa kita yang dipandang besar oleh ALLAH SWT boleh menjadi hijab untuk kita mendapat taufiq dan hidayah daripada ALLAH SWT. Sahabat Alqamah yang soleh itu pun boleh dihijab oleh ALLAH, betapalah kita ini yang dosa kepada ibu dan ayah mungkin lebih berat. Alqamah mungkin sekadar menghulurkan bantuan yang tidak sempurna. Dan kita ini pula bukan saja tidak sempurna, mungkin setahun sekali pun tidak menghulurkan bantuan.

Oleh itu wajib kita jaga hubungan kita dengan ayah dan ibu dengan member-i bantuan kepada mereka sebagai tanda syukur 'kita kerana menyebabkan kita lahir ke dunia. Mudah-mudahan dengan perbuatan kita yang dipandang mulia di sisi ALLAH itu, kita sentiasa mendapat taufiq dan hidayah dari awal perjalanan hidup kita hinggalah ke penghujung hidup kita.

Seseorang yang hendak mendapat petunjuk daripada ALLAH itu ada sebabsebabnya, dan seseorang yang tidak boleh mendapat petunjuk daripada ALLAH itu juga ada sebab-sebabnya.

BAB 12

IKTIQAD AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

MATAN:

PERKATAAN Ahli Sunnah Wal Jamaah itu ertinya orang yang mengikut perjalanan Nabi dan perjalanan orang ramai iaitu orang yang beriktiqad bahawa hamba itu tidak digagahi semata-mata dan tidak memberi bekas segala perbuatan yang sengajanya, tetapi ada perbuatan yang disengaja pada zahir itulah yang dikatakan usaha dan ikhtiar yang tiada memberi bekas padahal hakikatnya sengaja hamba itu pun daripada ALLAH Taala.

Walhasil sekalian makhluk itulah tempat pada zahir dan tergagah pada batin maka ikhtiar dan usaha hamba itulah tempat pergantungan taklif (hukum) ke atasnya dengan suruh dan tegah dan itulah sebab bagi pahala dan seksa.

Maka nyatalah iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah itu iktiqad pertengahan atau kepercayaan yang sederhana kerana iktiqad jabariah dan qadariah semuanya melebih-lebih sangat. Maka dihukumkan iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan sebenar-benar dan pertengahan kerana ia mengadakan perkara yang ada dan mentiadakan yang tiada (berkata Ahli Sunnah, pada hamba itu ada usaha kerana sebenarnya ada usaha pada hamba, dan mereka itu menidakkan hamba itu tergagah semata-mata kerana sebenarnya jua hamba itu tidak tergagah semata-mata) dan sebab dihukumkan iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah itu pertengahan kerana ia tidak sangat kendur berjela-jela seperti jabariah dan tidak tegang berdenting-denting seperti qadariah maka yang sebaik-baik perkara itu ialah yang pertengahan. Bagaimana tersebut di dalam Hadis (خَيْرُ الأُمُوْرِ أَوْسَاطُهَا) sebaik-baik perkara itu yang pertengahan sahaja.

Maka fikiran-fikiran orang Islam di dalam perkara yang tersebut telah didapati kebanyakan mereka itu mengikut fahaman jabariah sekalipun mereka tidak mengaku pada zahirnya tetapi gerakan dan tutur kata menunjukkan demikian itu. Dalil bagi menguatkan kenyataan ini ialah

diambil daripada percakapan orang-orang Islam tatkala ditanya seorang, kenapa tak naik haji? Dijawabnya sudah nasib dan sudah bahagiannya maka percakapan itu dengan terang bersetuju dengan pegangan jabariah.
Maka perkataan yang seperti ini terlalu bahaya kerana ia telah mengumpat ALLAH Taala dan telah berani menyalahkan Tuhan. Ia menyangka seolah-olahnya Tuhanlah yang menyebabkan dia jadi sengsara. Yang demikian sangatlah salah kerana fir-man Tuhan:

مَآ أَصَابَكَ مِنْ حَسَنَةٍ فَمِنَ ٱللَّهِ ۖ وَمَآ أَصَابَكَ مِن سَيِّئَةٍ فَمِن نَّفْسِكَ ۚ

Ertinya: ***Apa yang mengenai engkau daripada kebajikan maka iaitu daripada ALLAH dan apa yang mengenai engkau daripada kejahatan maka iaitu daripada engkau sendiri.***

(An Nisa 79)

SEBELUM ini, kita telah pun mengkaji secara dasarnya sahaja tentang dua jenis iktiqad iaitu iktiqad jabariah dan iktiqad qadariah. Dengan pengetahuan yang secara asas itu, sedikit sebanyak kita dapat membuat perbezaan antara iktiqad-iktiqad itu dengan pegangan iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah pegangan yang sebenar dan tepat yang mesti menjadi pegangan kita semua. Inilah pegangan Rasulullah dan pegangan Sahabat-sahabat baginda.

Pengertian Iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah

Erti "Ahli Sunnah" ialah penganut Sunnah atau perjalanan Nabi Muhammad SAW. Manakala erti 'jamaah" ialah penganut iktiqad sebagaimana iktiqad jemaah Sahabat-sahabat ridhuanullah alaihim. Jadi "Jamaah" yang dimaksudkan di sini bukan jemaah orang awam tetapi jemaah para Sahabat Rasulullah SAW. Oleh yang demikian, iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah iktiqad yang dianuti oleh kaum Muslimin sebagaimana iktiqad Nabi Muhammad SAW dan Sahabat-sahabat Nabi. Inilah yang dikatakan pegangan atau mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Perlu kita faham di sini bahawa pegangan atau ke-

yakinan ini sudah terdapat dalam Al Quran dan Hadis Rasulullah SAW, cuma kedudukannya di dalam Al Quran dan Hadis itu tidak tersusun dan teratur. Ia bersepah-scpah di sana sini. Kadang-kadang pegangan itu terdapat dalam satu juzuk di dalam Al Quran dan kadang-kadang di dalam satu surah di dalam juzuk yang lain. Jadi kedudukan pegangan ini pada zaman Rasulullah SAW dan zaman para Sahabat masih belum tersusun dan teratur.

Ertinya, pegangan atau iktiqad ini belum tersusun menjadi sepertimana yang dapat kita pelajari pada zaman ini. Ketika itu ia masih bertabur di dalam Al Quran dan Hadis-hadis. Hal ini tidak menyusahkan para Sahabat kerana mereka bukan macam kita pada zaman ini yang perlu mempelajari satu-satu pengajian itu dalam bentuk yang disusun dan dikhususkan di dalam satu buku dan sebagainya. Para Sahabat dapat belajar terus daripada Rasulullah SAW. Kerana itu, bagi mereka perlunya pegangan ini disusun dan diatur tidak timbul.

Sejarah Pembukuan Iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah

Pegangan atau keyakinan ini mula dibukukan oleh seorang ulama besar yang ahli dalam bidang ilmu usuluddin iaitu Syeikh Abu Hassan Al Asyaari. Beliau lahir di Basrah pada tahun 260 Hijrah, dan wafat di Basrah juga pada tahun 324 Hijrah ketika berusia 64 tahun.

Sezaman dengan Syeikh Abu Hassan ini terdapat seorang ulama besar yang juga ahli dalam bidang usuluddin yang bernama Abu Mansur Al Maturidi. Beliau wafat di sebuah daerah di Asia Timur bernama Maturidi dalam wilayah Samarkhan di Rusia, dalam tahun 333 Hijrah, terkemudian sedikit daripada wafatnya Syeikh Abu Hassan Al Asyaari.

Jadi dalam kurun ketiga Hijrah, iktiqad atau pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah ini mula disusun dan diatur oleh dua orang ulama besar ini. Mereka telah menyusun iktiqad ini berpandukan ayat-ayat yang bersepah di dalam Al Quran itu serta memetiknya daripada Hadis-hadis Rasulullah SAW, lengkap dengan dalil-dalil dan bukti yang kemudiannya mereka karang menjadi buku. Dengan itu mudahlah pegangan ini dibahas dan dipelajari.

Mazhab

Sudah menjadi kebiasaan dalam dunia Islam, setiap hukum yang digali oleh ulama-ulama bertaraf mujtahid daripada Al Quran dan daripada Sunnah Rasulullah SAW, dinamakan mazhab. Manakala mazhab-mazhab daripada hukum-hukum yang digali daripada Al Quran dan Hadis Rasulullah SAW itu pula disandarkan kepada imam atau ulama-ulama mujtahid yang menggali hukum-hukum itu.

Umpamanya hukum yang dikeluarkan oleh Imam Syafi'i daripada Al Quran dan Hadis, dikatakan Mazhab Syafi'i. Kerana dialah yang mengusahakan dan mengumpulkan ayat-ayat Al Quran yang bersepah-sepah di dalam Al Quran dan juga di dalam Hadis yang kemudiannya dibahaskan dan dihuraikan olehnya hingga satu-satu hukum itu menjadi tersusun di dalam sebuah buku. Ini memudahkan kita untuk mengkaji dan mentelaahnya, sesuai dengan taraf kita ini yang bukan seperti taraf Sahabat-sahabat ketika Rasulullah masih ada.

Manakala hukum-hukum yang dikeluarkan oleh Imam Malik dikatakan Mazhab Maliki, hukum-hukum yang dikeluarkan oleh Imam **Hanafi** dikatakan Mazhab Hanafi, dan hukum-hukum yang dikeluarkan oleh Imarn

Hambali daripada Al Quran dan Hadis dinamakan Mazhab Hambali.

Dan begitulah juga dengan hukum-hukum dalam bidang aqidah yang dikeluarkan oleh Imam Abu Hassan Asyaari; ia dinamakan Mazhab Abu Hassan Asyaari atau setengah-setengah kitab menyebut Mazhab Al Asyaariah. Dan hukum-hakam dalam bidang aqidah yang dikeluarkan daripada Al Quran dan Hadis oleh Abu Mansur Al Maturidi, dipanggil Mazhab Maturidi atau Mazhab Maturidiah.

Dan begitulah seterusnya dengan ulama-ulama lain yang bertaraf mujtahid yang dapat mengeluarkan hukum daripada Al Quran dan Hadis, hasil ijtihad masing-masing. Hukum-hukum itu kemudian disusun, dan mazhab-mazhab itu disandarkan kepadanya. Kalau ulama itu Auza'i maka ia digelar Mazhab Auza'i; kalau ulama Sauri maka dinamakan Mazhab As Sauri; atau kalau ulama Daud Zahiri, maka ia dinamakan Mazhab Daud Zahiri; dan seterusnya bagi lain-lain ulama besar bertaraf mujtahid. Mereka ini tidak terkenal pada hari ini kerana buku-buku mereka sudah tidak ada lag-i, manakala ulama-ulama yang mempertahankan pegangan dan aqidah mereka juga sudah tidak ada lagi.

Empat Ulama Besar

Tetapi bagi ulama-ulama empat yang besar hari ini, buku-buku mereka masih ada, dan ulama-ulama yang memperjuang dan mengajar pegangan mereka masih ada hingga ke hari ini. Sebab itu ulama yang empat ini terkenal dengan mazhab masing-masing dalam bidang feqah. Manakala Abu Hassan Al Asyaari dan Abu Mansur Al Maturidi terkenal dengan mazhab masing-masing dalam bidang usuluddin atau aqidah. Dan mereka inilah

yang menggali daripada Al Quran dan Hadis tentang pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Perlu juga kita ingat di sini bahawa iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah ini, kadang-kadang disebut oleh orang Mazhab Sunni. Di Malaysia jarang kita dengar orang menyebut demikian tetapi di negara Pakistan dan di negara-negara Arab, perkataaan Sunni biasa didengar. Jadi kalau kita dengar orang menyebut Mazhab Sunni, ertinya Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Sehubungan dengan itu, kadang-kadang kita dengar juga orang menyebut Mazhab Asyaariah atau Mazhab Maturidiah. Ini juga sama kerana kedua-dua ulama itu-lah yang menyusun hukum-hukum mengenai iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kerana itu mazhab ini disandarkan kepada mereka iaitu Imam Abu Hassan Al Asyaari dan Imam Abu Mansur Al Maturidi.

Merekalah yang bertanggungjawab menyusun ayat-ayat Al Quran dan Hadis yang bertaburan hingga menjadi satu buku. Kalau tidak, sudah tentulah susah bagi kita pada akhir zaman ini. Terpaksalah kita mencari di dalam Al Quran dan Hadis, sedangkan ulama *yang* tahu seluruh isi Al Quran dan Hadis iaitu mereka yang boleh berijtihad sendiri, sudah tidak ada lagi. Kerana itu amat besar sekali jasa Abu Hassan Al Asyaari dan Abu Mansur Al Maturidi.

Dengan tersusunnya buku Ahli Sunnah Wal Jamaah ini bererti munculnya Mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ini berlaku dalam kurun ke-3 Hijrah. Dan mengapakah buku yang membentangkan aqidah ini tersusun ketika itu? Ini kerana, di dalam kurun itulah lahirnya ber-macam-macam pendapat dan khilafiah mengenai aqidah di dalam masyarakat Islam hingga ada sesetengah pendapat itu yang terkeluar daripada ajaran Al Quran dan .Sunnah.

Setengah-setengahnya sudah membawa kepada murtad manakala yang lain-lain setidak-tidaknya sudah membawa kepada fasiq. Semua ini telah mengecohkan iktiqad orangramai, seolah-olah mereka tidak tahu yang mana satu hendak mereka pegang. Hal yang semacam ini tidak berlaku sebelumnya. Waktu itu merupakan kemuncak fitnah bilamana pandangan terhadap ALLAH dan Rasul, serta keyakinan tentang Syurga dan Neraka dan sebagainya, sudah tidak sama lagi.

Dan perlu diingat di sini bahawa yang menimbulkan bermacam-macam pendapat dan pandangan ini adalah mereka yang bertaraf ulama, bukan macam taraf kita pada zaman ini. Mereka ada pengaruh dan ada pengikut. Kalau taraf macam kita ini, walau macam mana hebatnya fatwa yang kita keluarkan, tidak ada orang yang mahu ikut.

Jadi dalam keadaan yang kacau-bilau inilah keduadua ulama Abu Hassan Asyaari dan Abu Mansur Al Maturidi mula memikirkan yang perkara itu tidak boleh dibiarkan kerana ia boleh merosakkan masyarakat Islam terutamanya orang awam. Fahaman yang kacau-bilau dan karut-marut ini boleh menyelewengkan aqidah umat daripada aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Hal ini dirasakan begitu merbahaya.

Umat Islam Berpecah Kepada 73 Firqah

Telah dikatakan bahawa di dalam abad yang ke-3 Hijrah itu, firqah-firqah dan fahaman-fahaman yang karut-marut itu telah memuncak. Jadi kedua-dua ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah itu menyusun buku mereka untuk menjadi benteng kepada umat Islam agar dapat menolak fahaman yang karut itu.

Kedua-dua ulama ini merasa begitu bertanggung-

jawab untuk menyelamatkan umat. Sedangkan kalau mengikut sejarahnya, Imam Abu Hassan Asyaari itu pada mulanya berpegang kepada fahaman kaum muktazilah kerana gurunya seorang ulama muktazilah yang terkenal, dan ulama itu juga ayah tirinya sendiri.

Tetapi setelah Imam Abu Hassan dewasa, dia mampu mengkaji sendiri dan mendapati bahawa pegangan ayah tirinya itu terkeluar daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Lantas. dia mengisytiharkan dirinya keluar daripada pegangan muktazilah dan kembali berpegang kepada iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah. Lantaran itu, dia menceritakan tentang menyelewengnya pegangan-pegangan yang salah itu, dan tentang pegangan yang sebenar iaitu iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Firqah-firqah yang membawa berbagai-bagai fahaman itu berpecah pula kepada beberapa aliran. Umpamanya, kaum syiah sahaja telah berpecah kepada 22 aliran, manakala kaum khawarij mempunyai 20 aliran, kaum muktazilah mempunyai 20 aliran, kaum murjiah mempunyai lima aliran, kaum najariah mempunyai tiga aliran, kaum jabariah satu aliran, dan kaum musyabihah satu aliran. Golongan qadariah adalah termasuk di dalam mazhab muktazilah.

Dan kalau kita campurkan semuanya, ia berjumlah 72 puak. Kerana itu memang sesuai sekali dengan sabda Rasulullah SAW yang mengatakan (maksudnya) bahawa akan berpecah umat Islam ini kepada 73 puak, 72 daripadanya masuk Neraka manakala satu puak sahaja masuk Syurga iaitu yang berpegang kepada Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Fahaman Lain Secara Ringkas

Cuba kita perhatikan secara ringkas di antara pegangan-

pegangan mazhab yang tersebut itu. Kaum yang berfahaman syiah misalnya, terlalu mendewa-dewakan. Sayidina Ali bin ,Abi Thalib hingga berlebih-lebihan. Kaum ini hingga berpendapat bahawa jawatan khalifah yang pertama itu adalah hak Sayidina Ali dan bukannya hak Sayidina Abu Bakar. Bukan juga hak Sayidina Umar ataupun Sayidina Usman. Mereka berpendapat bahawa Sayidina Abu Bakar telah merampas hak khalifah itu daripada Sayidina Ali.

Syiah

Jadi kaum syiah ini seolah-olah telah menolak ke khalifahan Sayidina Abu Bakar membawa kepada Sayidina Umar dan Sayidina Usman. Inilah salah satu daripada fahaman kaum itu yang mana boleh juga dianggap sederhand kerana daripada 22 aliran mazhab syiah ini, ada terdapat fahaman-fahaman yang lebih karut.

Umpamanya ada yang menganggap Sayidina Ali itu rasul. Seolah-olah pada mereka, Jibril telah tersalah menyampaikan wahyu. Menurut mereka, ALLAH mahu wahyu disampaikan kepada Sayidina Ali tetapi Jibril telah tersilap menyampaikannya kepada Rasulullah. Fahaman ini adalah yang paling teruk di kalangan aliran syiah itu. Bahkan yang bertambah karut lagi, ada juga yang bertuhankan Sayidina Ali.

Khawarij

Kemudian, kaum khawarij pula membawa pegangan yang berlainan. Kaum ini begitu membenci Sayidina All hingga ada di antara mereka yang mengkafirkan Sayidina Ah. Dan ada golongan yang lain pula mengkafirkan setengah-setengah Sahabat yang lain. Ini tentulah berat

sekali kerana bertentangan dengan sabda Rasulullah yang bermaksud:

صَحَابَتِي كَالنُّجُوْمِ بِأَيِّهِمِ اقْتَدَيْتُمْ اَهْتَدَيْتُمْ

Terjemahannya: *Sahabat-sahabatku umpama bintang-bintang di langit. Yang mana satu kamu ikut, kamu akan mendapat petunjuk.*

Ertinya, semua Sahabat Rasulullah baik-baik belaka, tidak kira yang mana satu. Semuanya boleh diikut untuk mendapat petunjuk. Tiba-tiba ada golongan yang mengkafirkan sesetengah Sahabat. Sedangkan orang yang fasiq sekalipun, kalau ia belum bertaraf kafir, kalau kita tuduh dia kafir, kafir itu kembali kepada orang yang menuduh. Maknanya, seseorang yang belum tentu kafirnya itu, tidak boleh kita tuduh kafir. Sebab itu kalau kita hendak menuduh kafir kepada seseorang itu, kita perlu berhati-hati. Takut-takut penyakit kafir itu berpindah balik kepada kita.

Selain itu, di antara pegangan khawarij juga ialah, orang yang membawa dosa besar adalah terhukum kafir. Inilah di antara pegangan kaum khawarij. Ada banyak lagi pegangan mereka yang tidak dapat kita catatkan di sini. Tetapi cukuplah kita sebut secara ringkas untuk menjadi kefahaman kita.

Muktazilah

Kemudian, di antara fahaman-fahaman muktazilah yang begitu banyak ialah bahawa orang yang membawa dosa besar, dia itu mukmin pun tidak, kafir pun tidak. Orang itu tidak boleh masuk Syurga dan tidak juga masuk Neraka. Kedudukannya di Akhirat kelak adalah di antara Syurga dan Neraka. Inilah pegangan mereka, dan se-

memangnya golongan muktazilah ini lebih berpegang pada akal.

Dan di antara fahaman muktazilah juga ialah bahawa nikmat yang diterima oleh orang mukmin di dalam Syurga nanti hanyalah nikmat rohani sahaja, bukannya nikmat rohani dan jasmani. Dan mereka juga berkeyakin-an bahawa orang mukmin di dalam Syurga tidak dapat melihat ALLAH dengan mata kepalanya. Sedangkan keyakinan Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah, orang mukmin .di dalam Syurga dapat melihat ALLAH dengan mata kepalanya, cuma iktiqad kita adalah bahawa ALLAH tidak bertempat, dan jangan pula kita mengiktiqadkan ALLAH di dalam Syurga.

Telah kita katakan tadi bahawa kaum murjiah telah berpecah kepada lima aliran. Di antara fahaman mereka ialah bahawa perbuatan maksiat, keingkaran dan ke-mungkaran kepada ALLAH SWT, semuanya tidak memberi mudarat kepada seseorang kalau dia beriman. Begitu jugalah dengan kebajikan yang mana ia tidak boleh memberi manfaat kepada seseorang itu kalau ia kafir. Ertinya, kalau seseorang itu beriman, maksiat yang dilakukannya atau kederhakaannya kepada ALLAH tidak akan memudaratkan dirinya. Dan orang yang kafir, kebajikan yang dilakukannya tidak boleh memberi manfaat kepada dirinya.

Najariah

Selanjutnya, di antara pegangan kaum najariah pula ialah bahawa ALLAH itu tidak mempunyai sifat. Ertinya, sesiapa yang belajar sifat 20 bagi ALLAH Taala dianggap bid’ah. Dan kemudian, di antara fahaman jabariah pula sepertimana yang telah kita pelajari ialah bahawa manu-sia ini tidak ada usaha ikhtiar; semata-mata tunduk kepada qadha dan qadar ALLAH SWT.

Musyabbihah

Manakala kaum musyabbihah pula membawa pegangan dengan menyerupakan ALLAH SWT dengan makhluk,' seperti ALLAH itu bertangan, ALLAH itu bermuka, dan sebagainya. Kata mereka, ALLAH itu turun dan ALLAH itu naik. Di dalam Al Quran, kita bertemu dengan ayat yang membawa maksud "muka ALLAH". Kaum musyabihah tidak mahu mentakwilkan langsung ayat itu. Ertinya, kalau ayat itu menyebut "muka ALLAH", maka bagi mereka, ALLAH bermuka. Kita dapati mereka telah menyerupakan ALLAH dengan makhluk-Nya.

Inilah beberapa fahaman yang dibawa oleh sebahagian daripada firqah-firqah yang disebutkan sebanyak 72 itu. Ada pula sesetengah kitab yang telah dapat menyelidik beberapa pecahan lagi daripada 72 firqah itu. Sehingga hari itu dikatakan bahawa pecahan itu telah berjumlah hingga 700. Kita pun tidak dapat mengetahui apa pegangan mereka itu.

Pembukuan Iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah Membantu Orangamai

Jadi, di dalam kurun yang ke-3 Hijrah, 'kesemua ajaran ini telah mengembangkan pengaruh mereka ke tengah-tengah masyarakat Islam. Umpamanya, semasa Kerajaan Abbasiyah, ada tiga pemerintah yang menyokong mazhab muktazilah, iaitu Khalifah Makmun, Al Muktasim dan Al Wasiq. Ini menunjukkan betapa kuatnya pengaruh fahaman ini ketika itu. Jadi untuk membantu orang ramai menolak pegangan yang karut-marut ini, maka buku iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah disusun oleh dua orang ulama yang kita sebutkan tadi.

Kemunculan firqah-firqah atau mazhabmazhab yang

membawa berbagai-bagai pegangan karut ini, rupa-rupanya sudah pun disebutkan oleh Rasulullah S.A.W di dalam Hadisnya. Sedangkan pada ketika Rasulullah SAW bersabda, perkara itu belum berlaku lagi. Di antara Hadis-hadis Rasulullah itu ialah yang bermaksud:

فَإِنَّهُ مَنْ يَعِشْ مِنْكُمْ مِنْ بَعْدِي فَسَيَرَى اخْتِلاَفًا كَثِيْرًا فَعَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الْمَهْدِيِّيْنَ الرَّاشِدِيْنَ تَمَسَّكُوْا بِهَا وَعَضُّوْا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِذِ

Terjemahannya: *Maka bahawasanya, siapa yang hidup di kalangan kamu selepasku, maka dia akan melihat banyak perselisihan. Maka wajiblah kamu berpegang dengan perjalananku dan dengan perjalanan khulafa yang boleh memberi petunjuk dan yang rasyidin (cerdik dan bijaksana Hendaklah kamu berpegang dengannya dan gigitlah ianya sekuat-kuatnya dengan geraham.*

(Riwayat Abu Daud)

صِنْفَانِ مِنْ أُمَّتِي لَيْسَ لَهُمَا فِيْ الاِسْلاَمِ نَصِيْبٌ الْمُرْجِئَةُ وَالْقَدَرِيَّةُ

Terjemahannya: *Ada dua golongan umatku tidak ada sangkut-paut dengan Islam iaitulah al murjiah dan qadariah.*

(Riwayat At Tarmizi)

ان رسول الله صلى الله عليه وسلم قال تَفَرَّقَتْ اليهودُ عَلَى احْدَى وَسَبْعِيْنَ فِرْقَةً وَالنَّصَارَى مِثْلَ ذَلِكَ وَتَفْتَرِقُ أُمَّتِيْ عَلَى ثَلاَثٍ وَسَبْعِيْنَ فِرْقَةً

Terjemahannya: Bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Telah berpecah-belah orang yahudi itu kepada 71 firqah dan orang nasrani juga seumpama itu, dan akan *berpecah umatku kepada 73 firqah.*

(Riwayat At Tarmizi)

إِنَّ بَنِي إِسْرَائِيْلَ تَفَرَّقَتْ عَلَى ثِنْتَيْنِ وَسَبْعِيْنَ مِلَّةً وَتَفْتَرِقُ أُمَّتِي عَلَى ثَلاَثٍ وَسَبْعِيْنَ ملة كُلُّهُمْ فِى النَّارِ إِلاَّ ملةً وَاحِدَةً. قَالُوْا وَمَنْ هُمْ يَا رَسُوْلَ اللهِ؟ قَالَ مَا أَنَا عَلَيْهِ وَأَصْحَابِي

Terjemahannya: Sesungguhnya *pada Bani Israil telah berpecah kepada 72 fahaman (marhab) dan akan berpecah umatku kepada 73 fahaman pula; sekalian mereka itu di dalam Neraka melainkan satu sahaja. Maka Sahabat-sahabat bertanya: Siapakah mereka itu, wahai Rasulullah? Jawab Rasulullah: "Kumpulan yang menjadikan peganganku dan Sahabat-sahabatku sebagai pegangannya."*

(Riwayat At Tarmizi)

وَالَّذِى نَفْسِى مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ لَتَفْتَرِقُ أُمَّتِي عَلَى ثَلاَثٍ وَسَبْعِيْنَ فِرْقَةً فَوَاحِدَةٌ فِى الْجَنَّةِ وَثِنَانِ وَسَبْعُوْنَ فِى النَّارِ: قِيْلَ مَنْ هُمْ يَارَسُوْلَ اللهِ؟ قَالَ أَهْلُ السُّنَّةِ وَالْجَمَاعَةِ

Terjemahannya: *Demi Tuhan yang diriku di dalam kekuasaan-Nya, akan berpecahlah umatku kepada 73 firqah. Maka satu di dalam Syurga dan 72 lain di dalam Neraka.*

Lalu Rasulullah ditanya: Siapakah mereka itu, hai

Rasulullah? Rasulullah pun menjawab:
"Iaitulah Ahli Sunnah Wal Jamaah."

(Riwayat At Tabrani)

Nampaknya, semua Hadis yang disabdakan oleh Rasulullah ini telah berlaku setelah wafatnya Rasulullah SAW. Benar-benar umatnya telah berpecah kepada 73 puak yang kemudiannya ada ulama yang menyelidik hingga kepada 700 pecahan. Waktu Rasulullah ada, ia belum berlaku tetapi ia berlaku kemudian setelah kewafatan baginda. Dan yang mula sekali muncul ialah puak syiah yang diikuti dengan mazhab khawarij, muktazilah dan lain-lainnya.

Semua mazhab ini telah muncul di dalam masyarakat Islam. Cuma mazhab yang terdapat di dalam masyarakat kita (di Malaysia) hari ini sedikit sangat. Tetapi kalau kita pergi ke negeri-negeri lain seperti Pakistan misalnya, kita akan mendapati mazhab yang karut-karut itu begitu menonjol sekali. Di antaranya ialah mazhab ismailiah dan juga qadyani.

Begitu kuatnya pengaruh mazhab ini hinggakan kaum peniaga dan masyarakat yang kaya-raya di sana adalah daripada golongan mazhab ismailiah dan qadyani ini. Sedangkan Ahli Sunnah Wal Jamaah miskin-miskin belaka. Cuma kalau kita pergi ke sana, mungkin pada pandangan kasar kita tidak kenal kerana semuanya sama sahaja dari segi pakaian, seperti yang perempuan berpurdah belaka.

Tetapi kalau kita selidik dan siasat, kita akan kenal kaum-kaum yang berpegang kepada ismailiah, dan mereka inilah yang mengawal ekonomi negara itu. Mereka begitu kuat dan berpadu sehinggakan kerajaan sendiri mendapati sukar mengatur ekonominya. Ahli Sunnah Wal Jamaah, bilangannya ramai tetapi tidak kuat dan tidak berpadu. Dan begitulah juga halnya kalau kita me-

ngunjungi negara-negara lain di dunia ini di mana kita dapat perhatikan banyak mazhab yang muncul di kalangan umat Islam.

Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Qudrat

Kembali kita memperkatakan tentang iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah, tentunya kita tidak dapat memperkatakan tentang iktiqadnya mengenai ALLAH, rasul, malaikat, Syurga dan Neraka kerana perbahasannya tidak mungkin dibuat dalam satu bab. Pengajiannya sahaja memakan masa dua atau tiga tahun. Namun demikian, tentu ada di antara kita yang telah mempelajarinya. Jadi, di sini kita akan memperkatakan iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah tentang qudrat

Di antara yang menjadi pegangan Rasulullah dan para Sahabat dan yang mesti menjadi pegangan kita, ialah bahawa hamba itu tidak digagahi semata-mata. Pada hamba itu ada usaha dan ada ikhtiar tetapi usaha dan ikhtiar itu tidak boleh memberi bekas. Malahan usaha dan ikhtiar pada hamba itu pun, ALLAH yang menjadikannya. Jadi pada zahirnya, setiap hamba ini ada usaha dan ikhtiar tetapi pada batinnya atau pada hakikatnya usaha dan ikhtiar hamba itu tergagah. Iaitu usaha dan ikhtiar hamba itu tidak boleh memberi bekas. Yang memberi bekas hanyalah ALLAH yang bersifat Qudrah.

Adanya usaha dan ikhtiar pada seorang hamba itulah terletaknya hukum perintah buat dan hukum larang ke atas dirinya. Pada usaha dan ikhtiar itulah letaknya taklif, dan di sinilah dianggap hamba itu mukallaf, iaitu seorang yang wajib diperintahkan kepadanya segala suruhan ALLAH dan wajiblah dia menjauhi segala larangan ALLAH. Kerana, pada seorang hamba itu ada usaha dan

ikhtiar yang dengannya dia boleh memilih di antara yang baik dengan yang buruk. Dengan demikian, seorang hamba itu ada pilihan pada dirinya, dan kerana itu dia dikenakan hukum yang berupa perintah suruh yang mesti dilaksanakan dan perintah larang yang mesti dijauhinya.

Iktiqad Pertengahan

Inilah yang menjadi pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Iktiqad ini dikatakan iktiqad pertengahan. Ia tidak terlalu kendur macam iktiqad jabariah dan tidak pula terlalu tegang berdenting macam iktiqad qadariah. Misalnya, jabariah beriktiqad bahawa manusia ini langsung tidak ada usaha dan ikhtiar; seolah-olah seperti daun lalang yang ditiup angin. Ertinya, manusia ini langsung tidak boleh memilih, terpaksa tunduk sahaja kepada Qudrah dan Iradah ALLAH SWT. Seolah-olah manusia ini menyerah diri sahaja kepada apa sahaja yang telah dijanjikan oleh ALLAH SWT. Ini yang dikatakan iktiqad . yang kendur berjela-jela.

Manakala qadariah terlalu tegang hingga mengiktiqadkan bahawa hamba ini ada kuasa padanya, dan kuasa yang ada pada seorang hamba itulah yang bertindak dalam melaksanakan sesuatu sama ada yang baik mahupun yang buruk. Bererti kuasa yang ada pada seseorang itulah yang membawa kejayaan, bukan kuasa ALLAH lagi. Iktiqad qadariah memutuskan langsung pergantungan manusia kepada Qudrah ALLAH SWT. Inilah yang dikatakan iktiqad tegang berdenting-denting.

Kerana itulah dikatakan bahawa pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah pegangan pertengahan. Secara pertengahan inilah yang dikehendaki oleh syariat yang mana Rasulullah sendiri pernah bersabda:

خَيْرُ الأُمُوْرِ أَوْسَاطُهَا

Terjemahannya: ***Sebaik-baik pekerjaan itu adalah yang pertengahan.***

Apa saja yang hendak kita lakukan dan dalam bidang apa sekalipun, sebaik-baiknya hendaklah secara pertengahan. Misalnya dalam bidang aqidah ini, pertengahan diibaratkan tidak kendur macam jabariah dan tidak tegang macam qadariah. Dan begitulah seterusnya dalam bidang yang lain seperti sembahyang, puasa, bersedekah, dan sebagainya; segala yang hendak kita laksanakan itu sebaiknya pertengahan.

Tetapi perlu kita ingat di sini bahawa pertengahan yang dimaksudkan bukanlah seperti pertengahan pada ukuran kayu pembaris iaitu enam inci atau pertengahan pada dacing iaitu l/2 kati. Ukuran pertengahan yang disebutkan oleh Rasulullah ini bukan sepertimana yang kita faham.

Ukuran pertengahan yang sebenarnya ialah pertengahan yang dilakukan oleh Rasulullah. Rasulullah menyuruh umat supaya menjalankan pekerjaan atau syariat secara pertengahan seperti sembahyang, berjuang dan berjihad, menyusun rumahtangga, menyusun masyarakat dan lain-lainnya, kerana apa yang Rasulullah sendiri lakukan adalah pertengahan. Ertinya, sembahyang Rasulullah itu adalah sembahyang pertengahan, puasa Rasulullah itu puasa pertengahan, jihad Rasulullah itu adalah jihad pertengahan.

Pendek kata apa saja syariat yang Rasulullah tegakkan itu adalah yang pertengahan. Bermakna kalau ada orang yang menegakkan syariat itu melebihi daripada apa yang Rasulullah tegakkan, maka perbuatan orang itu bukan lagi pertengahan. Atau kalau ada orang yang menegak-

kan syariat kurang daripada apa yang Rasulullah tegakkan bererti juga perbuatan orang itu bukan lagi perbuatan pertengahan. Ertinya kalau lebih adalah melampau dan kalau kurang adalah lemah. Inilah ukuran pertengahan yang dimaksudkan oleh Rasulullah SAW. Bukan macam ukuran pertengahan yang kita faham pada hari ini.

Sahabat-sahabat telah berbuat sepertimana yang dibuat oleh Rasulullah. Jadi dikatakan bahawa Sahabat-sahabat telah membuat pekerjaan secara pertengahan. Kerana, ukuran pertengahan setiap perbuatan itu ada pada Rasulullah,' dan sebab itu kita disuruh mengikut apa yang ada pada Rasulullah SAW. Firman ALLAH;

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ ٱللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ

Terjemahannya: ***Sesungguhnya pada Rasulullah itu adalah ikutan kamu yang amat baik.***

(Al Ahzab: 21)

Kemudian Rasulullah bersabda:

صَحَابَتِي كَالنُّجُوْمِ بِأَيِّهِمِ اقْتَدَيْتُمْ اِهْتَدَيْتُمْ

Terjemahannya: ***Sahabat-sahabatku ibarat bintang di langit. Mana satu yang kamu ikut, kamu akan mendapat petunjuk.***

Rasulullah bersabda lagi:

خَيْرُ الْقُرُوْنِ قَرْنِيْ ثُمَّ الَّذِيْنَ يَلُوْنَهُمْ ثُمَّ الَّذِيْنَ يَلُوْنَهُمْ

Terjemahannya: ***Sebaik-baik kurun ialah kurunku, kemudian kurun yang mengiringi kurunku (ramai***

Sahabat), dan kemudian yang mengiring kurun itu pula.

(Riwayat Al Bukhari)

ALLAH memerintahkan kita supaya mengikut apa yang Rasulullah buat, dan kemudian Rasulullah memerintahkan kita mengikut perbuatan para Sahabat serta mengikut contoh umat dalam lingkungan tiga kurun. Ertinya, apa saja yang mereka buat, hendaklah kita contohi; sembahyang mereka, puasa mereka, akhlak mereka, susunan masyarakat mereka, perjuangan dan jihad mereka, dan apa saja. Jadi apa saja yang mereka buat secara umumnya dapat kita lakukan; maka itulah yang dikatakan perbuatan pertengahan.

Kalau demikian, adakah kita ini telah berbuat secara pertengahan? Cuba kita perhatikan perbuatan Sahabat. Dalam bidang jihad dan pengorbanan, Sayidina Usman umpamanya telah mengorbankan lebih separuh hartanya. Kalau diibaratkan gaji $200.00 sebulan, lebih daripada $100.00 dikorbankan. Inilah pertengahan dari segi jihad dan pengorbanannya.

Dalam bidang sembahyang umpamanya, hitung panjang sembahyang yang dilakukan oleh salafussoleh (orang soleh zaman dahulu) ialah antara 300 hingga 600 rakaat sehari semalam. Ada yang berbuat sampai 1000 rakaat tetapi tidak ada yang kurang daripada 100 rakaat. Kalau kita dapat berbuat 100 rakaat, itu pun sudah dikatakan pertengahan.

Apakah kita telah berbuat demikian? Mungkin orang yang paling kuat sembahyang sunat satu hari pun tidak sampai 100 rakaat, manalah yang dihebohkan oleh orang ramai sebagai ekstrim atau pelampau itu. Sedangkan dalam bidang sembahyang pun tidak mencapai 100 rakaat, bagaimana dapat digelar ekstrim.

Demikianlah yang dikatakan bahawa pegangan iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah pegangan yang pertengahan; ia ti'dak terlalu kendur dan tidak pula terlalu tegang. Huraian yang dapat kita beri dalam buku ini adalah secara ringkas mengenai sebahagian kecil dari-pada pegangan dalam iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah. Mudah-mudahan ia serba sedikit dapat membimbing kita supaya sentiasa dalam kebenaran.

BAB 13

SIFAT IRADAH

AL IRADAH ertinya menghendaki yakni menentukan sekalian mungkin tentang adanya atau tiadanya. Hakikatnya ialah sifat yang qadim lagi azali sabit berdiri pada zat Tuhan, dengan Dia menentukan segala perkara yang harus atau setengah yang harus atas mungkin Ialah jua yang memperbuat apa yang dikehendaki-Nya pada. tiaptiap suatu maka tiada boleh nyata suatu perbuatan yang tiada daripada pilihan dan kehendak ALLAH Taala.

Maka kepercayaan orang Islam atas sifat Al Iradah itu nyata beriktiqad dan percaya yang putus segala hal yang telah berlaku dan yang akan berlaku ialah dengan mendapat ketentuan daripada Tuhan pada tentang rezeki, umur, baik, jahat, kaya, miskin dan sebagainya serta wajib pula kita beriktiqad manusia ada mempunyai nasib (bahagian) di dalam dunia ini bagaimana firman Tuhan:

Ertinya: ***Janganlah** kamu **lupakan nasib kamu (bahagian*** kamu ***di dalam*** dunia.

(Al Qasas: 77)

Tetapi nasib itu tidak akan dapat semata-mata kita pulangkan kepada ketentuan taqdir daripada Tuhan jua, jika kita tidak berusaha dan berikhtiar dengan sebaik-baik usaha dan ikhtiar.

Maka hendaklah difaham baik-baik di dalam masalah ini, adalah manusia itu telah disuruh berikhtiar mencari, bekerja, berusaha, membuat baik, beramal soleh. Demikian juga dilarang sebaliknya. Maka wajiblah manusia taat dan menyempurnakan segala titah perintah ini serta berhenti dari mengerjakan segala larangan.

Pendekata umat Islam yang bersungguh-sungguh mengharapkan kemajuan di dalam dunia dan Akhirat, maka hendaklah berjalan atas kaedah, menjunjung titah perintah

Tuhan dan menjauhi segala tegahan, kemudian baharu bermohon dan berserah kepada Tuhan. Maka sangat-sangat dilarang lagi terlalu keji di sisi agama Islam manusia hidup di dalam dunia ini semata-mata berserah bermohon atas ketentuan taqdir Tuhan sahaja dengan tidak berusaha dan berikhtiar.

AL **IRADAH** bererti **“mengkehendaki”** atau “mahu” atau **“berkemahuan”.** Maksud ALLAH SWT bersifat Al Iradah itu ialah bahawa ALLAH SWT menentukan segala yang mumkin, sama ada yang mumkin itu ada atau tiada. Sama ada untuk mengadakan ataupun mentiadakan. Dalam lain-lain perkataan, kita katakan ALLAH SWT yang bersifat Al Iradah itulah yang menentukan segala yang mumkin iaitu sama ada mengadakan yang mumkin itu ataupun mentiadakannya.

Apabila kita sebut segala yang mumkin, ertinya ialah segala makhluk atau segala yang baharu yakni perkara-perkara yang selain ALLAH SWT. Ia juga kita sebut sebagai sekalian alam.

Sehubungan dengan ini, ALLAH yang bersifat Al Iradah itulah yang menentukan perkara yang mumkin itu sama ada hendak mengadakannya ataupun mentiadakan-nya. Ertinya, adanya perkara yang mumkin itu, ALLAH yang menentukan. Dan tiadanya perkara yang mumkin itu, juga ALLAH yang menentukan. Tiada siapa pun selain ALLAH boleh menentukannya.

Berbagai Jenis Alam

Kemudian, bila kita sebut sekalian alam, ertinya ia meliputi bermacam-macam alam seperti yang disebut di

dalam kitab. Di antaranya ialah Alam Syahadah, Alam Barzakh, Alam Akhirat, alam manusia, alam jin, alam haiwan, dan alam jamadat seperti kayu, batu, tanah dan sebagainya. Selain itu, ada juga yang dikatakan Alam Malakut dan juga Alam Jabarut.

Alam Malakut termasuklah Alam Malaikat, alam roh-roh suci dan juga alam jin. Manakala Alam Jabarut ialah suatu tempat perpisahan atau sempadan di antara Alam Syahadah dengan Alam Malakut. Perlu kita ingat di sini bahawa, di peringkat Alam Malakut inilah selalunya seseorang yang rajin beramal tetapi tidak mendapat pimpinan yang secukupnya di dalam syariat yang menyebabkan dia beramal ikut sekehendak hatinya, boleh tertipu. Orang seperti itu boleh tertipu di dalam kerohanian. Mungkin nanti, dia akan bertemu dengan jin yang akan menipunya.

Penipuan Alam Kerohanian

Di dalam kerohaniannya, dia menyangka dia telah bertemu dengan roh-roh suci atau bertemu dengan malaikat. Padahal dia telah dikelabukan oleh jin. Penipuan dalam kerohanian seperti ini amat ditakuti oleh orang-orang suci zaman dahulu. Mereka itu kuat beramal tetapi kalau mereka tidak mendapat pimpinan yang betul daripada guru yang mursyid atau kalau tidak cukup ilmu syariat, mereka amat mudah ditipu dalam kerohanian.

Ini amat merbahaya kerana orang tidak nampak dia sesat. Dia kuat bertahajud, berwirid, berzikir dan sebagainya. Tentulah dia dipandang baik kerana dia membangunkan Al Quran dan Sunnah. Tetapi itu adalah pandangan zahir sedangkan di dalamnya, dia rosak. Rosaknya adalah kerana hasil daripada ibadahnya yang kuat itu dia dapat melihat berbagai-bagai perkara di alam

kerohanian sedangkan apa yang dilihatnya itu adalah, tipuan daripada jin dan syaitan. Kemudian dia mengaku mendapat berbagai-bagai pengalaman ghaib dan kebatinian.

Hal ini biasa kita dengar daripada ahli-ahli ibadah yang menceritakan kepada kita perkara-perkara yang pelik-pelik. Kita khuatir, apa yang dilihatnya serta apa yang dialaminya di dalam kerohaniannya itu adalah penipuan daripada jin. Inilah yang perlu kita awasi benar-

Kerosakan semacam ini amat merbahaya kerana ia tidak dapat dibetulkan. Tetapi kalau kerosakan dari segi syariat seperti sembahyang tidak betul, atau salah mengaambil wudhuk dan sebagainya, orang lain nanti akan nampak, dan ketika itu kesalahan itu boleh dibetulkan.' Manakala kalau rosak di alam kerohanian, orang lain tidak nampak.

Sebab itulah kalau kita hendak meningkatkan ibadah terutama sekali kalau kita hendak meningkatkan jiwa dan roh kita serta peringkat nafsu kita, kita perlu mendapat pimpinan yang betul. Pimpinan yang terpenting ialah ilmu. Ilmu yang ada pada kita mesti jelas betul-betul. Kita mesti telah benar-benar faham tentang syariat sama ada yang lahir mahupun yang batin.

Di sini saya bentangkan sebuah cerita tentang bagaimana seorang murid kepada Syeikh Junaid Al Baghdadi tertipu di dalam alam kerohanian. Syeikh Junaid Al Baghdadi ini seorang ulama besar dan terkenal kerana dia menjadi tempat rujuk setiap ahli sufi yang hendak mengarang kitab ketika itu.

Dia mempunyai seorang murid kanan yang meng: alami dirinya diangkat ke suatu tempat yang indah pada setiap malam. Tempat itu amat luas serta amat cantik;

ada taman bunga yang indah serta ada air yang mengalir. Ada pula bidadari yang cantik-cantik yang melayaninya. Dan pengalaman ini bukan suatu mimpi tetapi benar dan nyata hingga menyebabkan dia terpesona. Dia merasa lazat dan seronok, dan menyangka bahawa inilah alam kerohanian yang ditempuhnya hasil daripada amal ibadahnya yang kuat.

Hal ini berterusan hingga berbulan-bulan lamanya. Suatu hari dia pun memberitahu tuk gurunya Syeikh Junaid tentang pengalamannya di dalam alam kerohani-an itu. Syeikh Junaid seorang yang arif, kenal ALLAH benar-benar, kenal syariat lahir dan batin, dan tahu soal-soal kerohanian. Kerana begitu arifnya dia, sudah berkali-kali syaitan cuba hendak menipunya dengan menyamar sebagai manusia tetapi tidak berjaya. Tidak seperti kita, dihembus syaitan sahaja kita dapat digoda, walaupun kita bercakap pasal Islam hingga berapi-api.

Jadi, bila murid itu datang mengadukan ha1 kepada Syeikh Junaid, Syeikh Junaid hanya berkata, “Kalau kamu mengalami lagi perkara yang telah sudah-sudah itu, cuba kamu **baca** *La khaula wala quwwata illa billahil ‘aliyul* ‘arim. n

Murid itu pun balik dan berpegang sungguh-sungguh kepada pesanan gurunya. Pada malam itu, dia mengalami semula hal dirinya diangkat ke suatu tempat yang indah dengan taman bunga serta dilayani oleh bidadari yang cantik-cantik. Ketika itu dia teringat pesanan gurunya lantas menyebut kalimah itu. Serta-merta ‘bidadari-bidadari’ itu memekik melolong dan lari lintang-pukang manakala murid itu terjatuh di dalam tong tahi. Rupa-rupanya, dia telah ditipu oleh jin di alam kerohanian sedangkan ibadahnya kuat sekali. Inilah yang amat kita takuti.

Demikianlah suatu kisah yang menggambarkan ten-

tang Alam Malakut. Berbalik kepada huraian kita mengenai pengertian sekalian alam, sifat Al Iradah bagi ALLAH SWT itulah yang menentukan perkara yang mumkin itu sama ada hendak mengadakannya ataupun hendak mentiadakannya. Tidak ada kuasa yang lain yang menentukannya.

ALLAH Menentukan Terjadiiya Perkara Mumkin

Oleh itu terjadinya perkara yang mumkin itu, ALLAH-lah yang menentukannya. Dengan lain-lain perkataan, perkara mumkin yang terjadi ataupun perkara mumkin yang tidak terjadi, semuanya ALLAH yang menentukan. Katalah mumkin yang tidak terjadi pada ketika ini ialah tidak hujan di tempat kita. Tidak terjadinya hujan itu, ALLAH SWT yang menentukan, dan hal ini telah ALLAH tentukan sejak azali lagi. Begitu juga dengan tidak berlakunya angin ribut pada satu-satu ketika itu, juga telah ditentukan oleh ALLAH SWT dan bukannya kehendak angin ribut itu. Jadi, segala yang mumkin itu, sama ada yang mumkin itu ada ataupun tiada, ia ketentuan daripada ALLAH SWT.

Bilakah ALLAH menentukan perkara yang mumkin ini iaitu sama ada hendak mengadakannya ataupun hendak mentiadakannya? ALLAH telah menentukannya pada azali lagi. Azali itu, sebagaimana yang telah kita bahaskan, adalah tiada permulaannya. Untuk memudahkan fahaman kita, kita buat perbandingan begini. Ibarat sebuah bangunan itu hendak didirikan, sama ada 20 tingkat atau 30 tingkat, sama ada hendak dibangunkan 10 bilik atau 30 bilik, sama ada hendak dibangunkan tangganya dan lain-lain yang berkaitan dengan bangunan itu, seseorang arkitek itu akan menentukan pelannya terlebih dahulu. Kemudian bangunan itu didirikan mengikut pelan yang telah disediakan.

Begitulah dengan perkara yang mumkin yang ditentukan oleh ALLAH SWT. ALLAH telah pelankan perkara yang mumkin itu sama ada hendak menjadikannya ataupun tidak menjadikannya, pada azali lagi. Ertinya, ALLAH telah merancangkan perkara yang mumkin pada azali lagi. Manakala azali itu pula tidak ada permulaannya.

Tetapi perancangan atau pelan yang dibuat oleh arkitek tadi ada permulaannya, iaitu boleh jadi dia memulakan pada hari Isnin atau hari Selasa, dan boleh jadi dia memulakan pelannya itu pada pukul 10.00 pagi atau pukul9.00 malam, dan sebagainya. Sedangkan pelan atau rancangan yang ALLAH buat untuk menentukan sesuatu yang mumkin itu, sama ada hendak menjadikannya ataupun tidak hendak menjadikannya, tidak ada permulaannya.

Perbahasan ini agak berat untuk kita fahami kerana sememangnya perbahasan tauhid adalah berat-berat belaka. Kerana itu, saya mengingatkan agar jangan terlalu diasakkan perbahasan ini ke dalam pemikiran kita kerana takut-takut nanti jadi salah faham. Ini lagi merbahaya kerana salah faham dalam bidang tauhid boleh membawa kepada kufur dan syirik. Kalau kita salah faham dalam bidang feqah, ia hanya membawa kita kepada fasiq sahaja. Jadi, kalau kita berat hendak menangkap kefahaman ini, biarkan saja demikian kerana lama-kelamaan nanti, ia akan dapat juga kita fahami.

Hakikat Sifat Al Iradah

Kemudian, apakah hakikat sifat Al Iradah bagi ALLAH SWT ini? Hakikat sifat Al Iradah ialah suatu sifat yang qadim lagi azali. Maksudnya, sifat Al Iradah ALLAH SWT itu tidak ada bermula yang mana adalah tetap berdiri di

atas zat ALLAH SWT Dulu kita telah bahaskan betapa zat ALLAH Taala itu tidak ada permulaannya kerana ALLAH Taala tidak ada siapa yang menjadikan-Nya. Ertinya, zat ALLAH Taala itu qadim lagi azali.

Oleh kerana sifat ALLAH Taala berdiri atas zat-Nya, maka sifat ALLAH Taala tentulah juga qadim lagi azali iaitu tidak ada permulaannya. Dan begitu juga bagi sifat Al Iradah ALLAH SWT ini. Sifat inilah yang menentukan segala yang ada iaitu sekalian alam ini atau sekalian makhluk ini iaitu hendak menentukan sama ada segala yang ada itu hendak dijadikan, ataupun hendak menentukan segala yang ada itu hendak ditiadakan. Jadi, apa saja yang ada mahupun yang tiada, segalanya telah ditentukan oleh ALLAH SWT yang bersifat Al Iradah. Ertinya, kalau ada pun segala yang ada itu, ALLAH yang menentukannya, dan kalau tiada pun, ALLAH juga yang menentukannya.

Sehubungan dengan ini, perlu kita ingat di sini bahawa ALLAH menentukan sama ada yang mumkin itu hendak diadakan ataupun hendak ditiadakan, kedudukannya adalah harus sahaja. Ertinya, adalah harus sahaja bagi ALLAH SWT sama ada hendak menjadikan perkara yang mumkin itu ataupun hendak tidak menjadikannya.

Tidak wajib bagi ALLAH SWT untuk mengadakan segala yang mumkin itu ataupun untuk mentiadakannya. Kalau kedudukannya wajib, maka ALLAH sudah terpaksa melakukannya atau tidak melakukannya. Dan kalaulah ALLAH Taala terpaksa melakukannya atau terpaksa tidak melakukannya, berertilah bahawa ada yang memaksa ALLAH Taala demikian. Dan bererti jugalah ALLAH lemah kerana terpaksa tunduk kepada paksaan yang lain. Maka kalau ALLAH itu bersifat lemah, maka tentulah bukan Tuhan lagi. Kerana Tuhan itu Maha Gagah dan tidak lemah.

13. SIFAT IRADAH

Mengadakan dan Mentiadakan Hams Bagi ALLAH

Oleh kerana itu, adalah harus sahaja bagi ALLAH Taala untuk mengadakan langit dan bumi ini, atau untuk menjadikan segala makhluk ini. Dan adalah harus saja bag-i ALLAH Taala untuk mentiadakannya. ALLAH tidak terpaksa untuk mengadakannya ataupun untuk tidak mengadakannya. Misalnya, untuk menjadikan diri kita ini, ALLAH tidak terpaksa berbuat demikian. Ataupun untuk mengadakan hujan atau untuk tidak mengadakan hujan pada ketika ini. ALLAH juga tidak terpaksa berbuat demikian. Kedudukannya adalah harus sahaja bagi ALLAH.

Kalau kita katakan ALLAH wajib menjadikan bumi dan langit ini serta wajib pula menjadikan segala makhluk serta diri kita, maka kita telah melakukan satu; kesalahan besar. Bererti kita telah meletakkan ALLAH sebagai lemah dan tidak gagah kerana seolah-olah ada' yang lain yang lebih kuat yang boleh membuat paksaan, ke atas ALLAH.

Oleh itu hendaklah kita ingat bahawa adalah harus sahaja bagi ALLAH SWT untuk mengadakan segala, perkara yang mumkin itu ataupun untuk mentiadakan-nya. Maka harus sahajalah bagi ALLAH untuk menjadi-kan sekalian yang baharu ini. Pilihan itu adalah pada ALLAH sendiri, tidak ada sesiapa yang memaksa-Nya.; Dalam ertikata yang lain, tidak jatuh wajib bagi ALLAH' untuk menjadikan segala yang baharu ini.

Dalam hal ini, bagaimanakah kepercayaan orang, Islam terhadap sifat Al Iradah bagi ALLAH SWT ini? Ke-percayaan orang Islam terhadap sifat Al Iradah ALLAH SWT ini ialah dengan beriktiqad dengan kepercayaan yang teguh bahawa segala ha1 yang berlaku dan yang: akan berlaku, adalah dengan mendapat ketentuan,, daripada ALLAH SWT.

Jadi keyakinan orang Islam yang sepatutnya, sewajarnya atau semestinya terhadap sifat Iradah ini ialah dengan mengiktiqadkan betul-betul, percaya sungguh-sungguh serta padu dan teguh yang tidak dicelah oleh syak atau zan ataupun waham bahawa segala yang berlaku itu sama ada yang sudah mahupun yang akan berlaku, semuanya sudah ditentukan oleh ALLAH SWT.

Ketentuan ALLAH

Ia semuanya kehendak dan kemahuan ALLAH Taala sendiri, sama ada ketentuan dalam hal rezeki manusia itu ataupun dalam hal umur manusia itu seperti 50 tahun ataupun 60 tahun dan sebagainya, atau dalam hal kebaikan yang berlaku pada manusia ataupun kejahatan yang berlaku kepada manusia, ataupun kekayaan yang berlaku pada manusia ataupun kemiskinan yang berlaku kepada manusia, dan sebagainya. Semua ini sudah ditentukan oleh ALLAH pada azali lagi.

Jadi setiap apa yang berlaku sama ada yang sudah-sudah mahupun yang akan berlaku, sama ada yang baik mahupun yang jahat, semuanya sudah ditentukan oleh ALLAH SWT. Cuma sebagai kita beradab kepada ALLAH SWT, segala yang baik yang berlaku kepada kita, kita sandarkan kepada ALLAH SWT. Manakala segala yang jahat itu, jangan kita sandarkan kepada ALLAH.

Umpamanya, kalau kita bodoh, janganlah kita berkata, "Apa boleh buat, dah ALLAH nak bodohkan kita..." Atau umpamanya, kalau seseorang itu menjadi pencuri, jangan sekali-kali kita berkata, "Dah ALLAH nak dorong begitu..." Sebagai tanda beradabnya kita kepada ALLAH SWT, kita sandarkan setiap kejahatan itu atas kesalahan kita sendiri walaupun pada hakikatnya adalah daripada kehendak dan ketentuan ALLAH SWT.

Kemudian wajib kita beriktiqad bahawa manusia ada mempunyai nasib. Iaitu sebagai orang Islam, wajiblah kita beriktiqad bahawa selagi manusia ini hidup, dia ada mempunyai bahagiannya di dunia ini. Itulah nasib manusia itu yang mana telah ditentukan oleh ALLAH SWT pada azali lag-i. Hal ini telah ALLAH firmankan di dalam Al Quran:

Terjemahannya: ***Janganlah kamu lupakan nasib kamu (bahagian kamu) di dunia.***

(Qisas: 77)

Jelas ayat ini menunjukkan bahawa manusia ini ada nasibnya di dunia ini sama ada nasibnya di bidang ilmu pengetahuan, di bidang rezeki, makan minumnya, pakaiannya, rumahnya, anak isterinya, dan lain-lain lagi. Semuanya sudah ditentukan oleh ALLAH SWT pada azali lagi. Tetapi perlulah kita ingat bahawa nasib ini pula tidak boleh kita sandarkan semata-mata kepada ketentuan ALLAH SWT. Sebaliknya, kita perlu berusaha dan berikhtiar dengan sebaik-baiknya, bekerja sungguh-sungguh, serta berjuang ke arah mencapainya.

Di sini kita dapati pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah berlainan sekali dengan pandangan muktazilah yang beriktiqad bahawa nasib manusia ini tidak ada ditentukan oleh ALLAH pada azali lagi. Seolah-olah ALLAH tidak mengetahui apa yang manusia hendak lakukan. Dalam lain-lain perkataan, sebelum manusia itu melakukan sesuatu perkara, ALLAH tidak akan mengetahuinya. ALLAH hanya mengetahuinya setelah manusia itu melakukannya. Jadi seolah-olah, hakikat sesuatu yang berlaku itu adalah daripada manusia itu sendiri, bukan, mengikut ketentuan ALLAH SWT.

Pendapat muktazilah ini bersalahan sama sekali. Kalau kita mengikut pendapat mereka, bererti kita menganggap ALLAH itu lemah kerana tidak tahu perkara yang belum terjadi. Kalau kita ini sebagai makhluk tidak mengetahui apa yang akan berlaku sebelum perkara itu terjadi, memanglah patut kerana memang makhluk bersifat lemah.

Ketentuan Yang Wajib Kita Usahakan

Ketentuan daripada ALLAH SWT yang diberikan-Nya kepada kita, wajib kita usahakan, kerjakan dan jayakan. Ketentuan seperti berbuat baik, beramal soleh dan sebagainya itu wajib kita kerjakan serta kita usahakan kerana itu adalah perintah daripada ALLAH SWT. Ertinya, walaupun ALLAH telah tentukan semua bahagian manusia di dunia ini pada azali lagi, manusia mesti berusaha ke arah mencapainya. Sepertimana fir-man ALLAH yang mengingatkan kita supaya jangan melupakan bahagian kita di dunia. Maka wajib bagi kita untuk memikirkannya serta berjuang dan berjihad untuk mencapainya.

Semua usaha itu perlu kita atur dengan sebaik-baiknya serta dengan strategi yang baik pula, dan tidak boleh kita hanya berserah sahaja sambil berkata, umpamanya, "Tak payahlah kita usahs sangat. Buat lebih kurang saja jadilah. Semuanya ALLAH dah tentukan pada azali lagi. Jadi, kalau ALLAH tentukan dapat, maka dapatiah. Apa nak susah-susahkan!"

Kita wajib berusaha sungguh-sungguh serta mengatur strategi yang baik untuk menjayakan nasib kita di dunia ini. Dan begitu jugaiah, wajib bagi kita berusaha menjauhi apa saja larangan daripada ALLAH WT. Ertinya, manusia wajib berusaha untuk mengelakkan dirinya daripada berbuat kejahatan. Kita tidak boleh berkata,

"Kalau ALLAH dah tentukan yang kita tidak akan buat jahat pada azali lagi, tentulah kita tidak buat jahat...!"

Kerana itu, kalau ada maksiat di depan mata kita pun, kita biarkan sahaja. Atau kita ikut sama dalam perbuatan maksiat itu kerana memikirkan bahawa kalau ALLAH sudah tentukan yang kita tidak- akan buat jahat, tentulah kita tidak akan berbuat jahat. Kita juga tidak boleh berkata demikian. Kita wajib berusaha mengelakkan diri daripada perbuatan jahat.

Inilah yang dikatakan Sunnatullah atau peraturan ALLAH kepada manusia untuk menjamin manusia mencapai kejaya'an di dunia dan juga di Akhirat, iaitu perintah berusaha dan berikhtiar. Melalui usaha dan ikhtiar inilah manusia akan dapat mencapai kejayaan dan nasibnya di dunia dan juga di Akhirat. Inilah kaedah yang manusia perlu ikut kerana ia adalah jalan yang telah ALLAH buat untuk manusia.

Walaupun pada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah, usaha dan ikhtiar ini tidak memberi bekas tetapi kita mesti lakukan juga usaha dan ikhtiar itu kerana ia adalah perintah ALLAH. Jadi, kita berusaha dan berikhtiar untuk mencapai kejayaan nasib kita di dunia dan juga di Akhirat bukan atas dasar kita yakin usaha dan ikhtiar kita itu boleh memberi bekas. Tetapi atas dasar bahawa usaha dan ikhtiar itu adalah perintah ALLAH. Yang memberi bekas kepada usaha. dan ikhtiar itu adalah ALLAH SWT.

"Mendengar dan Patuh" Setelah Berusaha

Oleh kerana usaha dan ikhtiar yang kita laksanakan itu perintah ALLAH, maka kita hanya bersikap "mendengar dan patuh". ALLAH saja yang menentukan kejayaan usaha dan ikhtiar itu; kita hanya menerimanya sahaja.

Kita tidak boleh mengiktiqadkan yang usaha dan ikhtiar kita itu pasti akan membawa kejayaan kerana kita telah berusaha sungguh-sungguh, kita telah atur strategi baik-baik, dan sebagainya. Kalau kita beriktiqad demikian, kita telah jatuh kepada syirik. Seolah-olah kita menganggap ada yang lain yang boleh memberi bekas padahal yang boleh memberi bekas hanyalah ALLAH SWT.

Dan kita juga tidak boleh berserah diri bulat-bulat dan berdoa sahaja kepada ALLAH tanpa usaha dan ikhtiar. Janganlah kita berkata, "Kalau ALLAH dah tentukan dapat, dapatlah nanti tapi kalau tidak, tidaklah. Usaha macam mana pun tak akan dapat...."

Apakah kita tahu nasib kita yang telah ALLAH rancangkan pada azali lagi? Apakah kita tahu apa yang akan berlaku kepada diri kita mengikut ketentuan ALLAH pada azali? Masakan kita tahu! Jadi kalau kita tidak tahu, terpaksalah kita berusaha dan berikhtiar, semoga usaha dan ikhtiar kita itu sesuai dengan ketentuan ALLAH pada azali lagi. Seperti kalau ALLAH sudah tentukan rezeki kita begian-begian atau ilmu kita begian-begian atau anak isteri kita begian-begian, atau harta dan kekayaan kita begian-begian, maka kenalah kita berusaha ke arahnya. Kita kena berusaha dan berikhtiar kerana kita tidak tahu apa yang telah ALLAH tentukan untuk nasib kita.

Hamba ALLAH Yang Mukasyafah

Lainlah halnya bagi orang-orang yang telah ALLAH mukasyafahkan. Orang ini telah ALLAH bukakan hijab atau tirai pandangannya, dan tidak ada yang terselindung hingga sampai Arasy pun dia nampak. Apa yang tertulis tentang nasibnya, dia sudah nampak di Luh Mahfuz. Barangkali, orang yang seperti ini kalau dia tidak ber-

usaha dan berikhtiar tentulah tidak mengapa kerana dia tahu. Orang ini dimukasyafahkan oleh ALLAH kerana jiwanya terlalu bersih.

Tetapi bagi kita, **kita mesti menempuh syariat.** Kita tidak boleh ikut seperti orang yang ada mukasyafah. Kita tidak tahu apa rahsia dia dengan ALLAH. Memang ada wali-wali ALLAH seperti itu. Umpamanya, **Imam Ghazali** yang mana ALLAH buka baginya hijab serta tirai-tirai yang menghalang hingga Arasy pun dia nampak. Tirai yang menghalang baginya sudah tidak ada kerana nafsunya sudah bersih. ALLAH telah membuka hijab baginya hingga dia boleh nampak Luh Mahfuz.

Sebab itu hingga ada ulama-ulama ditanya orang, "Mengapa Imam Ghazali rahimahullah taala, seorang ulama besar serta ahli sufi yang ulung, dikenali oleh dunia Islam dan bukan Islam serta dihormati oleh kawan dan lawan, apabila dia memasukkan Hadis-hadis tetapi manakala dinilai Hadis-hadisnya itu, ia adalah daif." Soalan ini ditujukan kepada buku yang dikarang oleh Imam Ghazali iaitu ***Ihya Ulumiddin*** yang mana menurut kajian ahli-ahli Wadis secara lahir, Hadis-hadis yang terdapat di dalamnya adalah daif. Inilah pertanyaan yang dikemukakan kepada sesetengah ulama.

Kemudian ada ulama menjawab, Imam Ghazali bukan sahaja mempunyai kekuatan ijtihad tetapi juga mempunyai kekuatan mukasyafah. Orang yang mempunyai kekuatan mukasyafah, selepas dia berijtihad, dia berpegang pula dengan kekuatan mukasyafahnya. Ketika itu ALLAH perlihatkan kepadanya hakikat sesuatu.

Manakala ulama yang hanya bertaraf ijtihad, dia menilai sesuatu Hadis itu berdasarkan kekuatan ijtihadnya dan berdasarkan ilmu pengetahuannya serta kekuatan akalnya. Oleh itu dia hanya nampak apa yang zahir sahaja. Apa yang tersirat dia tidak tahu. Jadi dengan

berdasarkan ilmu pengetahuan dan kekuatan akal saja-lah dia menilai sesuatu Hadis itu sebagai daif.

Tetapi bagi Imam Ghazali, ALLAH telah bukakan hijab baginya. ALLAH telah perlihatkan baginya Arasy dan Luh Mahfuz. Jadi apa yang orang kata daif, baginya tidak daif kerana dia dapat melihat hakikat apa yang tertulis di Luh Mahfuz. Apa yang berlaku, dia nampak di Luh Mahfuz. Itulah yang ditulisnya.

Jadi bagi orang-orang yang tidak tahu tentang muka-syafah serta menolak mukasyafah, mereka akan menilai Hadis yang diturunkan oleh Imam Ghazali itu daif, dan mereka menyalahkan apa yang ditulis oleh Imam Ghazali. Mereka menafikan mukasyafah kerana mereka belum mendapat mukasyafah disebabkan jiwa mereka tidak suci dan tidak bersih. Mereka mengatakan, kalau Imam Ghazali ada mukasyafah tentu mereka juga akan mendapat mukasyafah kerana mereka yang menyalahkan ini juga ulama' Sepatutnya mereka ini sedar yang Imam Ghazali itu siapa sedangkan mereka itu siapa! Di sinilah silapnya mereka.

Jadi kepada pertanyaan-pertanyaan orang seperti itu, ada ulama yang memberi jawapan yang mana Hadis-hadis yang mereka- katakan daif adalah tidak daif bagi Imam Ghazali kerana dia ada mukasyafah. Kadang-kadang Hadis yang ditulisnya disahkan dan dibenarkan oleh Rasulullah SAW sendiri di dalam mimpinya. Inilah kelebihan Imam Ghazali. Dia bukan macam ulama sebarangan.

Jadi walaupun nasib manusia itu telah ditentukan oleh ALLAH SWT pada azali lagi, namun ALLAH telah mensunnahkan kepada manusia supaya berusaha dan berikhtiar untuk mencapainya. Walaupun kita mengang gap usaha dan ikhtiar itu tidak boleh memberi bekas, tetapi kita lakukan juga atas dasar itu perintah ALLAH.

Kita tidak boleh berdoa sahaja kepada ALLAH SWT tanpa usaha dan ikhtiar.

Kalau kita hanya berdoa serta menyerah bulat kepada taqdir ALLAH SWT tanpa mengeluarkan usaha dan ikhtiar, tanpa berjuang dan berjihad dan sebagainya, maka kita telah jatuh kepada iktiqad jabariah. Manakala kalau kita terlalu menekankan kepada usaha dan ikhtiar hingga meyakini bahawa usaha ikhtiar itulah yang memberi bekas, maka kita akan terjebak pula kepada iktiqad qadariah. Sebab itu kita hendaklah berhati-hati dalam mengiktiqadkan usaha dan ikhtiar kita, iaitu ia dilakukan atas dasar perintah ALLAH.

Inilah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kita berusaha dan berikhtiar tetapi kita beriktiqad bahawa usaha dan ikhtiar kita itu tidak boleh memberi bekas. Yang memberi bekas hanyalah ALLAH SWI'. Ertinya, kita tidak bersandar kepada usaha dan ikhtiar kita tetapi kita bersandar kepada ALLAH SWT.

Kita berjuang dan berjihad, tetapi ,la tidak bersandar kepada perjuangan dan jihad yang kita lakukan, sebaliknya kita bersandar kepada ALLAH SWT. Semua itu mesti kita lakukan kerana ia perintah ALLAH SWT. Atas dasar perintah ALLAH-lah kita lakukan semua usaha dan ikhtiar; berjuang dan berjihad, berekonomi, berniaga, bertani dan lain-lainnya. Semoga dengan usaha itu kita akan mendapat kejayaan di dunia dan di Akhirat.

Landasan Iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah

Janganlah kita buat semua itu atas dasar usaha dan ikhtiar kita itu memberi bekas. Kerana yang demikian kita akan tercangkuk kepada iktiqad qadariah. Dan jangan pula kita menyerah bulat-bulat akan nasib kita kepada ALLAH hingga kita tidak mahu berusaha dan

berikhtiar. Yang demikian kita telah tercangkuk kepada iktiqad jabariah. Iktiqad kita adalah iktiqad pertengahan iaitu iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah, dan di atas landasan inilah kita mesti sentiasa berada.

Selain itu, ALLAH telah tentukan nasib manusia pada azali lagi dan manakala kita berbuat dan mengusahakannya serta berjuang dan berjihad ke arah mencapai ketentuan ALLAH .SWT itu, ia mestilah atas dasar untuk menunaikan perintah ALLAH SWT serta atas dasar untuk menjauhi larangan ALLAH. Kerana yang demikian, setiap usaha dan ikhtiar kita itu sex-m setiap perjuangan dan jihad kita termasuk apa saja yang kita kerjakan sama ada mencari rezeki, menuntut ilmu, berniaga dan beriktisad, mentadbir dan sebagainya, semuanya itu mesti dilaksanakan atas landasan syariat.

Dengan demikian, apa saja yang kita lakukan itu akan menjadi ibadah kita kepada ALLAH SWT. Kerana itu, syariatlah yang menjadi jalan untuk kita tempuh. Syariatlah yang menjadi petunjuk kepada kita, bukannya hawa nafsu yang menjadi petunjuk dan bukan juga akal yang menjadi petunjuk. Walaupun niat kita itu betul untuk mengikut perintah ALLAH tetapi kalau jalan yang kita lalui bukan jalan syariat yang telah direntang oleh ALLAH tetapi adalah jalan yang mengikut akal kita atau nafsu kita, maka usaha kita itu tidak akan sampai kepada matlamatnya untuk mendapat keredhaan ALLAH serta menjadi ibadah kepada-Nya.

Dengan sebab itu, nyatalah bagi kita bahawa setiap usaha dan ikhtiar kita dalam menjayakan nasib kita di dunia dan juga di Akhirat, ia mesti menjadi ibadah kita kepada ALLAH SWT. Dalam ha1 ini, niat serta jalan yang kita tempuh itu mestilah betul iaitu ia diredhai oleh ALLAH SWT. Selain itu, perkara yang hendak kita usaha dan ikhtiarkan itu mesti juga betul dan sah di sisi ALLAH

SWT Kemudian natijah atau hasil daripada usaha dan ikhtiar kita itu mesti betul. Dan akhirnya, semasa kita berusaha dan berikhtiar itu, kita tidak meninggalkan ibadah-ibadah yang asas seperti sembahyang, berpuasa dan sebagainya.

Inilah 5 syarat yang mesti kita tempuh agar usaha dan ikhtiar kita dalam aspek apa sekalipun, menjadi amal bakti kita kepada ALLAH SWT. Jangan kita menjadi orang yang mengatakan, asal niat kita betul dan hati kita baik, maka sahlah usaha ikhtiar kita itu. Masakan boleh jadi sah kalau niat kita saja yang betul sedangkan perlaksanaannya melencong.

Katalah seorang itu berniat hendak pergi ke Singapura tetapi kakinya menghala ke Bangkok. Apakah dia boleh sampai ke matlamatnya itu? Oleh sebab itu, niat dan perlaksanaan dalam usaha dan ikhtiar kita itu mestilah selaras dan sesuai.

BAB 14

SIFAT ILMU

MATAN:

AL ILMU ertinya mengetahui iaitu dengan makna nyata dan terang meliputi tiaptiap sesuatu sama ada yang maujud atau yang ma'dum. Nyata tiap tiap sesuatu pada ilmu ALLAH Taala bagaimanapun keadaan.

Maka hakikatnya ialah satu sifat yang tetap ada (sabit) qadim lagi azali berdiri pada zat ALLAH Taala dengan dia terang dan nyata pada yang wajib yakni zat dan sifatnya. Dan pada yang mustahil yakni syarikulbari dan sebagainya dan pada segala yang harus yang belum wujudnya dengan iktibar lagi akan wujud di dalam suatu masa. Atas jalan yang meliputi kenyataan tiaptiap suatu sehingga tiada kesudahan bagaimana pun keadaannya seperti nikmat Syurga, azab Neraka yang tiada berkesudahan maka ALLAH Taala mengetahui akan dia atas jalan tafsil kerana Ia menjadikan dia. Kerana takluk ilmu Tuhan pada azali itu mengikut bagi segala maklumat (yang diketahui). Dengan makna bersetuju dan muafakat ilmu dengan maklum kerana yang harus yang lagi akan diadakan itu sabit di dalam ilmu Tuhan hanya belum diadakan lagi sebagaimana firman Tuhan:

عَٰلِمِ ٱلْغَيْبِ لَا يَعْزُبُ عَنْهُ مِثْقَالُ
ذَرَّةٍ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِى ٱلْأَرْضِ وَلَآ أَصْغَرُ مِن ذَٰلِكَ
وَلَآ أَكْبَرُ إِلَّا فِى كِتَٰبٍ مُّبِينٍ

Terjemahannya: *Demi Tuhan yang amat mengetahui akan segala yang ghaib, tidak terlindung daripada ilmu-Nya sekecil-kecil barang yang sebesar zarah pun yang ada di langit, dan*

demikian juga ,tidak terlindung segala perkara yang ada di bumi, dan tidak ada yang lebih kecil daripada zarah itu dan tiduk ada yang lebih besar daripadanya melainkan iaitu ada nyata tersebut di dalam Luh Mahfuz.

(Saba': 3)

Yang demikian nyatalah kepada manusia bahawa Tuhan mengetahui tiaptiap sesuatu sama ada perkara itu terang atau tersembunyi. Sehingga barang yang di dalam hati dan angan-angan manusia itu pun Tuhan mengetahui, dan segala turun naik nafsu Tuhan mengetahui. Yang demikian bangkitlah perasaan manusia takut dan gentar daripada melakukan kesalahan kerana segala perkara itu terang dan nyata pada ilmu Tuhan pada bila-bila masa dan bagaimana jua keadaannya. Apabila manusia sampai ke darjat ini baharu dinamakan sebenar-benar mengenal dan mengetahui serta percaya ilmu Tuhan.

Pengertian Sifat Ilmu

ILMU ertinya "mengetahui". Yang dimaksudkan dengan ilmu di sini ialah nyata dan terang meliputi tiap-tiap suatu, sama ada yang ***maujud*** (yang ada) ataupun yang ***ma'dum*** (yang tiada). Walau bagaimana hal keadaan sesuatu itu, sama ada pada perkara yang ada seperti alam ini, bumi dan langit, diri kita ini dan sebagainya mahupun pada perkara-perkara yang tiada, ia tetap nyata dan terang pada ilmu pengetahuan ALLAH Taala.

Apakah yang dimaksudkan dengan perkara yang tiada? Katalah pada ketika ini hujan tidak ada. Itulah perkara yang tiada, dan ia tetap dalam pengetahuan ALLAH SWT. Ertinya, ALLAH tahu bahawa pada ketika ini di tempat kita tidak ada hujan sepertimana ALLAH tahu akan perkara-perkara yang ada seperti diri kita ini. Jadi bukanlah sekadar pada perkara-perkara yang ada sahaja ALLAH mengetahui tetapi pada perkara-perkara yang tidak ada pun ALLAH mengetahui juga.

Kemudian, nyata dan terang pada pengetahuan ALLAH SWT pada tiap suatu perkara itu pula tidak mengira walau bagaimanapun bentuk sesuatu itu, dan dalam apa keadaan dan cara sekalipun. Yang besar ALLAH tahu, yang kecil juga ALLAH mengetahuinya. Yang jauh ALLAH tahu dan yang dekat pun ALLAH tahu juga. Setiap perkara yang tersembunyi ALLAH tahu, dan setiap yang tidak tersembunyi pun ALLAH tahu juga.

Kemudian, sama ada di dalam gelap mahupun di dalam terang, Allah tetap mengetahuinya.

Inilah sifat mengetahui pada ALLAH SWT itu, yang berbeza dengan sifat mengetahui pada makhluk seperti kita ini. Sifat mengetahui yang ada pada kita ini terbatas. Umpamanya, kalau sesuatu itu terlalu jauh, kita tidak lagi dapat mengetahuinya. Kalaupun kita dapat mengetahuinya, pengetahuan kita adalah secara rangkuman atau secara ringkas-ringkas. Ataupun kalau sesuatu perkara itu sudah tersembunyi, kita tidak dapat mengetahuinya.

Sesuatu perkara di sebalik tabir misalnya, kita sudah tidak mengetahuinya. Mungkin kita hanya dapat mengetahui bahawa di sebalik tabir itu ada kaum perempuan. Lebih daripada itu kita tidak tahu. Umpamanya, apa yang mereka buat atau apa yang mereka bualkan, tentulah kita tidak dapat mengetahuinya. Tetapi ALLAH tahu semuanya. Kita tidak tahu kerana pengetahuan kita terbatas. Pengetahuan ALLAH SWT tidak terbatas. Dan pengetahuan ALLAH SWT juga adalah terperinci mengenai setiap suatu itu.

Seterusnya, bagaimanakah yang dikatakan hakikat ilmu pengetahuan ALLAH Taala? Hakikat ilmu pengetahuan ALLAH Taala ialah bahawa ilmu itu merupakan satu sifat yang tetap ada. Atau dengan kata-kata yang lain, sifat ilmu ALLAH Taala itu sabit ada, dan tidak boleh tidak mesti ada. Manakala keadaan ilmu ALLAH SWT itu pula adalah qadim lagi azali.

Ilmu ALLAH Tiada Permulaan

Kita telah katakan bahawa qadim lagi azali itu adalah sesuatu yang tidak ada permulaan. Jadi sifat Ilmu ALLAH SWT ini tidak ada permulaan iaitu tidak didahului oleh tiada. Dan sifat ini berdiri pada zat ALLAH SWT, sedang

zat ALLAH TAALA juga qadim lagi azali kerana tidak ada siapa yang mencipta zat-Nya. Kerana itulah sifat ALLAH TAALA juga tidak ada permulaannya oleh sebab sifat itu berdiri pada zat. Jadi Ilmu ALLAH SWT tidak ada permulaannya. Ia sudah sedia ada.

Dengan sifat Ilmu bagi ALLAH TMLA ini, maka terang nyata bagi yang wajib. Ertinya, ALLAH mengetahui tentang yang wajib. Dan yang wajib itu ialah zat ALLAH SWT. Adanya zat ALLAH TMLA itu adalah wajib. Jadi, ALLAH yang bersifat Ilmu, mengetahui tentang zat-Nya. Bagaimana keadaannya? ALLAH sahaja yang mengetahui. Inilah yang dimaksudkan dengan terang dan nyata bag-i yang wajib, iaitu ALLAH SWT tahu benar-benar tentang zat-Nya, tentang diri-Nya, dan tentang sifat-sifat yang ada pada diri-Nya.

Ilmu ALLAH Tiada Batasan

Kemudian sifat Ilmu ALLAH SWT ini juga adalah terang dan nyata pada yang mustahil. Mustahil ertinya sesuatu perkara yang tidak boleh diterima oleh akal akan berlakunya atau adanya, tetapi akal boleh menerima akan tiadanya. Umpamanya, tidak akan terjadi anak lebih tua daripada ayah, atau anak lebih dahulu daripada ayah. Kalau ada orang berkata, “Anak lebih tua daripada ayah,” maka hukumnya adalah mustahil. Dan mustahilnya pula adalah mustahil pada akal. Walau macam mana pun hujah yang dikemukakan, namun akal tetap tidak mahu menerimanya.

Jadi, ALLAH yang bersifat Ilmu itu, mengetahui juga, terang dan nyata pada perkara yang mustahil. Apakah perkara yang mustahil itu? Iaitulah ***syarikul bari*** yang menyengutu atau menyerupai ALLAH TAALA. Hal ini suatu perkara yang mustahil. Tidak ada sesuatu pun yang

boleh menyerupai ALLAH TAALA sama ada manusia atau sebarang makhluk yang lain. Perkara yang menyerupai ALLAH Taala ini tidak akan berlaku, dan perkara yang mustahil ini ada dalam pengetahuan ALLAH TAALA. ALLAH tahu bahawa sememangnya tidak ada zat sepertimana zat-Nya, dan sememangnya tidak ada sifat sepertimana sifat-Nya. Inilah yang dimaksudkan dengan ALLAH yang bersifat Ilmu, nyata dan terang juga pada perkara yang mustahil.

Selain itu, ALLAH yang bersifat Ilmu itu, mengetahui perkara-perkara yang harus, sama ada perkara yang harus itu sudah wujud ataupun belum wujud yang bakal diwujudkan oleh-Nya. Perlu diingat, apabila kita mengatakan perkara-perkara yang harus telah ada, ia adalah selain ALLAH. Wujud bagi ALLAH sahaja yang wajib iaitu wajib ALLAH itu wujud atau ada.

Tctapi selain daripada ALLAH seperti bumi dan langit, manusia, haiwan, kayu-kayan, sungai dan lautan, bukit-bukau dan seterusnya seluruh alam yang telah wujud ini, wujudnya adalah harus sahaja. Ertinya, ia boleh jadi ada dan boleh jadi tiada. Terpulanglah bagi ALLAH untuk mengadakannya. Kalau ALLAH hendak menjadikannya, maka jadilah ia, tetapi kalau ALLAH tidak mahu menjadikannya, maka tidak adalah ia. Apa yang ALLAH hendak jadikan sebelum perkara-perkara itu terjadi, terserahlah kepada pilihan ALLAH. Barang mana yang ALLAH kehendaki, seperti memang sudah ALLAH kehendaki yang alam ini dijadikan, maka terjadilah alam ini.

Jadi, sama ada perkara yang harus itu telah ada seperti alam ini, ataupun perkara yang harus itu belum wujud dan bakal hendak dijadikan oleh ALLAH SWT, semuanya dalam pengetahuan ALLAH. Perkara yang harus yang belum wujud ialah seperti sesuatu masa yang akan datang. Itu pun sudah ada dalam pengetahuan

ALLAH TAALA. Sebabnya, sesuatu apa yang belum wujud itu ALLAH juga yang menjadikannya. Maka perkara harus yang belum wujud itu sudah ada dalam rancangan ALLAH SWT pada azali lagi yang mana sudah tertulis di dalam Luh Mahfuz. Kerana itu, tidak mungkin' ALLAH tidak mengetahuinya.

Ilmu ALLAH Adalah Secara Terperinci Bukan Secara Rangkuman

Pengetahuan ALLAH SWT mengenai setiap perkara itu adalah secara terperinci dan menyeluruh, bukan secara rangkuman. Sehinggakan perkara yang tiada kesudahan pun ALLAH mengetahuinya satu-persatu. Perkara yang tiada kesudahan ini adalah seperti nikmat Syurga yang mana adalah berpanjangan tiada putus-putus serta kekal abadi selama-lamanya. Syurga itu sendiri kekal abadi, dan orang yang di dalam Syurga juga kekal abadi, dan Akhirat juga ALLAH jadikan kekal abadi. Semua perkara yang kekal abadi adalah di dalam pengetahuan ALLAH. SWT. Masakan ALLAH tidak tahu semuanya sedangkan, perkara itu juga ALLAH yang jadikan dan sudah ALLAH rancang pada azali lagi.

Dan begitu juga dengan azab Neraka yang tiada kesudahan itu. ALLAH juga mengetahuinya. Azab Neraka itu kekal abadi kerana ada orang yang kekal abadi di dalamnya seperti orang kafir, orang murtad dan orang syirik. Azab Neraka yang tiada kesudahan ini adalah dalam pengetahuan ALLAH secara *detail* (terperinci) . Bukan sahaja ALLAH mengetahui akan adanya azabi Neraka yang tiada kesudahan itu, tetapi ALLAH juga tahu satu-persatu mengenainya.

Kita katakan bahawa pengetahuan ALLAH mengenai setiap sesuatu itu secara *detail* kerana ALLAH mengetahui seluruhnya sama ada perkara kecil atau besar, panjang'

atau pendek, tebal atau nipis, yang nampak atau yang tidak nampak, dan seterusnya. Katalah di hadapan mata kita ini ada sebatang tiang batu. Kita nampak yang tiang itu tinggi dan besar. Tetapi adakah kita tahu berapa tingginya serta berapa besarnya? Kita tidak dapat mengetahuinya, padahal tiang itu nyata berada di depan mata kita. Kemudian apakah kita tahu apa yang ada di dalam tiang itu? Seperti berapa banyak pasir yang ada, berapa ketul batu, apa yang ada di dalam batu itu, dan sebagainya. Pengetahuan kita tidak sampai menjangkau semua itu.

Jelaslah bahawa pengetahuan kita hanya secara rangkuman. Tetapi ALLAH mengetahui semuanya secara satu-persatu termasuk umpamanya, berapa lama tiang itu tahan serta banyaknya juzuk padanya, bila tiang itu dijadikan, dan sebagainya. Sedangkan kalau kita bertanya kepada tukang yang membuat rumah itu pun, dia tidak akan mengetahui semuanya. Dia sendiri tidak tahu berapa lama tiang itu tahan.

Cuba kita perhatikan pengetahuan ALLAH secara *detail* tentang bandar Kaherah. Bagi kita, yang kita tahu hanyalah secara rangkuman iaitu Kaherah sebuah bandar di Mesir, penduduknya ramai yang kebanyakannya orang Arab, di situ ada Universiti Al Azhar, dan bcberapa perkara kasar yang lain. Ini sahaja yang kita tahu. Apakah kita tahu berapa banyak semut di bandar itu? Atau berapa banyak pasirnya atau berapa banyak habuknya, dan seterusnya. Hal-hal itu kita tidak tahu, tetapi ALLAH tahu. ALLAH. tahu misalnya, berapa banyak habuk yang ada di Kaherah. Sampai begitu terperincinya pengetahuan ALLAH.

Dikatakan bahawa pengetahuan ALLAH SWT begitu terperinci bagi sesuatu perkara adalah kerana takluk ilmu Tuhan pada azali itu mengikut segala yang maklumat. Ertinya, segala yang ada dan segala yang diketahui ada-

lah di dalam liputan pengetahuan ALLAH SWT. Ini bermakna bahawa ilmu ALLAH Taala itu bersetuju dengan apa yang diketahui-Nya, sama ada perkara yang diketahui itu ada ataupun tiada. Semuanya di dalam pengetahuan ALLAH SWT.

Sepertimana yang telah kita katakan bahawa perkara yang berada dalam liputan ALLAH Taala itu sama ada yang ada ataupun yang tiada tetapi bakal diadakan oleh ALLAH SWT, semuanya itu adalah perkara-perkara harus. Perkara-perkara harus yang belum wujud tetapi bakal diwujudkan oleh ALLAH SWT, itu semua di dalam pengetahuan ALLAH SWT. Ini adalah kerana perkara itu, pada azali lag-i sudah ditentukan oleh ALLAH SWT. Cuma perkara itu belum ada dan belum dicipta lagi tetapi akan dicipta pada satu masa akan datang, mungkin 1000 tahun lagi atau 2000 tahun lag-i, dan sebagainya. ALLAH SWT berfirman:

Terjemahannya: ***Demi Tuhan yang mengetahui segala yang ghaib, tidak terlindung daripada pengetahuan ALLAH Taala walaupun sebesar zurah atau sebesar habuk, sama ada yang ada di tujuh petala langit mahupun yang ada di tujuh petala bumi,*** dan ***tidak ada yang lebih kecil daripada zarah itu dan tidak ada yang lebih besar daripadanya melainkan semuanya ada ditulis di dalam Luh Mahfuz.***

(Saba: 3)

Inilah sifat mengetahui pada ALLAH Taala. Dia mengetahui segala yang ghaib, dan tidak terlindung daripada pengetahuan-Nya walau satu apa pun, walaupun

sebesar zarah sama ada yang ada di langit mahupun yang berada di bumi.

Mengenai takluk ilmu ALLAH TMLA, kita akan menghuraikannya dengan mendalam dalam bab yang lain. Tetapi sekadar pengertian kasar, cukup saya katakan di sini bahawa sifat bertakluk bag-i ALLAH TAALA adalah melampaui pada satu benda yang lain. Atau dengan lain-lain perkataan, sifat bertakluk ini menghendaki satu benda yang lain.

Daripada 20 sifat ALLAH TMLA, ada 6 sifat yang bertakluk iaitu sifat Qudrah, Iradah, Ilmu, Samak, Basar dan Qalam. Sifat ini melampaui pada benda yang lain selepas dia berdiri pada zat-Nya. Manakala sifat ALLAH TAALA yang lain tidak menghendaki pada benda yang lain. Umpamanya, kita ambil satu sifat yang bertakluk iaitu Samak, iaitu sifat mendengar bagi ALLAH SWT. Pada sifat mendengar ini, ada perkara yang kena dengar. Maka dikatakan sifat mendengar itu bertakluk.

Sehubungan dengan ini, sifat Ilmu ALLAH TAALA itu, takluknya pada azali lagi adalah pada segala yang maklumat, sama ada pada segala yang wajib seperti zat dan sifat ALLAH TAALA ataupun pada yang mustahil seperti *syariku* bari dan juga pada perkara yang harus iaitu selain daripada ALLAH SWT. Oleh kerana itulah, maka ilmu pengetahuan ALLAH SWT itu terperinci.

Apakah keyakinan dan pegangan kita terhadap sifat Ilmu bagi ALLAH SWT ini? Sepertimana yang telah kita bahaskan tadi betapa ilmu dan pengetahuan ALLAH TAALA itu adalah nyata dan terang pada setiap perkara tidak kira yang kecil mahupun yang besar, di dalam terang mahupun di dalam gelap, yang tersembunyi mahupun yang tidak tersembunyi. Di sini timbullah keyakinan kita bahawa walau bagaimana sekalipun keada-an sesuatu itu, namun ia tetap dapat diketahui oleh

ALLAH SWT. Inilah hendaknya keyakinan kita yang mana tidak boleh dicelahi oleh syak atau ragu. Keyakinan kita ini adalah wajib.

Kalau keyakinan kita tidak demikian, maka iktiqad kita sudah rosak. Kalau keyakinan kita itu dicelahi oleh syak sedikit sahaja, maka iktiqad kita sudah lari, iaitu terkeluar dari iktiqad yang sebenar. Sekurang-kurangnya kalau kita cacat di bidang feqah, kita hanya jatuh fasiq tetapi kalau di bidang tauhid, walau cacat itu sebesar 'habuk saja, kalau mati ketika itu, kita mati dalam keadaan sesat. Maka. kekal abadi selama-lamanya di dalam Neraka.

Hikmah Yakin Dengan Ilmu ALLAH

Kerana itu hendaklah kita yakin benar-benar bahawa ALLAH TAALA yang bersifat Ilmu itu, dapat mengetahui apa saja dan dalam keadaan apa sekalipun dan walau di mana sekalipun. Kesan daripada keyakinan ini, maka akan bangkit rasa takut bagi kita untuk melakukan sebarang kesalahan. Mengapa? Sebabnya, ALLAH SWT mengetahui segala suatu itu secara *detail,* walau dalam keadaan apa sekalipun. Yang sehalus-halusnya pun ALLAH tahu, bahkan yang halus yang tersembunyi pun ALLAH tahu. Dan ini termasuklah yang ada di dalam diri kita ini iaitu gerak hati kita, yang mana walaupun ia tersembunyi tetapi tetap diketahui oleh ALLAH SWT.

Turun naiknya nafas kita, angan-angan kita serta apa yang kita fikir di dalam otak kita, semuanya diketahui oleh ALLAH SWT. Ini adalah kerana, perkara itu sudah ditentukan oleh ALLAH SWT pada azali lagi yakni sudah ditulis di dalam Luh Mahfuz.

Kalau begitu keyakinan kita, maka akan bangkit rasa

takut kita untuk melakukan kesalahan kepada ALLAII SWT. Melakukan kesalahan itu adalah dengan perbuatan yang nyata yang mana tentu mudah diketahui oleh ALLAH SWT. Kerana yang berupa gerak hati atau angan-angan hati atau niat hati sahaja pun ALLAH dapat mengetahuinya, inikan pula dalam bentuk yang nyata. Rasa takut kepada ALLAH untuk melakukan sebarang kesalahan inilah yang dikatakan rasa bertauhid.

Inilah guna ilmu tauhid yang kita pelajari yang mana kalau benar-benar kita faham dan kemudian kita yakini serta kita hayati hingga dapat dirasa oleh hati kita, bukan hanya diterima oleh akal, ia akan mendorong kita melaksanakan perintah ALLAH sungguh-sungguh. Jadi tauhid boleh mendorong seseorang itu benar-benar melaksanakan perintah ALLAH dan mendorongnya meninggalkan maksiat. Dengan jiwa tauhid, kita dapat merasakan bahawa setiap apa yang kita lakukan sama ada baik atau buruk, semuanya di dalam pengetahuan ALLAH SWT.

Dengan rasa tauhid, seseorang itu semakin kenal dengan ALLAH. Dan dengan semakin kenalnya seseorang itu dengan ALLAH, semakin kuatlah dia beramal. Semakin seseorang itu kenal dengan ALLAH, semakin jauh dia meninggalkan maksiat. Jangankan dia hendak melakukan maksiat, berangan-angan melakukan maksiat pun dia tidak berani. Kerana dia sedar ALLAH mengetahui setiap sesuatu. Hal ini boleh lahir kalau sckiranya tauhid itu dapat menghayati jiwa dan roh kita, bukan sekadar diketahui oleh akal sahaja.

Bila tauhid dapat menghayati jiwa kita hingga kita dapat menghayati peringkat iman ayan, ketika itu barulah ada kekuatan pada jiwa kita untuk melaksanakan perintah ALLAH dengan sungguh-sungguh. Ketika itu juga barulah ada kekuatan pada jiwa kita untuk me-

ninggalkan maksiat sungguh-sungguh. Sekurang-kurangnya mujahadah kita sudah kuat.

Sebaliknya, kalau tauhid kita itu baru hanya pada peringkat akal sahaja yakni akal kita sahaja yang mengetahui ALLAH itu bersifat Qudrah, Iradah, Samak, Ilmu dan sebagainya, sedangkan hati tidak dapat merasainya, tidak ada kekuatan pada diri kita.

Soal rasa hati ini ada kaitannya dengan persoalan iman yang mana iman itu terbahagi kepada 5 peringkat iaitu:

1. Iman Taqlid
2. Iman Ilmu
3. Iman Ayan
4. Iman Haq
5. Iman Hakikat

Apa yang kita bahasakan ketika ini adalah iman pada peringkat ilmu, atau bahasan pada peringkat akal. Ilmu peringkat awal adalah pada akal. Setelah peringkat akal ini, kita mesti serapkan ilmu itu ke dalam hati, hingga dapat dirasai oleh hati. Ketika itu barulah ilmu tauhid kita sampai ke peringkat jiwa. Setelah tauhid itu dapat meresapi jiwa kita, barulah datang rasa takut, gentar dan gerun melakukan kesalahan.

IMAN ILMU Tidak Memberi Kekuatan

Kalau ilmu tauhid kita hanya berhenti di peringkat akal, sedangkan akal tidak boleh ingat selalu, hanya apabila berfikir atau apabila ditanya orang sahaja akal boleh ingat, seseorang itu akan lalai selalu. Akalnya tidak boleh ingat selalu bahawa ALLAH itu bersifat mengetahui

segala gerak hati dan perbuatannya. Akal hanya ingat waktu ditanya atau waktu dia berfikir, kalau sesuatu itu ada di dalam pengetahuannya. Kalau dia tidak berfikir atau tidak ada orang yang bertanya, dia akan lupa bahawa ALLAH itu mengetahui akan dirinya. Dalam keadaan itu dia akan lalai dengan perintah ALLAH dan juga larangan ALLAH. Inilah yang kita katakan iman pada peringkat ilmu sahaja. Ia tidak memberi kekuatan.

Sekadar mengesahkan iman kita, itulah yang kita lakukan dengan belajar yang mana ilmu itu hanya singgah pada akal semata-mata. Ilmu yang telah singgah di akal kita itu hendaklah kita usahakan agar ia sampai ke hati pula. Ini memerlukan usaha yang lain.

Pada mulanya kita telah usahakan untuk mencari ilmu pengetahuan yang mana stesennya adalah akal. Untuk membawa ilmu itu ke hati, kita kena lakukan usaha seperti banyak beramal akan ilmu yang kita perolehi, beribadah, berfikir, banyak membaca Al Quran, berwirid, berzikir, dan lain-lainnya. Dengan demikian, kita dapat sedar dan faham serta dapat merasakan di dalam hati kita bahawa ALLAH itu sentiasa mengetahui tentang diri kita. Pada masa itu, bila berada seorang diri pun kita tidak berani melakukan maksiat. Bagaimana kita hendak membuat maksiat sedangkan hati kita sentiasa tahu yang ALLAH mengetahui tentang diri kita.

Jadi, ilmu yang sudah sampai menghayati hati membuat seseorang itu tidak lalai kepada perintah dan larangan ALLAH kerana hatinya tahu sentiasa.

Jadi, mengenal yang benar-benar memberi kesan ialah manakala ilmu pengetahuan telah sampai kepada peringkat hati atau jiwa. Mengetahui hanya dengan akal tetapi mengenal adalah dengan hati. Ertinya, kalau kita hendak mengetahui, cukup sekadar dengan akal sahaja tetapi kalau kita hendak mengenal benar-benar, mestilah

dengan hati. Inilah sebenar-benarnya mengenal dan makrifah kepada ALLAH SWT.

Manakala seseorang itu telah mengenal Wujud ALLAH, Qidam ALLAH, Baqa' ALLAH dan semua sifat ALLAH yang lain hingga ke peringkat hati, barulah timbul rasa takut, gerun dan gentar untuk melakukan kesalahan. Hatinya merasakan ALLAH mengetahui, mendengar, melihat dan lain-lainnya ke atas dirinya. Bagaimana dia berani hendak membuat kesalahan ketika itu?

Hal ini memang susah bagi kita hendak memperkatakannya. Tambahan lagi kita tidak dapat merasakannya. Cuma boleh kita tamsilkan begini. Katalah kita berada di dalam satu majlis yang di dalamnya ada orang besar sedang memerhatikan kita. Masa itu, kita jaga betul-betul tatatertib, kita perbetulkan pakaian kita kalau-kalau ada butang baju yang tidak terpasang, kita jaga tutur kata kita, dan sebagainya. Takut benar kita hendak melakukan kesalahan kerana hati kita merasa yang orang besar itu sentiasa memerhati kita, sentiasa tahu hal diri kita. Inilah yang dikatakan hati sudah benar-benar mengenal ALLAH serta makrifah kepada ALLAH SWT.

Untuk ini, ilmu yang sudah bertumpu di akal mesti diusahakan untuk dibawa ke peringkat hati. Dan untuk ini perlunya kita bermujahadatunnafsi, banyak beribadah, banyak membaca Al Quran, banyak berwirid, zikir dan sebagainya.

Kemudian amal mestilah kita faham benar-benar seperti kalau kita sembahyang, terasa di hati kita seperti kita bercakap dengan ALLAH; kalau kita berdoa pula kita faham apa yang kita minta kalau kita wirid, kita faham apa yang kita wiridkan. Dengan demikian, lama-kelamaan amal ibadah kita itu berbekas pada hati kita hingga akhirnya ia berkuasa pada hati kita. Di waktu itu baru-

lah kita dapat merasa takut, gerun dan hebat kepada ALLAH SWT sehingga kita rasa ALLAH tahu saja tentang diri kita. Masa itu kita rasa begitu malu hendak melakukan kesalahan kepada ALLAH. Kalaupun kita bersalah, lekas-lekas kita minta ampun kepada ALLAH, tidak menunggu selepas sembahyang.

Jadi, sebenar-benar makrifah kepada ALLAH ialah apabila ilmu menghayati hati. Kalau sekadar kita tahu dengan akal sahaja, belum ada rasa takut kepada ALLAH SWT walaupun kita alim sampai peringkat mana sekalipun seperti alim menghafaz Al Quran, menghafaz Hadis, hebat ilmu pengetahuan, hebat ilmu tauhid, hebat ilmu feqah, namun kita akan tetap lalai kepada ALLAH SWT. Kita tidak takut kepada ALLAH hingga gamak juga kita melanggar perintah ALLAH.

Sebab itulah, selepas kita tahu ALLAH pada peringkat ilmu, hendaklah kita bawa ke hati kita hingga kita dapat benar-benar mengenal ALLAH SWT. Dengan demikian, hatilah yang mengingat ALLAH sentiasa, supaya segala perbuatan dan tindak-tanduk kita ini berfungsi pada hati. Barulah kita ada kekuatan. Apabila hati ada kekuatan, ia akan mendorong setiap anggota kita membuat kebaikan seperti mendorong tangan berbuat baik, mendorong kaki berbuat baik, mendorong mata berbuat baik dan lain-lainnya. Kemudian, hati yang ada kekuatan itu pula menghalang tangan berbuat jahat, menghalang kaki berbuat jahat, menghalang mata berbuat jahat dan seterusnya.

BAB 15

AL HAYAT

MATAN

AL HAYAT ertinya hidup tiada dengan nyawa dan nafas dan tidak dengan kejadian yang empat anasir dan tiada hidupnya dengan makan minum. Maka hakikatnya ialah satu sifat yang tetap ada qadim lagi azali berdiri pada zat ALLAH Taala. Ia mengesahkan segala sifat yang ada berdiri pada zat daripada sifat idrak (pendapat) iaitu Qudrah, Iradah, Samak, Basar dan Kalam. Dan sifat Hayat itu menjadi syarat pada hukum aqli bagi segala sifat maani (lazim daripada tiada Hayat maka melazimkan tiada sifat maani dan lazim daripada ada Hayat ada segala sifat maani).

Pengertian Al Hayat

AL HAYAT ertinya "hidup". Apabila dikatakan ALLAH Taala bersifat Hayat atau hidup, hidupnya ALLAH SWT itu tidak dengan nyawa. Hidupnya ALLAH SWT juga tidak dengan bernafas. Dan juga ALLAH SWT itu hidup tanpa empat unsur iaitu tanah, air, api dan angin. Dengan perkataan lain, zat ALLAH Taala bukannya terdiri daripada unsur-unsur itu. Zat ALLAH SWT itu juga tidak hidup dengan makan dan minum.

Hidup yang ada bernyawa serta hidup yang memerlu kepada bernafas dan hidup yang terdiri daripada unsur tanah, air, api dan angin, serta kemudiannya berkehendak kepada makan dan minum, adalah hidup makhluk. Iaitu hidup benda-benda yang dijadikan; benda-benda yang baharu.

Manakala ALLAH SWT tidak demikian. Sebabnya ialah nyawa, nafas' unsur yang empat itu, makan dan juga minum, semuanya ALLAH yang menjadikannya. Kerana itu ALLAH tidak memerlukan benda-benda itu. Firman ALLAH SWT:

Terjemahannya: ***Sesungguhnya ALLAH itu terkaya daripada sekalian alam.***

(Al Ankabut: 6)

Semua benda yang ALLAH jadikan adalah yang

baharu atau dikatakan alam. Benda-benda seperti nafas, nyawa, makan dan minum serta tanah, air, api dan angin yang kita sebut tadi adalah termasuk alam yang ALLAH jadikan. Dan kerana ALLAH itu terkaya daripada sekalian alam iaitu ALLAH tidak memerlukan alam sepertimana yang ALLAH firmankan di atas, maka ALLAH tidak memerlukan benda-benda itu. Tegasnya, ALLAH tidak berhajat kepada sekalian alam walau macam mana bentuknya sekalipun.

Sekiranya ALLAH SWT itu memerlukan kepada makan, minum, nafas, nyawa serta empat unsur tadi, maka dengan sendirinya ALLAH telah menyerupai segala yang baharu. Kalaulah ALLAH itu serupa dengan segala yang baharu, tentulah lojiknya ALLAH itu juga bersifat baharu. Sedangkan tiap-tiap yang baharu pula ada sesuatu yang menjadikannya. Kerana itu, berertilah ALLAH itu ada yang menjadikan. Kalaulah ALLAH itu ada yang menjadikan, tentulah bukan ALLAH namanya.

Jadi, kalau ada orang yang mengatakan bahawa ALLAH SWT itu memerlu kepada makan dan minum, memerlu kepada nafas dan nyawa, memerlukan tanah, air, api dan angin, ertinya ALLAH sudah menyerupai segala yang baharu. Dan kalau demikianlah, maka ternafi pula sifat Mukholafatuhu Taala Lilhawadisi bagi ALLAH TAALA. Iaitu sifat yang menunjukkan kepada kita bahawa ALLAH SWT itu berlawanan serta berlainan' (tidak serupa) dengan segala makhluk atau segala yang, baharu.

Oleh sebab itulah hidup ALLAH Taala tidak bernyawa, tidak memerlukan nafas, tidak memerlukan makan dan minum, dan tidak memerlukan tanah, air, api dan angin. Malah hidup ALLAH SWT itu tidak serupa sepertimana hidup makhluk seperti manusia umpamanya. Kalau kita perhatikan, manusia ini hidupnya bermula

dari kanak-kanak, kemudian remaja dan selepas itu dewasa, dan akhirnya tua. Tetapi hidup ALLAH SWT tidak sepertimana tingkat-tingkat hidup yang disebutkan itu. ALLAH tidak menempuh hidup zaman kanak-kanak, zaman remaja, zaman dewasa, dan zaman tua.

Hidup makhluk memang ALLAH sunnahkan demikian. Kerana ALLAH yang menetapkan peraturan hidup makhluk ini terutamanya manusia, maka terjadilah sebagaimana yang ALLAH sunnahkan. Tetapi sebaliknya, ALLAH itu tidak ada siapa yang menjadikan, dan sebab itu ALLAH tidak hidup melalui proses tadi. Dan ALLAH tidak mati kerana tidak ada siapa yang hendak mematikan ALLAH, kerana ALLAH tidak ada yang menjadikan. Matinya makhluk seperti manusia ini adalah disebabkan ada yang menjadikan dan kerana itu ada yang mematikan iaitulah ALLAH SWT.

Hakikat Sifat Al Hayat

Kemudian, apakah hakikat sifat Hayat bagi ALLAH SWT? Hakikat sifat Hayat bagi ALLAH SWT ialah suatu sifat yang qadim lagi azali dan yang berdiri pada zat ALLAH SWT. Dengan sifat Hayat inilah mengesahkan segala sifat idrak atau "pendapat".

Apabila kita mengatakan bahawa sifat Hayat ALLAH SWT itu qadim lagi azali, ertinya sifat Hayat ALLAH SWT itu tiada permulaan. Atau boleh juga kita katakan bahawa sifat ini tidak bermula atau tidak didahului oleh tiada. Sebab, sifat Hayat ALLAH SWT ini berdiri di atas zat ALLAH SWT. Kalau zat ALLAH SWT itu tidak ada yang menjadikan yang bererti zat ALLAH SWT itu tidak bermula, maka tentulah sifat ALLAH SWT juga ti.dak bermula.

Bahasan Antara Sifat dan Zat

Untuk membahaskan antara sifat dengan zat, kita boleh bahaskan sifat dan zat pada makhluk. Kita ambil sekeping kertas sebagai contohnya. Kertas adalah sejenis makhluk. Yang kita dapat lihat pada kertas itu ialah sifatnya. Ertinya, dengan kita melihat sahaja pada benda itu, berdasarkan sifat yang ada padanya, lantas kita mengatakan yang ia adalah kertas.

Kemudian, cuba kita pegang kertas itu agar dapat kita rasa. Yang dapat kita rasa itulah yang dikatakan zat bagi kertas itu. Dengan itu, apakah dapat kita pisahkan sifat kertas itu dari zatnya? Tentu tidak. Inilah yang dikatakan, sifat berdiri di atas zat. Perbahasan kita ini hanya kepada sifat dan zat makhluk. Sifat dan zat ALLAH SWT tidak boleh kita bahaskan demikian kerana sifat dan zat ALLAH SWT tidak serupa dengan makhluk. Cuma, sifat ALLAH SWT juga berdiri di atas zat-Nya.

Kemudian, dengan sifat Hayat bagi ALLAH SWT inilah yang mengesahkan segala sifat idrak pada ALLAH SWT. Sifat idrak pada ALLAH SWT ialah seperti sifat Qudrah, sifat Iradah, sifat Ilmu, sifat Samak, sifat Basar, dan sifat Kalam. Mengapakah ia dikatakan sifat idrak? Ini adalah kerana sifat-sifat ini bertakluk atau mengenai pada satu benda lain. Atau dengan kata lain, ada perkara yang diperolehi hasil dari sifat ini.

Sebagai contoh, kita ambil sifat Ilmu bagi ALLAH SWT yang bererti "mengetahui". Hasil dari sifat mengetahui ini ialah ada benda yang diketahui. Begitu pulalah dengan sifat Basar atau melihat; hasil dari sifat melihat, kita dapati ada benda yang kena lihat. Seterusnya sifat Kalam atau sifat berkata-kata yang mana hasil darinya ada benda yang dikatakan. Inilah yang dikatakan sifat idrak atau sifat pendapat atau sifat bertakluk. Iaitu sifat yang melampaui pada benda yang lain.

Empat Bahagian Sifat 20

Manakala sifat-sifat yang lain bagi ALLAH SWT tidak melampaui atau tidak mengenai benda yang lain. Contohnya seperti sifat Qidam iaitu sifat sedia ada. Sifat ini tidak kena kepada benda yang lain, atau tidak melampaui benda yang lain. Atau sifat Baqa' iaitu kekal; sifat ini tidak kena pada yang lain dan kerana itu ia bukannya sifat idrak atau sifat pendapat. Sifat ini tidak ada takluk.

Seterusnya, sifat Hayat bagi ALLAH SWT ini adalah menjadi syarat pada hukum akal bagi segala sifat maani. Adapun sifat 20 ,ALLAH Taala yang kita pelajari ini boleh dibahagi kepada empat bahagian. Setakat ini kita belum lagi hendak membahaskan bahagian-bahagian ini kerana ada 10 sifat bagi ALLAH SWT yang belum kita pelajari. Setelah kita mempelajari kesemuanya, baharulah kita akan bahaskan keempat-empat bahagian itu. Empat bahagian itu ialah:

1. Sifat Nafsiah

2. Sifat Salbiah

3. Sifat Maani

4. Sifat Maanawiyah

Sebagai keterangan ringkas, sifat nafsiah ialah sifat yang dibangsakan kepada diri atau zat. Sifat ini hanya satu iaitu sifat Wujud bagi ALLAH SWT.

Manakala sifat salbiah termasuklah sifat Qidam, Baqa', Mukholafatuhu Taala Lilhawadisi, Qiamuhu Taala Binafsihi, dan Wahdaniah.

Sifat maani pula ialah yang kita katakan sebagai sifat idrak, iaitulah Qudrah, Iradah, Ilmu, Hayat, Samak, Basar dan Qalam.

Dan yang selain dari sifat-sifat tadi adalah termasuk sifat maanawiyah, iaitulah Kaunuhu Qadiran, Kaunuhu Muridan, Kaunuhu 'Aliman, Kaunuhu Hayan, Kaunuhu Sami'an, Kaunuhu Basiran dan Kaunuhu Mutakalliman.

Demikian empat bahagian sifat 20 yang akan kita bahaskan kelak.

Jadi, sifat Hayat bagi ALLAH SWT ini adalah menjadi syarat pada hukum aqli atau akal bagi segala sifat maani. Ertinya, lazim daripada tiadanya sifat Hayat bagi ALLAH SWT ini maka melazimkan tiadanya segala sifat maani. Manakala dengan adanya sifat Hayat bagi ALLAH SWT ini, maka melazimkan adanya segala sifat maani. Mengapakah dikata demikian? Ini adalah kerana, sekiranya ALLAH Taala itu tidak bersifat Hayat atau hidup, tentulah tidak adanya sifat Qudrah bagi ALLAH Taala dan seterusnya tentulah tidak adanya sifat Iradah bagi ALLAH SWT. Tentulah juga tidak adanya sifat Samak, Basar, Ilmu dan juga Qalam.

Cuba kita bahaskan pernyataan ini secara makhluk. Katakanlah seseorang itu sudah mati iaitu tidak lagi hidup. Apakah sesudah itu ada penglihatan atau pandangan padanya? Dengan ertikata yang lain, apakah seseorang yang sudah mati itu boleh melihat dengan mata kasarnya atau boleh mendengar dengan telinga kasarnya? Kalau masa hidupnya, dia boleh berbuat demikian tetapi setelah dia mati, dia tidak lagi boleh melihat dan mendengar. Dan sesudah dia mati, kekuatannya juga tamat. Begitu jugalah dengan ilmunya, pengetahuannya yang walaupun masa hidupnya dia profesor yang banyak membentangkan kertas kerja, tetapi apabila dia mati, ilmunya pun habis.

Itulah taraf makhluk seperti kita ini. Segala penglihatan kita pendengaran kita kekuatan kita ilmu kita kata-kata kita dan kehendak-kehendak kita semuanya akan

habis atau tidak berguna lagi apabila nyawa kita berpisah dari jasad. Sebab, semuanya itu bergantung kepada nyawa kita. Bila nyawa sudah tidak ada, kita tidak boleh cakap besar lagi. Kalau kita sedar semua ini, nescaya kita tidak akan cakap besar. Tetapi, kita masih mahu cakap besar lagi. Sedangkan cakap-cakap kita itu pun tamat apabila kita sudah mati, walaupun masa hidup dulu, cakapcakap kita itu berapi-api hingga terpegun orang mendengarnya. Jadi, lemah sangatlah makhluk ini.

Daripada huraian di atas, kita dapat menyimpulkan pengertian bahawa sifat Hayat bagi ALLAH SWT itu adalah mengesahkan segala sifat maani. Atau dalam kata-kata yang lain, lazim daripada sifat Hayat inilah maka adanya segala sifat maani. Kalau tidak ada sifat Hayat bagi ALLAH SWT ini, maka tentulah tidak ada sifat maani. Bererti, pergantungan sifat maani itu adalah kepada sifat Hayat. Sepertimana yang kita contohkan kepada makhluk di atas tadi yang mana apabila **mati saja seseorang** itu, maka penglihatannya, pendengarannya, kekuatannya, kehendaknya serta kata-katanya dan ilmunya, semuanya akan tamat. Jadi sifat Hayat bagi ALLAH SWT ini juga menjadi syarat menurut hukum akal tentang adanya sifat **maani.**

ALLAH Hidup Buat Selama-lamanya

Jadi kalau adalah orang yang mengatakan ALLAH itu mati, maka tidak adalah sifat maani kerana dengan tiadanya sifat Hayat, tidak adalah sifat maani yakni tidak adanya sifat Qudrah, sifat Iradah, sifat Samak, sifat Basar, sifat Ilmu dan sifat Qalam. Tetapi Maha Suci ALLAH itu daripada mati. ALLAH hidup buat selama-lamanya, dan hidup ALLAH SWT itu tidak seperti hidupnya makhluk; hidup ALLAH tidak bernyawa, tidak bernafas, tidak memerlu kepada anasir-anasir tanah, api, air dan angin

dan tidak juga memerlu kepada makan dan minum. Hidupnya ALLAH juga tidak melalui proses zaman kanak-kanak, zaman muda remaja, zaman dewasa dan juga zaman tua yang akhirnya mati.

Jadi hidup ALLAH Taala itu adalah hidup tersendiri yang tidak sama dengan hidup makhluk. Dalam ha1 ini perlulah kita fahamkan benar-benar di sini bahawa sifat idrak itulah yang dikatakan sifat maani. Janganlah kita terkeliru di sini. Dan sifat-sifat yang termasuk di dalam sifat ini ialah Qudrah; Iradah, Ilmu, Samak, Basar dan Qalam. Kemudian sifat idrak ini, ada benda yang kena atau ada benda yang dilampaui atau ada kesan daripada sifat ini. Dengan kata lain, sifat ini bertakluk.

Dan maani pula adalah pecahan daripada perkataan maana yang bermaksud "erti" atau "tujuan". Cuba kita ambil salah satu daripada sifat ***maani*** iaitu sifat mendengar. Mendengar ialah ***maana*** atau erti ataupun tujuan yang terbit daripada telinga. Dan ini kepada makhluk. Dikatakan sifat mendengar itu sifat muanu juga iaitu sifat mendengar dengan tiada telinga, kerana ALLAH Taala mendengar dengan tiada telinga. Jadi, kalau kepada makhluk, dikatakan sifat mendengar itu sebagai sifat maana dengan ertikata tujuan atau erti mendengar itu daripada telinga. Tetapi ALLAH Taala tidak demikian kerana sepertimana yang kita bahaskan mengenai sifat Mukholafatuhu Taala Lilhawadisi bagi ALLAH Taala, iaitu Maha Suci ALLAH SWT itu daripada menyerupai segala yang baharu.

Sehubungan dengan ini, maka jadilah tujuan sifat maani itu ialah sifat yang ada yang berdiri pada zat ALLAH SWT. Kerana itu, apabila kita katakan ALLAH itu Qudrah atau kuasa, ALLAH itu bersifat Iradah dan lain-lain, maka perkataan ini menunjukkan adanya sifat-sifat bersendirian yang berdiri pada zat ALLAH SWT.

BAB 16

AS SAMA'

SIFAT YANG kesebelas - As Samak. Ertinya mendengar dengan tiada telinga, hakikatnya ialah sifat yang tetap ada, yang qadim lagi azali berdiri pada zat ALLAH Taala. Dengar Dia terang dan nyata pada tiap-tiap yang maujud. Sama ada yang maujud itu pada qadim seperti Ia mendengar akan Kalam-Nya atau yang ada itu harus, sama ada yang harus telah ada, atau yang lagi akan diadakan. Dan tidak ada sesuatu perkara yang ada tiada didengar-Nya. Dan tiada terdinding dengar-Nya itu, dengan sebab jauh atau bising, dan sama ada bersuara atau tiada bersuara maka yang tiada suara seperti ia mendengar diri-Nya sendiri berkata-kata.

Yang demikian nyatalah dengan terangnya Tuhan itu yang wajib bagi-Nya bersifat mendengar sama ada bersuara atau tiada, jauh atau dekat, zahir atau tersembunyi, perlahan atau kuat, apabila diketahui oleh seseorang dan ada kepercayaan terhadap sama Tuhan bagaimana yang tersebut itu tetaplah kepercayaannya itu membangkitkan semangat dan perasaan melakukan tutur kata mengikut kepercayaannya, maka terjauhlah manusia itu daripada memperlakukan atau menggunakan mulutnya daripada perkara yang menyalahi undang-undang syar'i. Seperti berbetulan amalannya dengan kepercayaan yang dinamakan sebenar-benar iman.

Pengertian As Samak

AS SAMAK ertinya “mendengar”. Seperti sifat-sifat ALLAH yang lain, sifat ini juga wajib bagi kita mempelajarinya, memahaminya dan seterusnya meyakininya. Lantaran itu wajib pula bagi kita melakukan sebarang perbuatan selaras dengan keyakinan kita itu.

Maksud mendengar bagi ALLAH Taala di sini ialah bahawa ALLAH SWT itu mendengar tidak bertelinga. Selain dari ALLAH Taala iaitu makhluk termasuklah kita, semuanya mendengar dengan adanya telinga; adanya lubang telinga dan adanya cuping telinga. ALLAH SWT tidak demikian. Sebab ALLAH SWT itu tidak bertelinga. Sepertimana yang telah kita bahaskan, ALLAH tidak menyerupai segala sifat yang baharu.

ALLAH SWT juga mendengar tidak melalui perantaraan suara. Tidak seperti kita, yang mendengar terpaksa melalui perantaraan suara. Kalau sesuatu itu tidak ada suara, kita tidak boleh mendengarnya. Tetapi ALLAH SWT tidak demikian. Sepertimana ALLAH tidak mendengar dengan telinga, maka ALLAH juga tidak memerlukan adanya suara untuk mendengar.

Sifat mendengar ALLAH SWT juga tidak dibatasi oleh jauh dan dekat. Ertinya sama ada jauh mahupun dekat, semuanya dapat didengar oleh ALLAH SWT. Bahkan mendengarnya ALLAH bagi yang jauh dan yang dekat itu tidak ada perbezaannya.

Bagi kita, ada juga kalanya kita boleh mendengar yang jauh tetapi mendengar kita bagi yang jauh itu sudah tidak sama seperti mendengar bagi yang dekat. Ertinya yang dekat kita dengar agak kuat tetapi yang jauh sudah tidak begitu kuat lagi. Tetapi ALLAH SWT tidak demikian. ALLAH bukan sahaja boleh mendengar yang jauh mahupun yang dekat tetapi ALLAH juga boleh mendengar yang jauh dengan yang dekat itu sama sahaja. Tidaklah pada ALLAH itu, yang jauh itu sayup-sayup sahaja atau yang dekat itu terlalu lantang. Bag-i ALLAH dekat dan jauh sama saja.

Kalaulah ada orang mengatakan bahawa ALLAH itu mendengar dengan menggunakan telinga serta dengan adanya lubang telinga dan cuping telinga dan kemudian ALLAH pula mendengar dengan perantaraan suara, maka mengikut hukum akal, tentulah ALLAH sama dengan segala yang baharu atau makhluk. Dan kalaulah ALLAH serupa dengan segala yang baharu, maka mengikut hukum akal juga, tentulah ALLAH itu ada permulaan. Dan bererti pulalah bahawa ALLAH itu ada yang menjadikan. Kalau ALLAH itu ada yang menjadikan, maka ALLAH itu bukanlah Tuhan lagi namanya. Maka dengan demikian ternafi pulalah sifat ***Mukholufutuhu Taala Lilhawudisi,*** iaitu bersalahan ALLAH Taala itu dengan segala yang baharu.

Hakikat As Samak

Hakikat As Samak ialah suatu sifat yang tetap ada dan mesti ada iaitu yang qadim lagi azali. Qadim ialah yang tidak didahului oleh tiada, atau tidak ada permulaan. Jadi sifat As Samak ALLAH SWT ini tidak ada permulaan. Mengapakah demikian? Kerana, sepertimana yang pernah kita bahaskan, sifat ALLAH SWT itu berdiri atas zat-Nya. Dan zat ALLAH SWT sepertimana yang kita

ketahui juga, adalah qadim lagi azali iaitu tidak ada siapa yang menjadikannya. Dan oleh kerana zat ALLAH Taala itu qadim lagi azali; maka tentulah akal kita mengatakan bahawa sifat ALLAH SWT itu juga qadim lagi azali. Dan oleh kerana As Samak ini adalah salah satu sifat yang wajib bagi ALLAH SWT. tentulah sifat ini juga qadim lagi azali.

Dengan demikian, As Samak bagi ALLAH SWT ini tetap ada dan wajib ada. Dan dengan sifat As Samak, ALLAH SWT mendengar segala yang ada. Apakah yang dimaksudkan dengan segala yang ada? Segala yang ada ini kadang-kadang adalah yang wajib seperti ALLAH SWT mendengar Kalam-Nya sendiri. Dan Kalamullah ini juga adalah sifat wajib bagi ALLAH SWT yang ianya adalah qadim lagi azali. Oleh itu di antara yang wajib yang didengar oleh ALLAH SW'T ialah Kalam-Nya sendiri.

Kemudian segala yang ada pada yang baharu, sama ada yang sudah ada mahupun yang belum ada semuanya didengar oleh ALLAH SWT. Apakah yang dikatakan segala yang ada pada yang baharu yang sudah ada itu? Contohnya adalah seperti kita yang telah ada pada masa ini. Kita telah dijadikan oleh ALLAH SWI dan telah pun ada Maka kita yang sudah ada ini didengar oleh ALLAH SWT.

Begitu juga, bagi segala yang baharu yang belum ada tetapi bakal dijadikan oleh ALLAH SWT, itu pun didengar oleh-Nya. Ertinya, segala yang baharu yang hendak dijadikan oleh ALLAH SWT pada masa akan datang, semuanya didengar oleh ALLAH SWT.

Demikianlah pengertian kita bahawa ALLAH SWT yang bersifat As Samak mendengar segala yang ada sama ada yang ada itu yang wajib seperti ALLAH mendengar Kalam-Nya sendiri ataupun yang ada itu harus; sama ada yang harus itu sudah ada seperti kita yang telah dijadikan

ALLAH pada masa ini ataupun yang harus itu tiada tetapi bakal diadakan oleh ALLAH SWT.

ALLAH Mendengar Yang Tidak Bersuara

Kemudian ALLAH SWT yang bersifat As Samak itu, pendengaran-Nya tidak terdinding oleh keadaan jauh dan dekat. Pendengaran ALLAH juga tidak terbatas pada yang bersuara ataupun yang tidak bersuara. Yang bersuara ALLAH dengar dan yang tidak bersuara pun ALLAH dengar. Yang bersuara adalah seperti kata-kata atau ucapan makhluk atau segala yang baharu seperti manusia. Kita kalau bercakap ada suara dan itu didengar oleh ALLAH SWT. Yang tidak bersuara adalah seperti Kalamullah. Maknanya, ALLAH SWT mendengar kata-kata-Nya sendiri. Dan ALLAH SWT berkata-kata tidak seperti makhluk; ALLAH berkata-kata tidak bersuara, tidak berlafaz, tidak berperkataan, tidak ada dulu dan tidak ada kemudian. Kalamullah adalah tersendiri.

Seterusnya, ALLAH juga mendengar sama ada yang tersembunyi mahupun yang tidak tersembunyi. ALLAH juga boleh mendengar sama ada yang perlahan mahupun yang kuat. Begitu juga ALLAH mendengar sama ada yang tebal mahupun yang tipis, sama ada yang panjang atau yang lebar.

Kesan Daripada Keyakinan Terhadap As Samak ALLAH

Begitulah kedudukan sifat mendengar ALLAH SWT. Kalaulah kita sudah faham sifat mendengar ALLAH SWT itu dan kita yakini sungguh-sungguh, ia akan member-i kesan pada diri kita. Ia akan membangkitkan perasaan dan semangat kita untuk bertutur dan bercakap selaras dengan keyakinan kita itu. Kita akan berkata-kata selaras

dengan apa yang kita fahamkan daripada sifat As Samak bagi ALLAH SWT. Inilah kesan yang didorong oleh kefahaman dan keyakinan kita terhadap As Samak ALLAH SWT itu.

Dari itu, kita tidak akan bercakap atau berkata-kata dengan kata-kata yang tidak selaras dengan kehendak ALLAH atau dengan kehendak Al Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Dengan kata-kata lain, kita tidak akan bercakap dengan kata-kata yang tidak selaras dengan syariat ALLAH SWT. Inilah faedahnya ilmu tauhid yang kita pelajari. Guna dan faedah ilmu tauhid ini bukan untuk dibahas-bahaskan seperti yang dilakukan oleh sesetengah orang. Mereka akan membahaskan Wujud, Qidam, Baqa' dan lain-lainnya dengan dalil-dalil aqli dan naqlinya. Mereka akan bahaskan pula secara tafsili dan secara ijmali sifat-sifat ini. Kemudian mereka bahaskan secara mantik dan secara falsafahnya. Tetapi sekadar dibahaskan, tidak lebih dari itu.

Jadi hendaklah kita faham bahawa ilmu tauhid, kalau dapat kita faham dan yakin benar-benar, akan mendorong kita bertutur sesuai dengan kehendak syariat. Kita tidak akan bercakap perkara-perkara yang tidak selaras dengan syariat, kerana kita tahu ALLAH itu Maha Mendengar; mendengar sama ada yang bersuara ataupun yang tidak bersuara sehinggakan bisikan hati pun ALLAH dengar. Kita juga tahu ALLAH mendengar sama ada yang jauh mahupun yang dekat, sama ada yang kuat mahupun yang sayup-sayup, sama ada yang tebal mahupun yang tipis.

Mengawasi Lidah dan Gerak Hati

Kerana itu, bagi orang yang benar-benar berilmu tauhid serta yakin benar-benar dengan apa yang difahamnya,

dia takut hendak bertutur dan berkata-kata sesuatu yang melanggar syariat ALLAH kerana jangankan tutur katanya ALLAH boleh dengar, malah gerak hatinya pun ALLAH dengar.

Kalau begitulah, orang yang benar-benar memahami ilmu tauhid serta yakin dengan ilmunya itu, tidak berani hendak mengumpat orang. Dia lebih-lebih lagi tidak berani hendak memfitnah orang. Dia tentunya tidak berani hendak mengeluarkan kata-kata yang sia-sia atau kata-kata yang tidak mendatangkan pahala.

Lidahnya tidak akan mencerca orang. Lidahnya tidak akan bercakaran dengan orang lain. Lidahnya tidak akan berkata perkataan yang membawa kepada dosa. Berbual-bual perkara kosong pun tidak mahu. Berbual perkara yang harus pun dia tidak mahu kerana walaupun itu tidak berdosa tetapi ia tidak mendatangkan pahala. Bagi orang mukmin, itu pun tidak mahu dilakukannya kerana baginya satu kerugian. Dia merasakan dengan berbual perkara yang harus, dia telah mensia-siakan umurnya. Baginya, masa adalah umur.

Demikianlah orang yang benar-benar telah mentauhidkan ALLAH SWT. Orang ini sudah benar-benar belajar dan faham sifat As Samak ALLAH hingga kefahamannya itu menjadi keyakinan dan aqidahnya. Hasilnya, segala kata-katanya dapat didorong selaras dengan kehendak-kehendak syariat ALLAH SWT. Dia tidak akan mengumpat dengan lidahnya, dia tidak akan memfitnah dcngan lidahnya dan dia tidak akan berkata-kata yang sia-sia dengan lidahnya. Inilah faedah daripada kita belajar ilmu tauhid.

Golongan **Ilmul Yaqin**

Orang yang perkataan atau tutur katanya menyalahi

kepercayaan ataupun keyakinannya, adalah orang **yang** baharu setakat mencapai *ilmul yaqin* sahaja. Berdasarkan ilmu yang dipelajarinya tentang sifat Samak, akalnya mahu menerima ALLAH itu wajib bersifat Samak, yang qadim lagi azali, dan akalnya juga mahu menerima bahawa ALLAH boleh mendengar yang bersuara mahupun yang tidak bersuara. Tetapi ilmunya setakat di akal sahaja.

Bagi orang ini, ilmunya tepat. Tetapi dia dikatakan orang yang baharu berfikiran tauhid. Dia masih buat salah. Padahal ilmunya sudah betul dan tepat manakala akal-nya pula sudah menerima dan selaras dengan syariat.

Sememangnya keyakinan kita tentang sifat-sifat ALLAH Taala termasuklah sifat Samak ini pada mulanya adalah pada peringkat akal. Sebab akal dan fikiran itulah yang mendatangkan ilmu pengetahuan. Tetapi hendak-lah kita ingat, keyakinan yang bermula di tahap akal fikiran ini tidak boleh kita biarkan setakat itu sahaja. Keyakinan yang demikian tidak cukup kerana pada pengalaman kita, orang yang ilmu dan keyakinannya pada takat fikiran sahaja, masih banyak membuat kesalahan dan melanggar perintah-perintah ALLAH. Dia masih melanggar keyakinan dan kepercayaannya sendiri.

Golongan Ainul Yaqin

Orang yang boleh bertutur kataselaras dengan kefaham-annya tentang Samak ALLAH SWT, adalah orang yang dikatakan mencapai tingkat *ainul yaqin* iaitu yang mata hatinya telah yakin. Orang ini sudah sampai kepada peringkat berjiwa tauhid. Mata hatinya telah terlekat benar dengan keyakinannya.

Untuk membawa ilmu dan kefahaman sampai dapat menghayati hati dan **jiwa kita, itulah yang amat susah**

sekali. Padahal hati pada asalnya dahulu memang sudah kenal ALLAH, sebagaimana firman-Nya:

أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا۟ بَلَىٰ شَهِدْنَآ

Terjemahannya: ***Bukankah Aku ini Tuhan kamu (wahai roh)? Mereka menjawab: "Ya, bahawasanya kami naik saksi bahawa Kamu adalah Tuhan kami.*** n

(Al A raf: 172)

Jadi fitrah semulajadi hati ini memang sudah kenal yakin dan percaya sungguh dengan ALLAH. ,Tetapi. manakala hati atau roh kita ALLAH masukkan ke dalam sangkarnya iaitu jasad kita ini yang kemudiannya ALLAH jadikan pula dua jenis musuh batinnya iaitu syaitan dan nafsu dan musuh lahirnya orang kafir dan orang munafiq yang sentiasa menghembuskan dunia kepadanya, membangga dan mencanangkan dunia kepadanya, dari dalam mahupun dari luar diri kita, akhirnya hati yang sudah begitu kenal dengan ALLAH itu lupa serta tidak kenal lagi dengan ALLAH. Hati ini telah dipermainkan oleh syaitan dan nafsu. Firman ALLAH:

إِنَّهُۥ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Terjemahannya: ***Sesungguhnya (syaitan) itu adalah musuh kamu yang amat nyata.***

(Yasin: 60)

Dan fir-man ALLAH lagi:

إِنَّ ٱلنَّفْسَ لَأَمَّارَةٌۢ بِٱلسُّوٓءِ

Terjemahannya: ***Sesungguhnya nafsu sangat*** meng-***ajak kamu berbuat kejahatan.***

(Yusuf: 53)

Kemudian terdapat pula kejahatan dari luar yang diatur oleh orang-orang kafir dan yang diperkembangkan oleh orang-orang munafiq. Maka bertambah-tambah gelaplah hati itu daripada mengenal ALLAH.

Hati Yang Dapat Mengawal Diri Manusia

Jika hati dapat dikenalkan semula dengan ALLAH SWT sebagaimana sebelum ia dapat dirosakkan oleh syaitan dan hawa nafsu, oleh kejadian alam sekeliling, oleh penghidupan dan dunia ini, maka hati itu akan kuat. Dan hati inilah yang sebenarnya yang dapat menjaga dan mengawal diri kita.

Sebab itulah, kita perlu menjaga hati betul-betul supaya tidak dapat dipengaruhi oleh syaitan dan nafsu serta jangan digoda oleh alam benda ini. Dan kalaulah hati yang dapat kita kawal daripada musuh-musuh lahir dan batin ini dapat pula kita letakkan kembali kepada fungsinya yang sebenar iaitu kenal betul-betul kepada ALLAH **SWT, maka hati itulah yang akan mendorong** dan mengawal diri kita.

Dan dengan sebab itu jugalah keyakinan kita tentang Samak ALLAH SWT ini mesti sampai menghayati jiwa, jangan hanya pada peringkat akal sahaja. Mungkin keyakinan awal pada peringkat akal itu perlu tetapi jangan kita biarkan keyakinan itu. hanya bertapak pada akal fikiran sahaja. Mengenal ALLAH dengan akal adalah jalan untuk mempertahankan iman tetapi untuk **menebalkan** iman, kita mesti mengenal ALLAH dengan hati.

Orang yang dapat benar-benar mengenal ALLAH sampai kepada peringkat hati hingga dapat mengawal dirinya serta dapat mendorong dia bertutur dan berkata-kata selaras dengan kehendak syariat, adalah orang yang berjiwa tauhid. Bahkan apa saja yang dia buat, semuanya

selaras dengan keyakinan dirinya terhadap ALLAH SWT seperti Qudrah ALLAH, Iradah ALLAH, Basar ALLAH dan lain-lainnya.

Kalau kita belajar ilmu tauhid sehingga tahu, faham dan yakin sungguh tetapi keyakinan itu hanya bertapak pada akal, tidak langsung kita usahakan untuk dihayati oleh hati, kita dapati ada saja kesalahan yang akan kita lakukan. Walaupun kita tahu akan kesalahan itu, tentang hukum-hukumnya, bahkan kita dapat huraikan dan syarahkan semua hukum itu, namun kesalahan itu tetap kita langgar juga. Kita masih lagi menjadi Mukmin yang 'asi, yang ingkar dan mungkar kepada ALLAH SWT.

Ini adalah kerana, orang yang mengenal ALLAH dengan akal tidak takut dengan ALLAH walaupun keyakinannya itu tepat. Tetapi orang yang dapat mengenal ALLAH dengan hati, dia takut dengan ALLAH. Bila hati kita dapat mengenal ALLAH, barulah kita terasa takut dan gerun dengan ALLAH hingga kita tidak berani hendak melanggar sebarang perintah ALLAH serta melakukan larangan-Nya. Tetapi kalau hati tidak kenal ALLAH, hanya akal saja yang kenal ALLAH, rasa takut dengan ALLAH tidak ada walaupun iman kita sudah sah. Kita tahu ALLAH itu bersifat Wujud, Qidam, Baqa', Samak, Basar dan sebagainya, tetapi kita tidak dapat rasakan begitu. Kerana itu, rasa takut dengan ALLAH tidak ada.

Tidak ada rasa takut kepada ALLAH membawa diri kita terus melanggar perintah-Nya. Tauhid kita masih pada fikiran sahaja. Atau kita dikatakan mempunyai fikrah Islamiah. Sepatutnya kita perlu berusaha sungguh-sungguh untuk membangunkan jiwa tauhid.

Golongan Abrar, Mufliiun dan Ashabul Yamin

Orang yang mengenal Samak ALLAH hingga ke peringkat jiwanya, barulah kata-kata dan seluruh tindak-tanduknya selaras dengan syariat ALLAH. Orang ini sudah sampai kepada peringkat mukmin yang soleh. Dia termasuk dalam golongan ***Abrar*** iaitu golongan orang yang berbakti kepada ALLAH SWT, atau kadang-kadang di-. sebut golongan ***Muflihun*** iaitu golongan orang-orang yang mendapat kemenangan atau sebagai golongan ***Ashabul*** Yamin iaitu golongan yang diberi suratan amal dari sebelah kanan di Akhirat.

Golongan-golongan ini adalah golongan orang-orang yang sudah berjiwa tauhid. Orang-orang ini apabila dia melakukan sedikit kesalahan sahaja atau apabila dia terjebak saja dengan dosa kecil sekalipun, masa itu juga dia, meminta ampun kepada ALLAH SWT. Dia tidak tunggu-tunggu sejam atau tunggu selepas sembahyang tetapi masa itu juga dia beristighfar kepada ALLAH. Kalau dia asuh jiwanya benar-benar sehingga hatinya melekat sungguh-sungguh tentang Samak ALLAH SWT, maka dia akan sampai kepada peringkat ***Muqarrobin.*** Dia akan menjadi wali-wali ALLAH dan kekasih-kekasih ALLAH.

Golongan Muqarrobin

Orang-orang soleh belum dianggap kekasih ALLAH. Mereka adalah orang baik-baik. Orang-orang ini walaupun masuk Syurga, tetapi lambat. Orang-orang ***Muqarrobin***, kerana mereka kekasih ALLAH, cepat masuk Syurga. Golongan orang soleh lambat masuk Syurga dan yang mereka takuti ialah jatuh ke Neraka. Dan kalau kita baca sejarah orang-orang dahulu terutamanya Sahabat-sahabat, mereka tidak berhajat untuk menjadi orang soleh kerana lambat masuk Syurga. Pada mereka, lambat masuk Syurga

itu adalah satu penyeksaan. Sebab itu mereka lebih berhajat untuk menjadi orang ***Muqarrobin*** untuk mencari peluang melompat masuk Syurga. Itulah sebabnya Sahabat-sahabat cari peluang untuk mati syahid sahaja.

Bagi kita, tentulah mati syahid ini tidak seronok kerana tidak tahu di mana matinya kita. Entah di mana mayat kita orang campak. Tetapi kalau mati sakit, orang sentiasa ada di sisi terutamanya anak-anak dan isteri. Dapat pula kita bermanja-manja sebelum mati. Isteri kita pun datang picit-picit kita dan begitu juga anak-anak kita. Kawan-kawan pula ziarah kita dan bawa buah-buah. Bukankah seronok mati sakit? Sebab itu tidak ada orang hendak mati syahid hari ini. Tetapi Sahabat-sahabat zaman dahulu berlumba-lumba hendak mati syahid kerana orang yang mati syahid termasuk dalam golongan ***Muqarrobin.*** Golongan ini cepat masuk Syurga.

Mereka tidak berhajat hendak jadi orang soleh kerana orang soleh lambat masuk Syurga, dan itu adalah penyeksaan bagi mereka. Mengapakah mereka merasakan yang lambat masuk Syurga itu satu penyeksaan? Sebabnya ialah, kalau terlambat satu hari sahaja, bukanlah serupa satu hari di Akhirat dengan satu hari di dunia. Satu hari saja terlambat di Akhirat bererti seribu tahun kita menunggu. Firman ALLAH SWT:

Terjemahannya: ***Sesungguhnya sehari di sisi Tuhanmu adalah seribu tahun dari tahun-tahun yang kamu hitung.***

(Al Haj: 47)

Katalah A masuk Syurga cepat. Manakala B masuk Syurga terlambat. satu hari sahaja. Jadi kalau ikut ukuran dunia, si B terlewat 1000 tahun. Apakah terlewat 1006

tahun tidak merupakan penyeksaan? Sedangkan Syurga itu rumah bagi orang mukmin. Lebih-lebih lagi di dalam Syurga itu kita dapat melihat ALLAH SWT walaupun pada hakikatnya ALLAH itu tidak bertempat dan bukan di Syurga. Tetapi melihat wajah ALLAH di Syurga merupakan nikmat terbesar bagi semua orang mukmin.

Dan kalaulah 1000 tahun kita terlewat masuk Syurga, bererti itu satu penyeksaan. Sedangkan di dunia ini, kita menunggu lima hari untuk bertemu dengan tunang pun rasa terseksa. Itu baru lima hari. Betapalah kalau seribu tahun. Bayangkanlah betapa seksanya.

Dan sebab'itulah tidak hairan mengapa Sahabat-sahabat zaman dahulu tidak berhajat untuk jadi orang soleh. Mereka berlumba-lumba mencari peluang untuk mati syahid. Dan sebab itu tidak hairan orang Islam zaman dahulu dapat menggugat dunia. Mereka boleh jatuhkan Rom dan Parsi, boleh tawan Sepanyol dan boleh memerintah tiga suku dunia ini. Kenapa mereka dapat berbuat demikian? Kerana mereka berjuang untuk mati, dan sebab itu ALLAH hidupkan mereka.

Tetapi hari ini umat Islam berjuang untuk hidup, dan sebab itu ALLAH matikan. Kalaupun ALLAH tidak matikan jasad, mereka tetapi cukup ALLAH matikan jiwa mereka. Sebab itu roh umat Islam hari ini mati, tidak ada semangat. Lalu umat Islam hina di mana-mana, di bidang apa sekalipun. Oleh kerana umat Islam berjuang untuk hidup, kalau kita sebut saja fasal mati, orang akan mengatakan yang kita kolot, ortodoks dan ketinggalan zaman.

Jadi, ilmu tauhid mestilah dihayati sampai ke hati kerana yang demikian akan menebalkan iman. Dengan demikian, iman kita akan dapat benar-benar mengawal kita daripada melakukan maksiat. Untuk ini, kita perlu asuh hati kita sungguh-sungguh sampai mencapai jiwa

tauhid. Setidak-tidaknya kita menjadi orang yang soleh kalaupun tidak sampai kepada tahap *Muqarrobin.*

Untuk sampai ke peringkat *ainul* yaqin, kita perlu mujahadatunnafsi sungguh-sungguh untuk membersihkan jiwa kita. Kenalah kita perang sungguh-sungguh dengan nafsu dan syaitan. Kalau tidak, kita tidak akan dapat membersihkan jiwa kita untuk kita dapat memiliki jiwa tauhid. Orang yang berfikiran tauhid sahaja tidak ada rasa takut dkngan ALLAH tetapi orang yang berjiwa tauhid sentiasa rasa takut kepada ALLAH, dan dengan rasa takut kepada ALLAH SWT inilah dia boleh membetulkan dirinya.

Golongan Ariffm Kenal Allah Dengan Hati

Di sini barulah kita faham, iaitu mengetahui itu adalah dengan akal tetapi untuk mengenal atau dalam bahasa Arabnya disebut *makrifah,* adalah dengan hati. Ertinya, kalau sekadar hendak tahu, cukuplah dengan akal tetapi kalau kita hendak mengenal, mestilah dengan hati. Dan kita juga dapat faham bahawa mengenal dengan akal itu tidak kuat berbanding dengan mengenal dengan hati. Orang yang mengenal ALLAH sampai ke peringkat hati adalah orang yang arif atau kalau ramai dikatakan golongan ariffin. Orang inilah yang benar-benar kenal dengan ALLAH SWT.

Malangnya kita umat Islam pada hari ini, tauhid kita hanya berkisar pada akal sahaja. Kita dapat mengenal ALLAH dengan akal sahaja secara ilmu pengetahuan. Dan tidak pernah kita meningkat-ningkat dari itu. Sebab itulah kita tidak ada kekuatan, iaitu kekuatan untuk kita melaksanakan perintah ALLAH dan kekuatan untuk meninggalkan larangan-Nya serta mengekang diri daripada membuat maksiat. Akhirnya dengan maksiat yang

kita lakukan itulah kita lemah. Dan dengan maksiat itu jugalah kita berpecah dan menjadi hina.

Jadi sebab itulah setelah kita mengenal ALLAH dengan akal, kenalah kita usahakan untuk mengenal ALLAH dengan hati. Dengan demikian dapatlah kita meningkatkan iman kita sampai kepada jiwa tauhid.

BAB 17

BASAR

MATAN

KEDUA Belas Al Basar Ertinya melihat tiada dengan biji mata maka hakikatnya ialah satu sifat yang tetap ada yang qadim lagi azali berdiri pada zat Tuhan. Maka dengan dia nyata dan terang dan meliputi pada tiaptiap yang ada, sama ada yang ada itu wajib, seperti zat dan sifat Tuhan, atau yang ada itu harus dan sama .ada yang hat-us yang telah ada, atau yang lagi akan diadakan dan tidak terlindung pandangan-Nya oleh gelap atau dengan sebab jauh atau kecil.
Yang demikian zahirlah Tuhan itu wajib baginya bersifat melihat sama ada yang dapat dilihat oleh manusia atau tiada, jauh atau dekat, waktu terang atau gelap, zahir atau tersembunyi maka semuanya dilihat oleh ALLAH Taala.
Yang demikian apabila seorang ada kepercayaan seperti itu tiada dapat tiada nafsunya tunduk di bawah titah perintah ALLAH SWT dengan memperbuat apa yang diperintah dan meninggalkan apa-apa yang dilarang.
Kerana ia percaya kepada Tuhan ada melihat ia tatkala itu bangkit semangatnya tiada berani membuat kesalahan seperti mencuri sekalipun tidak dilihat oleh manusia.
Yang demikian dikehendakkan seorang beriman kepada sifat Tuhan dengan iman yang sama pendapatannya dengan pekerjaannya supaya berbetulan amalannya dengan kepercayaan yang menyelamatkan daripada pangkat munafiq.

Pengertian Sifat Basar

SIFAT Basar yang kita kaitkan pada ALLAH SWT ialah suatu sifat melihat tanpa menggunakan biji mata. Ertinya ALLAH SWT melihat tidak dengan biji mata. Dan ALLAH SWT juga melihat tidak dengan perantaraan cahaya.

Kalau demikian, ALLAH SWT melihat tidak sebagaimana makhluk melihat. Makhluk tidak boleh melihat kalau dia tidak ada biji mata. Kalaupun ada biji mata tetapi biji matanya rosak, dia juga tidak boleh melihat. Dan kalaupun dia ada biji mata yang tidak rosak tetapi tidak ada perantaraan cahaya, dia juga tidak boleh melihat. Tetapi ALLAH SWT boleh melihat tanpa menggunakan biji mata dan tanpa perantaraan cahaya.

Dalam hal ini, kalau ada orang mengatakan bahawa ALLAH melihat dengan memerlukan biji mata dan perantaraan cahaya, maka dengan sendirinya dia telah mengatakan yang ALLAH itu serupa dengan makhluk. Sudah serupa pula ALLAH SWT dengan segala yang baharu. Sedangkan kita telah pun mengetahui bahawa ALLAH SWT bersifat Mukholafatuhu Taala Lilhawadisi iaitu ALLAH SWT itu tidak serupa dengan segala yang baharu.

Kalau ALLAH itu serupa dengan segala yang baharu (makhluk), sudah tentunya ALLAH juga baharu (makhluk). Dengan demikian, bererti pulalah bahawa

ALLAH itu ada yang menjadikan. Kalau ada yang menjadikan, maka ALLAH ada permulaan. Dan kalau ALLAH itu dijadikan, bermakna yang menjadikan itu lebih gagah. Sudah lemah pula sifat ALLAH SWT, dan ini akan menafikan sifat-sifat yang lain bagi ALLAH SWT, seperti sifat Qudrah ALLAH dan sifat Qidam ALLAH. Jadi, keyakinan kita ialah, ALLAH SWT melihat tidak memerlukan biji mata dan tidak dengan perantaraan cahaya sebagaimana melihatnya makhluk.

Hakikat Sifat Basar

Hakikat sifat Basar pada ALLAH SWT ialah satu sifat yang tetap ada dan berdiri pada zat ALLAH SWT. Dan sifat Basar ALLAH itu pula adalah qadim lag-i azali yang memberi erti ia tidak ada permulaan. Kita katakan yang sifat Basar ALLAH SWT ini qadim lagi azali kerana zat ALLAH SWT adalah qadim lag-i azali. Sedangkan sifat berdiri pada zat.

Melalui sifat Basar inilah ALLAH dapat melihat segala yang ada sama ada yang ada itu yang wajib seperti zat dan sifat-Nya, ataupun yang harus iaitu selain ALLAH (segala yang baharu) .

Huraian Sifat Basar

Perkara yang harus yang dapat dilihat oleh ALLAH SWT ialah semua perkara harus yang sudah ada dan yang belum ada tetapi bakal diadakan oleh-Nya. Perkara harus yang dapat dilihat oleh ALLAH SWT ialah seluruh makhluk seperti manusia, haiwan, pokok, semua jenis alam sama ada alam yang dapat kita lihat seperti alam manusia dan alam haiwan, juga alam yang tidak nyata seperti Alam Kubur, Alam Jin, Alam Malakut, Alam

Jabarut dan lain-lainnya. Perkara-perkara ini dikatakan sebagai perkara harus kerana adanya itu adalah harus sahaja dan bukannya wajib.

Seterusnya, perkara harus yang dapat dilihat oleh ALLAH SWT adalah perkara yang besar dan juga yang kecil, perkara yang jauh dan juga yang dekat, perkara di dalam gelap dan juga di dalam cahaya. Semuanya dapat dilihat oleh ALLAH SWT.

Makhluk seperti kita ini melihat tidak secara mutlak. Melihat kita ada batas-batasnya. Kalau jaraknya agak sederhana dengan pandangan, maka sesuatu perkara itu dapat kita lihat tetapi kalau terlalu jauh, ia sudah tidak dapat kita lihat lagi. Atau kalau pandangan kita terlalu dekat hingga betul-betul sampai ke paras mata, maka sesuatu itu tidak juga dapat dilihat. Dalam pada itu, pandangan kita kepada sesuatu itu walaupun pada jarak yang sederhana, tetapi kalau tidak ada cahaya, kita tidak juga dapat melihat. Jadi, terbatas sekali penglihatan makhluk.

Pandangan ALLAH Menembusi Segala Halangan

Melihatnya ALLAH SWT tidak terdinding oleh suatu apa pun. Semuanya dapat dilihat oleh ALLAH Taala sama ada yang kecil mahupun yang besar, yang tersembunyi mahupun yang terang-terang. Begitulah kehebatan sifat melihat ALLAH SWT.

Jadi, nyata dan zahirlah pada kita bahawa ALLAH SWT itu wajib bersifat melihat. Wajiblah bagi ALLAH SWT dapat melihat segala sesuatu sama ada yang dapat dilihat oleh manusia ataupun sebaliknya. Di dalam Al Quran terdapat banyak dalil naqli mengenai sifat mclihat ALLAH SWT. Di antaranya ialah:

وَٱللَّهُ بَصِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ

Terjemahannya: ***ALLAH melihat apa yang kamu lakukan.***

(Al Hujumt: 18)

Maksud ayat ini menunjukkan betapa ALLAH SWT dapat melihat apa saja yang kita lakukan sama ada yang kita lakukan itu di dalam gelap ataupun terang atau sama ada yang kita lakukan itu secara bersembunyi atau tidak. ALLAH melihat semuanya. Di dalam ayat yang lain, ALLAH berfirman:

إِنَّهُۥ بِكُلِّ شَىْءٍۭ بَصِيرٌ

Terjemahannya: ***Sesungguhnya Dia (ALLAH) itu sentiasa memerhati di atas sesuatu.***

(Al Mulk: 19)

Maksud ayat ini menunjukkan betapa ALLAH SWT itu melihat segala sesuatu tidak kira manusia, haiwan, kayu-kayan dan apa saja. Semuanya tidak terlepas dari, penglihatan ALLAH SWT.

Kemudian di dalam ayat lain, ALLAH berfirman:

إِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌۢ بَصِيرٌ

Terjemahannya: ***ALLAH itu Maha Mendengar lagi Maha Melihat.***

(Luqman: 28)

Di dalam ayat yang lain pula kita dapati firman ALLAH ini:

وَٱللَّهُ بَصِيرٌۢ بِٱلْعِبَادِ

Terjemahannya: ***ALLAH itu melihat pada seluruh hamba-Nya.***

(Ali Imran: 15)

Maksud ayat ini pula menunjukkan kepada kita bahawa semua hamba ALLAH ini sentiasa dalam penglihatan ALLAH SWT.

Kemudian di dalam ayat lain terdapat juga fir-man berikut:

إِنَّنِي مَعَكُمَآ أَسْمَعُ وَأَرَىٰ

Terjemahannya: ***Sesungguhnya Aku kepada kamu berdua (wahai Harun dan Musa) sentiasa mendengar dan melihat.***

(Thoha: 46)

Melalui ayat ini, ALLAH menyatakan kepada **Nabi,** Harun dan Nabi Musa bahawa Dia sentiasa memerhati dan mendengar mereka berdua dalam apa saja yang, mereka lakukan. Dengan pernyataan ini, ALLAH telah memberi keyakinan dan kekuatan jiwa kepada mereka berdua. Ayat ini seolah-olah memberitahu Nabi Musa dan Nabi Harun bahawa dalam mereka berjuang dan berjihad terutamanya dalam berhadapan dengan Firaun janganlah meieka merasa bimbang dan takut. ALLAH; sentiasa akan membela mereka dalam kerja-kerja mereka itu.

Pernyataan itu disampaikan oleh ALLAH SWT dalam bentuk wahyu kepada Nabi Musa dan Nabi Harun. Melalui Rasulullah **SAW,** wahyu itu sampai kepada kita. Jadi, walaupun ALLAH tujukan wahyu itu kepada Nabi Musa dan Nabi Harun, tetapi ia juga boleh bermaksud kepada kita. Seolah-olah ALLAH juga menyatakan kepada kita bahawa dalam kita berjuang dan berjihad serta menegakkan kebenaran, janganlah kita bimbang dan

takut. ALLAH sentiasa mendengar dan memerhatikan serta sentiasa akan membantu kita.

Cuma, sebelum ALLAH bela, ALLAH akan uji dahulu sama ada kita ini berani atau pengecut, sama ada kita sanggup berhadapan dengan kemungkinan-kemungkinan atau tidak. ALLAH hendak lihat semuanya ini lebih dahulu sebelum didatangkan-Nya bantuan.

Demikianlah- beberapa peringatan ALLAH kepada kita di dalam Al Quran sebagai dalil naqli yang me-’ nunjukkan bahawa ALLAH itu Maha Melihat, dan bahawa melihat ALLAH itu adalah kepada semua makhluk serta tidak terbatas oleh sesuatu sama ada di dalam gelap atau terang, yang kecil mahupun yang besar, yang dekat mahupun yang jauh.

Hikmah Berkeyakinan ALLAH Maha Melihat

Dengan kefahaman mengenai sifat melihat yang wajib bagi ALLAH ini, tentunya kita akan berasa yakin betapa setiap perbuatan kita dapat dilihat oleh ALLAH SWT. Keyakinan kita ini tentu akan memberi kesan kepada jiwa, fikiran dan sikap kita. Dan kalau benar-benar keyakinan ini tertanam di dalam jiwa kita, maka kita akan menyusun seluruh hidup kita, makan minum, rumahtangga, pergaulan, masyarakat, perjuangan dan jihad, ekonomi dan lain-lain aspek hidup, sesuai dengan apa yang kita faham tentang ALLAH itu Maha Melihat.

Pendek kata, kita berbuat semua perintah ALLAH sesuai dengan ALLAH itu Maha Melihat dan kita me;’ ninggalkan semua larangan juga sesuai dengan ALLAH itu Maha Melihat. Demikianlah kesan dari keyakinan kita bahawa ALLAH itu Maha Melihat. Kita akan bexfikir dan bertindak selaras dengan syariat. Hidayah yang kita perolehi dari ALLAH SWT akan selari dengan taufiq-Nya.

Ertinya apa yang ada di dalam fikiran kita dapat mendorong kita bertindak bertepatan dengan syariat.

Inilah keutamaan kita belajar tauhid. Ilmu ini bukan untuk disimpan di dalam akal fikiran saja dan bukan juga untuk dibahaskan dan disyarahkan saja, tetapi untuk menambah keyakinan kita hingga kita bertindak mengikut apa yang kita faham dan yakini itu.

Cuma apa yang kita rasa pelik pada diri kita ini ialah, mengapa kita masih banyak buat maksiat dan kemungkaran sedangkan kita sudah belajar semua sifat ALLAH. Kita sudah tahu ALLAH itu wujud, qidam, baqa' dan seterusnya.' Bukan sekadar kita tahu ringkas-ringkas, malah kita sudah belajar secara terperinci hingga kita boleh bahaskan sifat-sifat ALLAH itu. Mengapakah sesudah kita benar-benar mengenal ALLAH demikian, kita masih mahu melakukan maksiat dan kemungkaran seperti berdusta, mengumpat, berbohong, hasad dengki, gila dunia, gila puji, melihat maksiat, mendedah aurat, bergaul bebas dan lain-lain bentuk maksiat? Hati kita tidak pula terdorong untuk berbuat apa yang ALLAH perintahkan. Kalau ada pun sedikit-sedikit saja. Lebih banyak maksiat dari kebaikan.

Sebenarnya, kita belum lagi mendapat hakikat kenal ALLAH dengan ertikata yang sebenar-benarnya. Ilmu yang telah kita pelajari itu baharu setakat ilmu di fikiran sahaja. Kita belum dapat hakikat kenal ALLAH yang disebut sebagai makrifah. Pengertian makrifah dengan ilmu jauh bezanya. Kalau kita tahu ALLAH hanya secara ilmu sedangkan ilmu ini tempatnya di dalam akal, maka kita baru tahu atau kenal ALLAH secara akal, belum mengenal-Nya dengan hati. Dan ini juga bererti, kita belum mengenal ALLAH pada fungsinya yang sebenar.

Untuk peringatan kita, fungsi kenal yang sebenarnya ialah pada hati dan roh. Jadi, yang kenal dengan ALLAH

itu ialah roh, bukannya akal. Sebab, asal mula jadinya lag-i, roh memang sudah kenal dengan ALLAH. Sebelum roh dimasukkan oleh ALLAH di dalam tubuh kasar kita, ALLAH bertanya lebih dahulu kepada roh, seperti dalam firman-Nya:

Terjemahannya: ***(Wahai roh) Bukankah Aku ini Tuhan kamu ? Mereka menjawab: Ya! Kami naik saksi bahawa Kamu adalah Tuhan kami.***

(Al A'raf 172)

Jelas bahawa roh memang sudah kenal dengan ALLAH sejak mula dijadikan. Tetapi apabila ia dimasukkan ke tubuh kasar manusia, roh atau hati kita ini mulai kabur kerana tubuh kasar kita dipengaruhi oleh berbagai-bagai unsur. Apabila hati kabur, ia sudah tidak begitu kenal dengan ALLAH lagi. Yang kenal hanya akal sahaja. Atas dasar ilmu, akal kenal dengan ALLAH; kenal wujudnya ALLAH, ALLAH itu bersifat qidam, baqa dan lain-lainnya. Malangnya, hati belum kenal.

Kenal ALLAH Dengan Mata Hati

Walau alim bagaimana sekalipun seseorang itu, tetapi kalau dia baru mengenal ALLAH pada peringkat akal, dia masih tidak mampu melaksanakan perintah ALLAH sungguh-sungguh. Sebab itu dia mesti kenalkan semula hatinya dengan ALLAH sepertimana mula-mula ia dijadikan.

Apabila hati sudah dikenalkan semula dengan ALLAH, barulah hati mendorong kita melaksanakan sungguh-sungguh perintah ALLAH dan menjauhi semua larangan-Nya. Jadi, ketika itu barulah kita berbuat selaras

dengan pengetahuan kita tentang sifat-sifat ALLAH. Inilah yang dikatakan kenal ALLAH secara *'ainul yaqin,* iaitu kenal dengan mata hati.

Kalau kita sekadar mengenal ALLAH melalui akal, itu baru dikatakan mengenal secara *ilmul yaqin.* Ilmu yang ada pada kita itu sudah dapat mengesahkan iman kita dan cukup sebagai permulaan untuk mengenal ALLAH dengan sebenar-benarnya. Tetapi, tentunya tidak cukup kalau kita hanya memiliki iman yang sah sahaja. Perlu pula kita tebalkan iman, memperdalamkannya agar menjadi kuat dan kukuh. Kerana itu hendaklah kita usahakan daripada kenal ALLAH dcngan ilmu kcpada peringkat kenal dengan hati dan roh pula.

Tiga Cara Mengenal ALLAH

Sebagai pengetahuan kita, mengenal ALLAH SWT ini ada tiga cara.

1. Mengenal ALLAH Tanpa Huraian

Cara yang pertama ialah mengenal ALLAH tanpa ada huraian. Dia kenal ALLAH begitu sahaja tanpa kenal sifat-sifat-Nya. Inilah pengenalan orang-orang kafir terhadap ALLAH SWT. Ini difirmankan oleh ALLAH di dalam Quran:

وَلَئِن سَأَلْتَهُم مَّنْ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ ٱللَّهُ

Terjemahannya: *(Wahai Muhammad) jika kamu tanya kepada orang-orang kafir itu, siapakah yang menjadikan langit dan bumi ini, maka dengan tegasnya mereka akan menjawab, ALLAH-lah.*

(Luqman: 25)

Fahamlah kita bahawa orang-orang yang bukan Islam itu pun kenal juga dengan ALLAH, dan mereka juga percaya, ALLAH-lah yang menjadikan langit dan bumi ini. Tetapi mereka kenal ALLAH bukan melalui sifat-sifat-Nya. Kalau kita katakan yang ALLAH itu wujud, qidam, baqa dan lain-lainnya, mereka tidak akan dapat memahaminya. Kalau demikian, sedikit sangat pengenalan mereka kepada ALLAH. Maka ia belum sampai kepada peringkat sah.

2. Mengenal ALLAH Dengan akal

Cara kedua mengenai ALLAH ialah melalui akal dan melalui ilmu pengetahuan. Pada peringkat ini, kita kenal ALLAH dengan ilmu yang lengkap dengan dalil-dalil dan bukti sama ada dalil aqli atau naqli walaupun secara ijmali (secara rangkuman), melalui sifat-sifat 20 yang wajib bagi ALLAH SWT. Dan mengenal ALLAH pada peringkat ini, barulah sampai kepada peringkat mengenal ALLAH yang sah. Inilah yang dikatakan peringkat iman ilmu. Peringkat iman demikian belum mempunyai kekuatan dan ia tidak akan dapat mendorong seseorang untuk melaksanakan perintah ALLAH serta menjauhi larangan-larangan-Nya dengan sungguh-sungguh.

3. Mengenal ALLAH Dengan Mata Hati

Cara yang ketiga ialah mengenal ALLAH sampai ke peringkat hati atau roh. Ini yang dikatakan mengenal ALLAH dengan mata hati dan ini jugalah yang dikatakan jiwa tauhid. Iman pada peringkat ini ialah iman yang kukuh dan teguh. Peringkat iman ini dinamakan peringkat iman ayan.

Jadi, bagi kita yang sudah dapat mengenal ALLAH pada peringkat akal, hendaklah kita usahakan sungguh-sungguh supaya kiia dapat mengenal-Nya dengan mata hati pula. Ertinya, hendaklah kita usahakan untuk memiliki iman ayan.

Dalam hal ini kita perlu perbanyakkan mujahadah terhadap hawa nafsu (mujahadatunnafsi). Kita juga perlu bermujahadah dengan syaitan. Di samping itu, kita juga mesti cuba melaksanakan semua ibadah yang wajib dan memperbanyakkan ibadah yang sunat, berdoa, berwirid dan berzikir serta lain-lainnya. Kita kerjakan ibadah-ibadah itu sampai ia memberi kesan kepada hati. Apabila ibadah-ibadah atau wirid dan zikir kita berbekas pada hati, akan lahirlah sifat-sifat sabar, redha, zuhud, senang melaksanakan syariat, mudah menjauhi larangan, tak takut berhadapan dengan ujian dan sebagainya. Sifat-sifat ini akan membentuk peribadi yang cantik dan hebat.

Inilah kesan daripada banyak bermujahadah dengan nafsu dan syaitan di samping banyak beribadah. Dengan itu, janganlah kita melakukan ibadah-ibadah itu semata-mata kerana hendakkan fadhilatnya sahaja. Kita perhatikan betapa orang-orang yang hanya mengharapkan fadhilat sanggup berwirid dan berzikir beratus-ratus ribu kali tetapi wirid zikirnya itu tidak memberi kesan kepada jiwanya. Akibatnya, peribadinya tidak berubah.

Amalan Umpama Ubat Merawat Jiwa

Sebab itulah dalam kita melakukan ibadah-ibadah tambahan seperti ibadahibadah yang sunat, kita mestilah melakukan ibadah-ibadah yang benar-benar kita faham dan mampu melakukannya. Katalah kita tidak mampu memperbanyakkan sembahyang sunat kerana letih dan sebagainya, kita boleh membanyakkan doa atau wirid

atau zikir. Kemudian kita amalkan benar-benar hingga terasa ke dalam jiwa kita.

Dalam hal ini, **Imam Ghazali rahimahullahu taala** berkata betapa kalau kita ada membuat amalan tambahan sama ada sembahyang sunat, berwirid dan berzikir yang bermacam-macam bentuk, cuba perhatikan amalan-amalan itu. Mana satu yang benar-benar memberi kesan kepada roh dan jiwa kita, amalan itulah yang perlu di-diperbanyakkan. Ini adalah kerana, tujuan kita berwirid, berzikir dan melakukan lain-lain amal adalah untuk mengingati ALLAH hingga terasa kepada hati. Bila hati benar-benar mengingat ALLAH, maka hati itu akan mendorong kita melaksanakan segala perintah-Nya.

Umpamanya, kalau membaca subhanallah boleh memberi kesan kepada jiwa kita, maka bacalah ia banyak-banyak. Dengan kita membaca ia banyak-banyak, maka akan kuatlah hati kita.

Yang malangnya di akhir zaman ini, ramai juga orang yang berwirid dan berzikir tetapi amat. sedikit yang faham akan fungsi wirid dan zikir itu. Sebab itulah mereka sekadar membacanya begitu saja tetapi amalan itu tidak memberi kesan kepada jiwa. Kadang-kadang kita dapati lebih banyak mereka berwirid dan berzikir, lebih ramai orang benci. Apakah sebabnya? Ini adalah kerana, mereka yang banyak wirid zikir itu tadi, hasad dengkinya masih bersarang; sombong, ujub, riyak dan gila dunia masih ada lagi di dalam diri, manakala maksiat pula makin bertambah-tambah. Sebab itulah makin banyak dia berwirid, makin dia dibenci orang.

Oleh itu, kata-kata Imam Ghazali tadi hendaklah dijadikan panduan dalam kita beramal. Mana-mana amal yang boleh mendatangkan kesan kepada hati kita hingga berkesan pula kepada peribadi kita, maka amalan itu kita perbanyakkan. Samalah seperti kita mencuba berbagai

jenis ubat untuk sesuatu penyakit. Manakala kita mendapat ubat yang tepat dan yang boleh memberi kesan kepada penyakit kita, maka ubat itulah yang kita kekalkan memakannya.

Wirid zikir adalah untuk mengubat penyakit batin atau jiwa. Mana-mana yang benar-benar dapat memberi kesan kepada hati, bererti itulah yang telah dapat meng ubat hati kita. Maka amalan itulah yang mesti kita perbanyakkan.

Kesimpulannya, hasil daripada bermujahadah melawan nafsu dan syaitan di samping kita membuat amal-amal hingga dapat memberi kesan kepada hati, maka kita telah membawa pengenalan kita dengan ALLAH kepada peringkat ***ainul*** yaqin. Masa itu kita telah menjadi seorang Muslim yang sebenar-benarnya. Kita akan menjadi orang Muslim yang baik. Kalaupun tidak sampai kepada peringkat muqarrobin, tetapi kita akan menjadi orang yang sole h.

Taraf Orang Soleh

Golongan orang soleh ialah taraf yang baik juga di Akhirat kelak. Bolehlah kita ibaratkan di dunia ini sebagai seorang pekerja ***Division*** Three. Jadi, kalau kita dapat mengenal ALLAH dengan mata hati, sekurang-kurangnya kita mendapat darjat orang-orang soleh, kalaupun tidak golongan muqarrobin dan golongan ***bighaidhisab.*** Golongan orang-orang soleh ini adalah juga golongan ***Muflihun*** atau golongan ***Abrar*** atau golongan ***Ashabul Yamin.***

Mengenai orang yang mengenal ALLAH dengan hati, ada satu kisah yang berlaku di zaman Sayidina Umar Al Khattab menjadi khalifah. Suatu hari, sedang beliau

berjalan-jalan, beliau ternampak seorang budak gembala kambing. Umurnya sekitar 13 atau 14 tahun.

Sayidina Umar ingin menguji budak itu, lalu berkata kepadanya, "Wahai budak, bolehkah kamu jualkan kambing gembalaan kamu ini kepada aku. Sekiranya tuan engkau tanya ke mana perginya kambing itu nanti, maka katakan sajalah kepadanya yang kambing itu sudah dimakan serigala, Bukan dia tahu."

Budak itu terus menjawab, "Ya Amirul Mukminin, aku tidak boleh berbuat demikian kerana walaupun tuan aku tidak nampak tetapi Tuhan tetap nampak."

Demikian budak yang sekecil itu boleh berkata kepada Sayidina Umar betapa hatinya dapat merasakan bahawa perbuatannya itu tidak terlepas daripada penglihatan ALLAH SWT. Memang tidak hairanlah bag-i kita, walaupun si gembala kambing itu seorang budak tetapi hatinya begitu kenal dengan ALLAH, kerana hidupnya di zaman para Sahabat. Imannya begitu teguh dan kuat sekali. Tidak macam kita di zaman ini sudah tua bangka pun masih lagi lemah iman.

Satu lagi peristiwa berlaku di zaman Bani Israil. Ada seorang perempuan lacur. Rumahnya di tepi jalan. Dan rumah itu pula sentiasa dibukakan pintunya seluas-luasnya. Dia meletakkan sebuah katil betul-betul di tengah rumahnya itu. Perempuan itu sentiasa duduk di atas katilnya itu dan sentiasa bersolek cantik-cantik. Dengan itu siapa saja yang lalu di situ akan terperangkap.

Suatu hari, lalu seorang soleh. Dia benar-benar soleh Apabila dia lalu di hadapan rumah perempuan itu, dia pun ternampak akan perempuan lacur itu sedang bersolek. Bergegar imannya hingga Iikirannya bercelaru. Kemudian dilihatnya perempuan itu menggamitnya. Dia pun terus menghampiri rumah itu. Didekatinya pintu

rumah perempuan itu. Makin cemaslah imannya sedangkan dia seorang yang soleh. ALLAH ada menggambarkan bahawa orang 'soleh ini ada juga ketikanya dia lalai. Cuma orang muqarrobin saja yang tidak lalai.

Namun demikian, lalai orang soleh adalah sedikit sangat. Orang soleh tadi, dia sudah lalai sampai ke pintu. Ketika itu hatinya agak kabur sedikit. Setelah hampir-hampir hendak jadi, ertinya hampir-hampir dia hendak terjerumus ke dalam perigi ALLAH selamatkan dia. Ketika itu dia tersentak dan ingat kembali kepada ALLAH SWT. Dia pun meninggalkan perempuan itu.

Inilah kekuatan ainul yaqin. Seseorang itu, kalau telah dapat mengenal ALLAH dengan mata hatinya, dengan secara automatik, perbuatan terlarang yang hendak dilakukannya itu boleh berhenti. Tetapi kalau sekadar akal saja yang kenal ALLAH, kita tidak mampu mengawal nafsu yang hendak melakukan maksiat. Roh saja yang mampu lawan nafsu tetapi akal tidak.

Satu lagi peristiwa ialah mengenai seorang perempuan soleh yang hidupnya begitu miskin dan menderita. Dia pula terpaksa menyara hidup beberapa orang anaknya yang sudah lama ditinggalkan oleh bapanya. Tegasnya dia seorang janda. Perempuan ini duduk berjiran dengan seorang kaya.

Sungguhpun perempuan itu seorang yang susah dan miskin, namun dia tidak keluar rumah untuk pergi bekerja dan sebagainya. Begitulah seorang perempuan yang soleh di zaman itu. Berlainan dengan zaman ini, perempuan lebih ramai keluar rumah dari lelaki. Lebih ramai mereka yang bekerja mencari makan daripada lelaki. Sebab itu di sesetengah tempat, banciannya menunjukkan kadar satu lelaki, dua puluh perempuan. Ini berlaku di Sungai Way, Selangor seperti yang pernah dipaparkan di dalam suratkhabar.

Berbalik kepada cerita wanita tadi, dalam keadaan yang semakin lama semakin susah, lebih-lebih lagi apabila melihat anaknya turut menderita, dia pun terdorong untuk pergi berjumpa dengan jirannya yang kaya itu untuk meminta bantuan. Jirannya pula mengambil peluang di atas kesusahan perempuan itu dan memberi pengakuan bahawa dia bersedia menolongnya dengan syarat perempuan itu menyerahkan dirinya.

Kerana memikirkan anak-anaknya yang kelaparan, perempuan itu pun menyatakan persetujuan. Jirannya itu pun datanglah ke rumah perempuan itu untuk. menghantarkan bantuannya dan menuntut syarat yang telah ditetapkan. Sampai di rumah perempuan itu, apabila sudah hendak jadi, lelaki tersebut menyuruh perempuan itu menutup semua pintu dan tingkap. Perempuan itu pun menutup semua pintu dan tingkap sehingga tidak ada yang tinggal. Dalam pada itu perempuan itu pun berkata kepada lelaki jirannya:

'Tuan, semua pintu dan tingkap telah habis ditutup kecuali satu pintu saja lagi. Pintu itu, tuanlah yang menutupnya. Kalau tuan tidak dapat menutupnya, saya tidak sanggup melakukan permintaan tuan."

Jirannya itu pun bangun dan mencari-cari pintu yang dikatakan oleh perempuan itu. Puas dicarinya tetapi tidak juga berjumpa.

"Tidak ada lagi pintu yang tidak tertutup," jawab lelaki itu.

"Ada," balas perempuan itu. "Pintu ini memang susah hendak tuan tutup kerana saya juga tidak boleh menutupnya. Pintu ini ialah pintu dari pandangan ALLAH SWT. Kalau tuan boleh menutup pintu pandangan ALLAH SWT itu, maka saya sedia melakukan permintaan tuan itu," jawab perempuan itu lagi.

Mendengar kata-kata perempuan itu, lelaki tadi tersentak kerana begitu takut sekali bila disebut tentang ALLAH SWT. Ser'ta-merta dia terus insaf dan beriman serta meminta maaf.

Demikian kita digambarkan tentang jiwa seorang soleh yang kenal dengan ALLAH. Kerana imannya yang begitu kuat, cakapnya sahaja boleh menyedarkan orang yang sudah berniat jahat pada dirinya hingga orang itu turut beriman sama. Bermakna perempuan itu yang hatinya kenal dengan ALLAH, bercakap pun dengan hatinya. Kerana itu cakapnya itu begitu berkat hingga boleh menginsafkan orang yang sudah begitu jahat dan rakus.

Ini jelas menunjukkan betapa kekuatan jiwa adalah luar biasa. Sebab itulah, kalau kita mempunyai kekuatan jiwa, mudah sahaja kita mendidik anak dan isteri, mudah mendidik masyarakat dan mudah juga mendidik umat.

Bila kita bercakap dari hati kita, maka cakap-cakap itu juga akan jatuh ke hati orang yang mendengar. Tetapi kalau kita bercakap hanya melalui mulut, maka cakap kita itu akan jatuh ke mulut sahaja. Maksudnya, cakap kita itu akan menjadi buah mulut pendengar saja.

"Sedap betul ceramah dia tu. Hebatl Hebat!" Demikian saja nilaian orang yang mendengar. Namun, cakap kita itu tidak juga boleh mengubah masyarakat. Hanya menjadi buah mulut orang.

Tetapi kalau kita bercakap dari hati, maka ia juga akan melekat ke hati orang yang mendengar hingga dapat memberi kesan kepada dirinya dan boleh pula membawa kesedaran. Kerana itu, amat penting sekali untuk kita miliki kekuatan jiwa, iaitu dengan berusaha sungguh-sungguh untuk mengenal ALLAH melalui hati.

Dengan demikian, kita akan kenal ALLAH pada peringkat ainul yaqin, bukan di peringkat ilmul yaqin sahaja.

BAB 18

AL KALAM

SYANG ketiga belas Al Kalam. Ertinya berkata-kata Tuhan tidak dengan bermulut, tidak dengan suara atau. sebagainya sebagaimana berkata-kata makhluk. Hakikatnya ialah satu sifat yang tetap ada, yang qadim lagi azali, berdiri pada zat Tuhan. Dengan dia menunjukkan apa-apa yang diketahui oleh Ilmu daripada yang wajib seperti firman Tuhan:

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنَا۠

Ertinya: ***Tiada Tuhan melainkan Aku.***

(An Nahl: 2)

Dan daripada yang mustahil seperti firman-Nya:

قَالُوٓاْ إِنَّ ٱللَّهَ ثَالِثُ ثَلَٰثَةٍ

Ertinya: ***Kata orang nasrani bahawasanya ALLAH yang ketiga daripada yang tiga.***

(Al Maidah: 73)

Dan daripada yang harus seperti firman Tuhan:

وَٱللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ

Ertinya: ***Bermula ALLAH yang menjadikan kamu dan barang perbuatan kamu.***

(As Soffat: 96)

Maka kalam ALLAH Taala itu satu sifat jua, tiada berbilang tetapi ia berbagai-bagai. Apabila dipandang dari segi perkara yang dikatakan iaitu jika ia menunjuk kepada suruh, dinamakan ‘Amr’ (suruh) seperti tuntutan mengerjakan puasa. Jika ia menunjuk kepada tegahan atau larangan, di namakan ‘Nahi’ (tegahan) seperti tegahan

main judi, dan jika menunjuk kepada berita dinamakan 'Khabara' (cerita) seperti riwayat Firaun memperbuat begian-begian. Jika menunjuk kepada janji iaitu dinamakan 'Wa'da' (janji) seperti orang taat dapat balasan Syurga dan jika menunjukkan kepada ugutan dinamakan 'Wa'id' (janji) balas seksa) seperti orang yang mendurhaka itu dibalas dengan azab.

Pengertian Sifat Al Kalam

ERTI Al Kalam di dalam bahasa kita ialah "berkata-kata". Yang dimaksudkan dengan berkata-kata bagi ALLAH di sini ialah bahawa ALLAH SWT itu berkata-kata dengan tidak menggunakan mulut, tidak bersuara sepertimana makhluk dan tidak juga dengan berlafaz atau berhuruf. Dan berkata-kata ALLAH juga tidak ada yang dahulu dan tidak ada yang kemudian, tidak bermula dan tidak berakhir. Jadi, berkata-katanya ALLAH SWT tidak serupa dengan segala makhluk.

Kalaulah sifat berkata-kata ALLAH SWT serupa dengan makhluk yang berkata-kata dengan menggunakan mulut, ada lafaz dan kalimah, ada dahulu dan ada kemudian serta ada permulaan dan ada kesudahan, maka dengan sendirinya akan ternafilah sifat *Mukhalufutuhu Taala Lil Huwudisi* iaitu bersalahan ALLAH itu dengan segala yang baharu. Sedangkan sifat Mukholafatuhu Taala Lil Hawadisi ini adalah sifat yang wajib bagi ALLAH SWT.

Dan sekiranya kita mengatakan yang ALLAH SWT itu berkata-kata sepertimana makhluk, maka sudah samalah pula ALLAH dengan segala yang baharu. Dan kalau ALLAH itu sama dengan segala yang baharu, maka ALLAH juga sifat-Nya baharu. Kalau ALLAH bersifat baharu, tentulah ALLAH itu dijadikan kerana segala yang baharu adalah dijadikan dan ada yang menjadikan. Kalau

ALLAH ada yang menjadikan, berertilah ALLAH itu ada permulaan dan ada kesudahan. Daripada pengertian ini, akan ternafilah pula beberapa sifat ALLAH yang lain.

Kalau ALLAH dijadikan dan ada yang menjadikan, dengan sendirinya ALLAH lemah, dan ini akan menafikan sifat Qudrah bagi ALLAH SWT. Kalau ALLAH dijadikan dan ada yang menjadikan juga, tentulah ALLAH ada permulaan dan ada kesudahan. Ini akan menafikan pula sifat Qidam bagi ALLAH SWT.

Oleh yang demikian, wajiblah kita mempercayai dan meyakini sungguh-sungguh bahawa ALLAH itu sifatnya berkata-kata. Tetapi, berkata-katanya ALLAH SWT tidak serupa dengan makhluk; tidak memerlukan mulut, tidak berlafaz, tidak ada kalimah, tidak ada dahulu dan tidak ada kemudian serta tidak ada permulaan dan tidak ada kesudahan.

Jadi, kalaulah demikian keadaan Kalamullah atau sifat berkata-kata bagi ALLAH, tentu kita ingin mengetahui hakikatnya. Tetapi, hanya ALLAH sahaja yang mengetahuinya. Kerana, kalau kita bahas-bahaskan sifat ini hingga kita dapat mengetahuinya, maka itu adalah tanda bahawa kita tidak mengetahuinya. Ertinya, sesiapa yang mengetahui bagaimana hakikat berkata-kata ALLAH SWT ini, sebenarnya dia orang yang tidak mengetahui. Dan barang siapa yang tidak dapat mengetahui hakikat berkata-kata bagi ALLAH SWT, dia itulah sebenarnya orang yang mengetahui.

Ertinya, kalau kita bahas-bahaskan sifat berkata-kata bagi ALLAH ini, hingga kita tidak dapat mengetahui hakikatnya, maka itulah sebenarnya yang dikatakan mengetahui. Jadi, kalau ditanya bagaimana hakikat berkata-kata ALLAH SWT ini, jawabnya: *wallahu a'lam.* ALLAH sahaja Yang Maha Mengetahui.

Cuma daripada pengetahuan yang kita perolehi daripada pengajian-pengajian tauhid, sekiranya ada hujah-hujah membawa kepada penyerupaan ALLAH dengan makhiuk, maka kita dapat menolaknya. Sebarang bentuk hujah yang hendak menyerupakan sifat berkata-kata ALLAH SWT dengan makhluk, terus kita tolak bulat: bulat.

Pengertian tadi tentunya akan menimbulkan persoalan. Iaitu, oleh keiana ALLAH berkata-kata dengan tidak bersuara, berlafaz dan berkalimah serta tidak ada dahulu dan tidak ada kemudian, bagaimana pula halnya dengan Al Quran? Bukankah Al Quran itu Kalamullah? Sedangkan Al Quran itu berhuruf dan berlafaz serta bila dibaca, mengeluarkan suara. Kemudian ada dahulu dan ada pula kemudian. Bagaimana pula dengan hal ini?

Untuk menjawabnya, perlu kita ingat di sini bahawa Kalamullah yang disebutkan di dalam Al Quran itu adalah terjemahan sahaja. Al Quran yang ada pada kita, yang boleh dibaca dan ada lafaznya, adalah terjemahan bagi Kalamullah yang ada pada azali lagi, yang hakikatnya kita tidak tahu.

Kalamullah yang ada pada azali itulah yang tidak berhuruf, tidak berlafaz, tidak berpermulaan dan tidak ada kesudahan. Itulah Kalamullah atau kata-kata ALLAH SWT yang sebenarnya, bukan pada Al Quran yang kita simpan di rumah-rumah dan boleh kita baca itu. Kalau kita katakan bahawa Kalamullah yang sebenarnya ialah pada Al Quran, akan tersesatlah kita.

Hakikat Sifat Al Kalam

Pengertian sebenar bagi Kalamullah ini ialah suatu sifat yang wajib ada serta yang qadim lagi azali yang berdiri pada zat ALLAH SWT. Qadim lagi azali, sepertimana yang telah kita bahaskan, ia tidak bermula dan ia ber-

diri pada zat ALLAH SWT. Manakala zat ALLAH SWT itu adalah Qidam iaitu tidak bermula kerana wujudnya ALLAH SWT itu tidak ada siapa yang menjadikan. Oleh kerana sifat ALLAH SWT yang di antaranya ialah sifat Kalam, adalah berdiri pada zat ALLAH SWT, maka dengan sendirinya sifat ALLAH juga qadim lagi azali iaitu tidak bermula.

Pengertian ringkasnya ialah, semua sifat yang ada pada ALLAH SWT adalah berdiri pada zat-Nya. Manakala zat ALLAH SWT itu pula adalah qadim lagi azali, iaitu tidak bermula, maka sifat ALLAH SWT juga tentulah qadim lagi azali serta tidak bermula. Dan oleh kerana Kalamullah adalah di antara sifat-sifat yang wajib kita pelajari dan ia terdiri pada zat ALLAH SWT, maka sifat Kalamullah ini adalah qadim lagi azali dan ia tidak bermula.

Huraiannya

Kemudian, daripada sifat Kalamullah inilah maka adanya ilmu pengetahuan berhubung dengan yang wajib, yang mustahil dan yang harus. Jadi, kita tahu tentang yang wajib, yang mustahil serta yang harus adalah kerana adanya Kalamullah atau oleh kerana adanya ALLAH itu berkata-kata tentang yang wajib, yang mustahil dan yang harus.

ALLAH ada memperkatakan tentang yang wajib seperti Ia memperkatakan tentang diri-Nya. Di dalam Al' Quran, ALLAH ada berfirman:

أَنَا ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنَا۠

Terjemahannya: ***Akulah ALLAH tiada Tuhan. meluinkan Aku.***

('fhoha: 14)

Di sini ALLAH memperkatakan tentang diri-Nya iaitu zat-Nya sendiri. Dan diri ALLAH SWT itu sendiri adalah yang wajib. Ini dikatakan *wajibul wujud* atau wajib ada dan kita pula meyakini adanya.

Di dalam ayat yang lain di dalam Al Quran ALLAH ada berkata:

Terjemahannya: *Katalah olehmu (ya Muhammad): "Dialah ALLAH Tuhan yang esa. ALLAH tempat bersandarnya seluruh makhluk. Dia tidak beranak dan tidak diperanakkan, dan Dia tidak serupa dengan sesuatu."*

(Al Ikhlas: 1-4)

Ini Kalamullah yang menceritakan tentang diri dan zat ALLAH. Kita wajib mempercayainya kerana Kalamullah ini adalah tentang yang wajib. Iaitu wajib kita mempercayai ALLAH itu esa dan ALLAH itulah tempat kita meminta dan tempat kita bersandar. ALLAH itulah tempat menunaikan segala kehendak makhluk ini. Kemudian, wajib kita mempercayai ALLAH itu tidak beranak dan tidak pula diperanakkan. Dan wajib pula kita mempercayai bahawa ALLAH itu tidak serupa bag-i sesuatu.

Di dalam Al Quran terdapat banyak Kalamullah yang menunjukkan tentang yang wajib. Seperti firman-Nya:

وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Terjemahannya: *ALLAH Maha Mendengar Lagi Maha Mengetahui.*

(At Taubah: 98)

Dan firman ALLAH lagi:

وَأَنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ بَصِيرٌ

Terjemahannya: ***ALLAH Maha Mendengar Lagi Maha Melihat.***

(Al Haj: 61)

Di sini kita dapati ALLAH memperkatakan tentang diri-Nya mendengar dan melihat serta mengetahui. Wajib ALLAH itu mendengar, melihat dan mengctahui.

Seterusnya ALLAH berfirman:

هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ

Terjemahannya: ***Dia adalah ALLAII yang hidup lagi berdiri dengan sendirinya.***

(Ali Imran: 2)

Dengan Kalamullah ini, wajib kita mempercayai ALLAH itu hidup dan ALLAH Taala itu Qayyum atau berdiri dengan sendirinya. Di dalam kitab dikatakan ALLAII SWT itu ***Qiamuhu Taala Binafsihi*** ALLAH itu maha berdiri dengan sendirinya.

Itulah di antara sekian banyak Kalamullah yang menunjukkan soal-soal yang wajib.

Kalamullah Menjelaskan Perkara Mustahil

Selain menunjukkan tentang yang wajib, Kalamullah juga ada menunjukkan kita tentang yang mustahil. Ertinya, ALLAH ada menceritakan kepada kita melalui Kalam-Nya tentang perkara yang tidak akan berlaku dan yang mustahil berlaku. Akal juga tidak mahu menerima akan berlakunya perkara itu. Umpamanya, di dalam Al Quran,

ALLAH ada menceritakan satu tuduhan orang nasrani (kristian) melalui ayat yang berbunyi:

Terjemahannya: *Mereka berkata: Sesungguhnya ALLAH itu adalah tuhan ketiga daripada yang tiga.*
(Al Maidah: 73)

Orang-orang nasrani menuduh ALLAH itu tiga juzuk atau tiga *uknum*. Mereka mengatakan bahawa satu menepati tiga dan tiga menepati satu, atau yang diistilahkan oleh mereka sebagai *trinity*. Mengikut hujah mereka, semuanya ada tiga; tidak sempurna yang satu kalau tidak ada yang dua lagi dan tidak sempurna yang dua kalau tidak ada yang satu. Dan kata mereka, satu itu tiga dan tiga itu satu. Tetapi, berdasarkan hukum akal pun, kita tidak dapat menerima perkara ini. Kalau satu, akal tentu menerimanya satu dan kalau tiga pula, akal juga tentu menerimanya sebagai tiga. Masakan akal kita boleh menerima satu itu tiga dan tiga itu satu (hukum *trinity* orang kristian).

Kalau pada hukum akal pun hujah seperti itu sudah tertolak, maka betapalah kalau kita bahaskan menurut hukum syariat. Tetapi orang-orang kristian tetap mempertahankannya kerana mereka sudah terlalu fanatik dengan agama mereka dan telah menganuti keyakinan itu turun-temurun. Walaupun keyakinan itu sudah tidak lojik lagi sama ada dari segi falsafah mahupun dari segi mantik dan juga syariat, mereka mati-mati mempertahankan nya. Mereka sudah buta dengan fahaman karut mereka tentang *trinity* itu hingga kebenaran pun mereka tidak nampak lagi. Dengan konsep *trinity* itu, orang-orang kristian percaya tuhan itu bapa, tuhan itu anak dan tuhan itu roh kuddus.

Dan dalam hal ini ALLAH ada memberitahu melalui Kalam-Nya tentang mustahilnya perkara ini. Iaitu mustahil ALLAH itu dua atau tiga atau sebagainya. Tidak akan mahu akal menerima Tuhan itu dua, tiga dan lebih. ALLAH hanya satu sepertimana yang ALLAH sebutkan , di dalam Surah ***Al Ikhlas*** tadi.

Jadi ayat 73 Surah ***Al Maidah*** tadi adalah Kalamullah yang menceritakan tentang yang mustahil iaitu amat tidak wajar sekali orang-orang kristian menuduh ALLAH itu tiga. Mereka telah melakukan satu pembohongan dan kemungkaran yang amat besar. Dan di dalam Al Quran, banyak lagi ayat dari Kalamullah yang menceritakan tentang perkara yang mustahil. Kalau di dalam ayat tadi, orang kristian menuduh bahawa ALLAH lebih dari satu, di dalam ayat lain ALLAH ada menceritakan tentang tuduhan orang yahudi pula,

Nampaknya, di dalam Al Quran pun ALLAH telah menunjukkan kepada kita betapa keduadua kristian dan yahudi ini sama-sama bersepakat atau bekerjasama kalau berhadapan dengan Islam. Manakala mereka lupa kepada Islam saja, baharulah mereka bercakaran sesama sendiri. Jadi, janganlah kita percaya sangat kepada kristian dan yahudi dan janganlah kita bersandar nasib dengan mereka. Kalau orang kristian ada tuduhannya kepada ALLAH dengan mengatakan ALLAH itu tiga, orang yahudi pula ada tuduhan mereka. Apakah tuduhan mereka yang ALLAH bentangkan di dalam Al Quran melalui Kalamullah?

Terjemahannya: ***Sesungguhnya ALLAH mendengar ungkapan mereka iaitu katanya: "ALLAH itu miskin sedangkan kamilah yang kaya."***

(Ali Imran: 181)

Begitu hebat sekali sifat sombong dan bongkaknya orang yahudi ini. Memang benarlah orang-orang yahudi digambarkan di dalam sejarah sebagai orang-orang kaya yang menuduh semua orang lain miskin-miskin, sehingga ALLAH pun mereka tuduh miskin. Memang biadab sungguh mereka. Kalamullah menceritakan kepada kita tentang mustahilnya tuduhan orang-orang yahudi yang mengatakan ALLAH itu miskin. Sedangkan ALLAH itu Maha Kaya dan kekayaan ALLAH tidak terbatas.

Kalamullah Menceritakan Perkara Harus

Melalui Kalamullah juga, ALLAH ada menceritakan kepada kita tentang perkara-perkara yang harus. Banyak sekali ayat yang menceritakan tentang perkara yang harus ini. Di antaranya ALLAH ada menyebut:

وَٱللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ

Terjemahannya: ***ALLAH-lah yang menjadikan kamu (manusia) dan apa yang kumu buat.***

(As Soffat: 96)

Di sini ALLAH menunjukkan kepada kita betapa ALLAH telah menjadikan manusia. Dan bukan pula wajib bag-i ALLAH untuk menjadikan manusia, tetapi harus sahaja. Kerana kalau wajib bag-i ALLAH untuk menjadikan manusia, tentulah ALLAH terpaksa menjadikan manusia. Kalau ALLAH terpaksa berbuat demikian, bererti ada yang memaksa-Nya. Dan ini juga bererti bahawa ada yang lebih gagah dari ALLAH. Mana boleh terjadi demikian.

Jadi, perbahasan kita menunjukkan bahawa tidak wajib bagi ALLAH menjadikan manusia. Hanya harus sahaja. Terpulanglah sama ada ALLAH hendak jadikan

atau tidak. Dan tidak boleh pula kita katakan mustahil ALLAH jadikan manusia kerana manusia sudah terjadi. Tidak mungkin tidak terjadi. Kerana itu, ALLAH menjadikan manusia ini bukan mustahil dan bukan pula wajib, tetapi harus sahaja. Ertinya, kalau ALLAH hendak jadikan, maka jadilah kita ini tetapi kalau ALLAH tidak mahu jadikan, tidak jadilah kita. Tetapi, kerana ALLAH telah memilih untuk menjadikan manusia, maka kita pun ada. Beruntunglah kita kerana telah dijadikan hingga dapat menikmati udara Tuhan, memijak bumi-Nya, melihat langit-Nya, memakan rezeki-Nya dan sebagainya. Cuma kebanyakan kita sahaja yang lupa Tuhan.

Di dalam ayat tadi, bukan sahaja kita yang ALLAH jadikan tetapi segala apa yang kita buat pun, ALLAH yang jadikan. Ertinya kerja kita, usaha kita, perjuangan serta jihad kita, semuanya dijadikan oleh ALLAH, dan hukumnya adalah harus sahaja bag-i ALLAH.

Jadi hendaklah kita faham bahawa bukan setakat diri kita ini saja yang ALLAH jadikan malah setiap perbuatan kita seperti tangan dan kaki yang kita gerakkan, mata yang melihat, telinga yang mendengar dan setiap usaha kita seperti mencari rezeki, makan minum, berpakaian, menyusun rumahtangga, berjuang dan berjihad, melagang ekonomi dan pendidikan serta lain-lainnya, semua itu juga ALLAH yang jadikan. Dan ini semuanya tidak wajib dan tidak mustahil bagi ALLAH menjadikannya, tetapi adalah harus sahaja'.

Di dalam ayat yang lain, ALLAH menceritakan:

Terjemahannya: *ALLAH yang mencipta langit dan bumi.*

(Ibrahim: 32)

ALLAH menceritakan betapa ALLAH telah menciptakan langit dan bumi yang begitu indah. Dan hal itu adalah harus sahaja bagi ALLAH, tidak wajib dan tidak juga mustahil. Tetapi oleh kerana ALLAH telah memilih untuk menjadikannya, maka terjadilah langit dan bumi hingga kita dapat bernaung di bawahnya dan berpijak di atas bumi.

Kemudian ALLAH berkata lagi melalui Kalam-Nya di dalam Al Quran:

Terjemahannya: ***Dialah ALLAH yang menjadikan bumi untuk kamu*** (manusia) ***sebagai hamparan.***

(Al Baqarah: 22)

Di sini ALLAH menyatakan yang bumi yang dijadikan-Nya itu adalah untuk manusia. Sebab itu di dalam ayat yang lain ALLAH berkata:

فَامْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِن رِّزْقِهِ

Terjemahannya: ***Berjalanlah di setiap pelosok bumi dan mukanlah daripada rezekiNya.***

((Al Mulk: 15)

Ertinya, kerana ALLAH telah jadikan bumi ini untuk manusia, maka kita disuruh-Nya berjalan di setiap pelosoknya, di setiap lurahnya, bukit-bukaunya, di sungai-sungainya, di daratan dan di lautannya, di tanah lapang dan di tanah hutannya, dan juga di mana saja. Kemudian, makanlah rezeki-rezeki yang ALLAH taburkan di setiap pelosok dan tempat itu.

Seterusnya, di dalam ayat yang lain, ALLAH ada menceritakan kepada kita lagi tentang perkara yang harus melalui Kalam-Nya:

Terjemahannya: ***Wahai manusia, Kami telah menjadikan kamu bermula daripada lelaki dun perempuan. kemudian Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku, supaya kamu berkenal-kenal di antara satu sama lain. Sesungguhnya yang paling mulia di antara kamu di sisi ALLAH ialah yang paling bertaqwa dikalangan kamu.***

(Al Hujurat: 13)

Di dalam ayat ini ALLAH menerangkan kepada kita betapa ALLAH jadikan manusia ini bermula daripada pertemuan antara lelaki dan perempuan, iaitu Nabi Adam as. dan isterinya Siti Hawa. Dari situ, berkembang biaklah manusia menjadi berbagai-bagai kaum dan puak. Timbul bangsa-bangsa yang berbagai rupa dan berbagai warna kulit. Ada bangsa Melayu, Cina, India, dan lain-lainnya. Ada yang bertubuh besar, ada yang kecil, ada yang bermuka lebar, ada yang bermuka bulat dan sebagainya. Kemudian ada yang berkulit putih, hitam dan sebagainya.

Tidak ada perbezaan di antara puak-puak dan kaum-kaum ini. Kerana itu, hendaklah manusia berkenal-kenal dan berkasih sayang antara satu sama lain, tanpa me ngira warna kulit. Walaupun tidak ada perbezaan di antara manusia yang dijadikan itu, namun kata ALLAH, yang paling baik di antara manusia ialah yang paling bertaqwa. Tidak kira dia hitam atau putih, Melayu atau India dan sebagainya. Di sisi ALLAH, orang yang paling bertaqwalah yang paling baik.

Jadi inilah juga perkara harus yang ALLAH telah jadikan. Tidak wajib bagi ALLAH menjadikan datuk kita

yang pertama iaitu Nabi Adam a.s. dan juga nenek kita yang pertama iaitu Siti Hawa yang dari situ berkembang biaknya manusia ini.Adalah harus saja bagi ALLAH. Dan tidak pula mustahil kerana kita ini sudah pun ALLAH jadikan.

Kemudian ALLAH ceritakan lagi melalui Kalam-Nya:

فَجَعَلْنَٰهُ سَمِيعًۢا بَصِيرًا

Terjemahannya: ***Kami telah menjadikan untuknya pendengaran dun penglihatan.***

(Al Insan: 2)

Di dalam ayat ini pula ALLAH menceritakan kepada kita bahawa ALLAH telah menciptakan manusia ini boleh mendengar dan melihat, dengan dikurniakan telinga dan mata. Ini pun harus sahaja bagi ALLAH. Kalau ALLAH hendak adakan kita bermata dan bertelinga, maka jadilah kita bermata dan bertelinga. Tetapi kalau ALLAH tidak mahu adakan itu semua, pun boleh juga. Tidak wajib untuk ALLAH menjadikannya dan tidak pula mustahil kerana ALLAH sudah memilih untuk menjadikan mata dan telinga itu untuk kita melihat dan mendengar.

Demikianlah kita diberitahu melalui Kalamullah tentang perkara-perkara yang wajib, yang mustahil serta yang harus. ALLAH telah menceritakan semua itu untuk pengetahuan kita.

Sifat dan Bentuk Kalamullah

Mengenai sifat dan bentuk Kalamullah, ia tidak berbilang-bilang. Tidak seperti makhluk macam kita; kata-kata kita adalah berbilang-bilang sama ada lafaznya mahupun hurufnya. Kalau kita sebut, “Saya hendak makan,” di

dalam sebutan itu saja kita dapati lafaznya berbilang, dan kemudian ada huruf pula yang juga berbilang. Sedangkan Kalamullah tidak demikian. Kalamullah hanya satu bentuk saja. Kalau demikian, maka akan timbul juga persoalan pada kita iaitu bagaimanakah bentuk Kalamullah itu?

Untuk menjawabnya, kita kembali kepada pengertian hakikat sebenar sifat-sifat ALLAH iaitu: *wallahu a'lam.* Kita tidak dapat mengetahui hakikat sebenarnya; hanya ALLAH yang mengetahuinya. Kita serahkan sahajalah kepada ALLAH SWT. Kita tidak tahu hakikat sebenar Kalamullah pada azali lagi. Cuma maksudnya, terjemahannya ataupun maknanya, itulah yang ada pada kita iaitu Kalamullah yang ada di dalam Al Quran.

Kemudian Kalamullah yang ada di dalam Al Quran itu, yang merupakan maksud atau terjemahan sahaja daripada Kalamullah yang ada pada azali lagi yang tidak berlafaz, tidak bersuara, tidak berbilang dan sebagainya, boleh diberi bermacam-macam nama mengikut kehendak Kalamullah itu sendiri. Umpamanya, kalau Kalamullah itu memperkatakan perintah suruh, ia dinamakan amar. Di dalam Al Quran, ada banyak sekali perintah yang dikatakan amar ini. Di antaranya:

وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ

Terjemahannya: *Dun dirikanlah sembahyang* dan *keluarkanlah rakat.*

(Al Baqarah: 43)

ALLAH juga memerintahkan:

وَٱرْكَعُوا۟ مَعَ ٱلرَّٰكِعِينَ

Terjemahannya: *Dan rukuklah bersama orang-orang yang rukuk.*

(Al Baqarah: 43)

Di antara Kalamullah berbentuk amar lagi ialah seperti:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱعْبُدُوا۟ رَبَّكُمُ ٱلَّذِى خَلَقَكُمْ وَٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ

Terjemahannya: ***Wahai manusia, sembahlah Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu dan Orang-orang yang sebelum kamu.***

(Al Baqarah: 21)

ALLAH menyuruh manusia menyembah ALLAH yang telah menjadikan mereka. Jangan menyembah ‘tuhan’ yang tidak menjadikan manusia iaitu ‘tuhan-tuhan’ palsu yang manusia cipta seperti tokong-tokong, patung-patung dan sebagainya. Semua itu bukan yang menjadikan jin dan manusia ini.

Kalamullah lain yang berbentuk ***amar*** ialah seperti:

وَٱسْتَعِينُوا۟ بِٱلصَّبْرِ وَٱلصَّلَوٰةِ ۚ

Terjemahannya: ***Mintalah pertolongan dari ALLAH dengan bersabar dan bersembahyang.***

(Al Baqarah: 45)

Ertinya, ALLAH memerintahkan kita supaya sentiasa meminta pertolongan dari-Nya dalam bersembahyang dan dalam bersabar. Sungguhpun nampak saja sembahyang itu mudah (bacaannya mudah, perbuatan berdiri, rukuk dan sujud pun mudah) tetapi ‘kalau ALLAH tidak bantu, kita akan merasa berat untuk bersembahyang. Mungkin kita sanggup membuat kerja-kerja berat tetapi tidak mampu untuk bersembahyang. Kerana itulah ALLAH perintahkan kepada kita supaya meminta pertolongan dari-Nya.

Umpamanya amat susah kita hendak bersabar bila orang kata kita dan bila berhadapan dengan penderitaan, dan susah juga hendak bersabar di dalam berjuang dan berjihad dan lain-lainnya. Kerana itu jugalah ALLAH perintahkan kita supaya banyak-banyak meminta pertolongan dari-Nya supaya kita memiliki sifat sabar dan supaya ALLAH menolong kita di dalam mengerjakan sembahyang. Sebab itu di dalam ayat yang lain, ALLAH berfirman:

وَٱسْتَعِينُوا۟ بِٱلصَّبْرِ وَٱلصَّلَوٰةِ ۚ
وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى ٱلْخَـٰشِعِينَ

Terjemahannya: *Mintalah pertolongan dari ALLAH dengan sabar dan sembahyang. Sesungguhnya sembahyang itu amat berat sekali kecuali bagi mereka yang khusyuk.*

(Al Baqarah: 45)

Di sini terang-terang ALLAH mengatakan betapa hendak sembahyang dan hendak sabar itu amat berat sekali kecuali bagi orang-orang yang khusyuk saja. Bagi orang yang tidak khusyuk, tidak takut ALLAH, tidak rendah diri kepada ALLAH, tidak gerun kepada ALLAH, payah sekali untuk bersembahyang dan bersabar.

Demikian beberapa contoh **Kalamullah yang berbentuk *amar*** iaitu perintah suruh. Di samping Kalamullah berbentuk perintah suruh, ada juga **Kalamullab yang berbentuk tegah atau disebut *nuhi*.** Dan Kalamullah ini juga banyak terdapat di dalam Al Quran. Di antaranya:

وَلَا تَقْرَبُوا۟ ٱلزِّنَىٰٓ

Terjemahannya: ***Dan jangan kamu menghampiri*** zina.

(Al Israk: 32)

Lihat begitu cantik sekali ALLAH memberi peringat-an-Nya yang mana tegahan itu bermaksud ***"Jangan ham@ kepada zina"*** bukan bermaksud "Jangan kamu berzina". Ertinya, ALLAH mengingatkan manusia keadaan yang belum terjadi. Kalau sudah terjadi zina, tidak perlu di-ingatkan lagi. Hanya perlu dihukum. Sebab itu tegahan ALLAH itu melarang kita supaya jangan hampir kepada perkara-perkara yang boleh membawa kepada zina. Dan ALLAH tidak mengatakan Jangan berzina".

Samalah kalau kita melarang anak kita daripada masuk ke dalam perigi. Kita tidak kata, "Jangan masuk perigi" tetapi kita akan sebut, "Jangan hampir dengan perigi ". Sebabnya, kalau sudah jatuh, tentunya tidak bermakna lagi. Sebelum jatuh itulah perlu diingatkan. Kerana itu dalam soal zina, ALLAH larang manusia dari hampir kepada perkara-perkara yang boleh menimbulkan zina seperti bergaul bebas, mendedah aurat, bersiar di tempat-tempat maksiat, dan banyak lagi unsur yang lain. Unsur-unsur ini mesti disekat lebih awal.

Dan sebab itulah ada keterangan Hadis yang menga-takan, kalau kita melihat perempuan yang bukan muh-ram hingga menimbulkan syahwat, maka itu dinamakan zina juga iaitu zina mata. Begitu juga kalau kita men-dengar suara perempuan hingga menimbulkan nafsu syahwat, itu dikatakan zina telinga. Kita pegang pula badan perempuan; itu dikatakan zina tangan. Dan kalau kita hidu bau minyak wanginya atau bau bedaknya, itu dikatakan zina hidung. Jadi, kata Rasulullah, semua itu adalah zina. Begitu juga kalau fikiran sudah khayal dengan perempuan; itu dikatakan zina fikiran.

Di dalam ayat yang lain, ALLAH memberi tegahan-Nya melalui Kalam-Nya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِنَّمَا ٱلۡخَمۡرُ وَٱلۡمَيۡسِرُ وَٱلۡأَنصَابُ وَٱلۡأَزۡلَٰمُ رِجۡسٞ

مِّنۡ عَمَلِ ٱلشَّيۡطَٰنِ فَٱجۡتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمۡ تُفۡلِحُونَ

Terjemahannya: ***Wahai orang-orang yang beriman, sesungguhnya arak, judi, bertenung nasib dan (menyembah) berhala, itu*** semua ***adalah perkara keji dari permainan syaitan. Oleh itu jauhilah agar kamu mendapat kemenangan (di dunia dan di Akhirat).***

(Al Maidah: 90)

Di sini ALLAH memerintahkan kita agar menjauhkan dir-i daripada empat perkara iaitu minum arak (serta perkara-perkara yang ada kena-mengena dengan arak, menjual, mengedar, mengilang dan lain-lainnya), berjudi, bertenung nasib serta menyembah berhala dan patung-patung. Semua itu permainan syaitan, sedangkan syaitan adalah musuh kita.

Kalau empat perkara ini dapat kita tinggalkan, kita adalah golongan orang yang mendapat kemenangan di dunia dan di Akhirat. Tetapi kalau empat perkara ini masih ada, walaupun kita kata berjaya tetapi sebenarnya tidak berjaya. Atau kita kata bersih tetapi sebenarnya tidak bersih, atau kita kata hebat tetapi sebenarnya kita tidak hebat, atau kita kata menang tetapi sebenarnya kita tidak menang. Sebabnya, kita telah berlawan dengan kata-kata ALLAH.

Di antara Kalamullah yang mengandungi perintah ***nahi*** lagi adalah seperti:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَتَّخِذُواْ ٱلۡيَهُودَ وَٱلنَّصَٰرَىٰٓ أَوۡلِيَآءَ

Terjemahannya: ***Wahai orang-orang yang beriman, jangan kamu memilih orang-orang yahudi*** dan ***orang-orang nasrani itu sebagai pemimpin.***

(Al Maidah: 51)

Di sini ALLAH melalui Kalam-Nya memerintahkan kita supaya jangan sekali-kali melantik orang-orang yahudi dan nasrani (kristian) menjadi pemimpin dalam masyarakat, negara atau apa saja.

Kemudian, Kalamullah juga ada yang berbentuk cerita dan ini diuamakan 'khabar'. Umpamanya di dalam Al Quran ada diceritakan tentang Firaun. Dikisahkan tentang penzalimannya, penindasan yang dilakukannya, kejahatannya, kekufurannya dan lain-lain sifatnya. Begitu juga kisah Hamman, Namrud dan lain-lain. Di antara Kalamullah ini ialah:

Terjemahannya: ***Sesungguhnya Kami utuskan sebelum kamu (wahai Muhammad) rasul-rasul untuk puak-puak di zaman dahulu. Dan tidak datang seorang rasul pun kepada mereka melainkan mereka selalu memperolok-olokkannya. Sikap keji itu Kami campakkan kepada orangorang yang hatinya berdosa (jahat) .***

(Al Hijr: 10-12)

Di sini ALLAH mengkhabarkan tentang sikap umat-

umat zaman dahulu yang kepada mereka juga diutus rasul-rasul tetapi mereka memperhina dan memperolok-kannya, malah ada yang mereka bunuh. Dan seterusnya ALLAH mengkhabarkan betapa bukan saja berlakunya sikap seperti itu kepada umat zaman dahulu tetapi juga kepada umat Rasulullah di kemudian hari.

Umat-umat di kemudian hari seperti di zaman kita ini sudah tidak dihantar rasul-rasul atau nabi lagi tetapi tetap ada pewaris perjuangan mereka seperti tuk-tuk guru, ustaz-ustaz, pendakwah-pendakwah dan sebagainya yang terus bergelanggang di tengah masyarakat. Ketika mereka ini membuka kelas-kelas pengajian, mengadakan usaha dakwah dan sebagainya, mereka juga akan diejek-ejek dan diperolok-olok. Jadi sama saja sikap orang zaman dahulu dengan orang di kemudian hari di zaman kita ini.

Ejekan itu berlaku dalam pengalaman kita hari ini. Orang-orang yang hendak menyampaikan ajaran ALLAH (bersifat rasul *majazi,* bukan rasul hakiki kerana rasul hakiki yang terakhir ialah Rasulullah) mereka ejek sebagai songsang, terbalik, kolot, ortodoks, ketinggalan zaman dan lain-lainnya. ALLAH mengkhabarkan kepada kita melalui Kalam-Nya bahawa golongan ini ialah orang-orang yang hatinya sudah kotor, jahat dan penuh dosa.

SENARAI BUKU-BUKU YANG DITERBITKAN

SIRI CERAMAH UMUM

Pembahagian Manusia Di Akhirat
Keindahan Islam
Hidup Menurut Pandangan Islam
Keindahan Dan Kebesaran Sembahyang
Bagaimana Rasulullah Mengubat Penyakit Masyarakat

SIRI NOVEL

Judul	Tahun
Selamat Tinggal Duniaku	1985

SIRI ANTOLOGI sAJAK/MADAH

Judul	Tahun
Di Ambang pinti Kiamat	1976
Cahaya	1977
Di Antara Rintihan Dan Harapan	1983
Kesedaran	1985
Madah Hatiku	1986
Hatiku Bermadah Lagi	1988
Yang Dirindu	1990

SIRI KOLEKSI KHUTBAH/DLALOG/KUUAH

Judul	Tahun
Pembangun Jiwa Dan Fikiran Ummah	1990
lnilah Sikap Kita (Slrl 1)	1990

SIRI FALSAFAH DAN TARBIAH

Judul	Tahun
lbadah Menurut Islam	1980
Apa Itu Masyarakat Islam	1981
Ke Arab Membangun Negara Dan Masyarakat Islam	1981
Huraian Ke Arah Membangun Masyarakat Dan Negara Islam	1981
Huraian Apa Itu Masyarakat Islam	1981
Bergembiralah Dengan Al Quran Dan Sunnah	1981
Falsafah Dalam Menyelesaikan Masalah Hidup Menurut Islam	1981
lman Dan Persoalannya	1983
Yang Tersirat Disurat	1983
Bersatu Menurut Islam	1984
lnilah Jalan Kita (1)	1984
Matlamat Perjuangan Menurut Islam	1984
Kemerdekaan Menurut Islam	1984
Mengenal Diri Melalui Rasa Hati	1985
Aurad Muhammadiah Pegangan Darul Arqam	1986
Kembara Membuktikan Kebenaran Al Quran	1987
Bahaya Syiah	1987
Krisis Dan Jalan Penyelesaiannya	1987
Siapa Mujaddid Kurun Ke-15?	1987
lnilah Pandanganku	1988
Kenapa Salahkan Musuh?	1988
Berhati-hati Membuat Tuduhan	1989
Renungan Untuk Mengubah Sikap	1990
Perancangan dan Perkhidmatan	1990
Pendidikan Rasulullah	1990
Manisnya Madu	1990
Perang Teluk : Islam Akan Kembali Gamilang	1991
Langkah-Langkah Perjuangan	1991
Aqidah Mukmin (I)	1991
Manusia Tidak Memiliki dan Tidak Dimiliki	1991
Konsep Kesederhanaan Pandangan Islam	1991

SIRI TERJEMAHAN B. INGGERIS

Worship in Islam	1989
The Scription of The Hidden Knowledge	1990
Life According To Islam	1990
This Is Our Way	1990

SEJAK kewafatan Rasulullah SAW hingga ke saat ini, telah lahir dan berkembang di tengah-tengah masyarakat Islam berbagai-bagai aliran aqidah dan pegangan serta pecahan-pecahannya. Sehingga kalau dihitung aliran-aliran aqidah itu, akan terjumlahlah ia kepada 73 pecahan yang kesemuanya terkeluar daripada aqidah yang sebenar, kecuali satu – Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ini menepati maksud Hadis:

"*Sesungguhnya akan berpecah-belah umatku menjadi 73 puak. Maka yang satu puak di Syurga dan yang 72 puak di Neraka.*" Beruntunglah kita kalau selama ini berpegang kepada aqidah yang sah. Namun, semata-mata mengaku Ahli Sunnah Wal Jamaah tidak menjamin kita terselamat daripada terperangkap dengan aqidah yang sesat.

Malah, hari ini ramai di kalangan umat Islam yang terjebak ke dalam perangkap qadariah, jabariah, mujassimah, muktazilah, dan lain-lain aqidah yang sesat. Terperangkapnya kebanyakan mereka ke dalam aqidah-aqidah yang sesat itu biasanya secara tidak sedar (disebabkan kejahilan) iaitu dalam pada mereka mengaku berpegang kepada aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Di samping itu, tidak kurang pula di kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang secara sedar menukar aqidah mereka kepada aqidah syiah, wahabi dan sebagainya semata-mata kerana melihatkan golongan yang berpegang kepada aqidah-aqidah itu telah berpengaruh dalam masyarakat, malah sesetengahnya telah menerajui negara.

Justeru itu, buku ini lahir (dalam tiga jilid) untuk memandu pembaca menyuluh kembali aqidah dan pegangan mereka agar benar-benar selari dan tepat dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ia menghuraikan dengan jelas, berdasarkan hujah-hujah aqliah dan naqliah, ciri-ciri aqidah yang sebenar dan kesesatan aqidah-aqidah selainnya.

Gaya penyampaiannya yang mudah dan menyentuh berserta contoh-contoh semasa yang dipaparkan, menjadikan buku ini istimewa berbanding dengan mana-mana buku lain yang menyentuh persoalan aqidah (tauhid). Ia akan membuatkan pembaca berasa ringan dalam menghayati satu persoalan yang maha penting dalam kehidupan seorang Mukmin. Dan akhirnya, ia akan membawa pembaca (insya-Allah) kepada satu keyakinan yang kental bahawa aqidah dan pegangan mereka adalah sebenar-benar:

AQIDAH MUKMIN